

REKA BENTUK PROGRAM LATIHAN INDUSTRI  
MATA PELAJARAN PERNIAGAAN UNTUK PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH ATAS

CHRIS FLORIDAH M BINTI MAPPAH

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2024

REKA BENTUK PROGRAM LATIHAN INDUSTRI MATA PELAJARAN  
PERNIAGAAN UNTUK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH ATAS

CHRIS FLORIDAH M BINTI MAPPAH

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PERKEMBANGAN KURIKULUM)

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2024

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **CHRIS FLORIDAH M BINTI MAPPAH**

No. Pendaftaran/Matrik: **S2118126**

Nama Ijazah: **SARJANA (PERKEMBANGAN KURIKULUM)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**REKA BENTUK PROGRAM LATIHAN INDUSTRI MATA  
PELAJARAN PERNIAGAAN UNTUK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH ATAS**

Bidang Penyelidikan: **PERKEMBANGAN KURIKULUM**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apaapa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 19/03/2024

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 19/3/2024.

Nama:  
Jawatan:

## ABSTRAK

Kajian ini bermatlamat untuk membantu memperkukuhkan asas pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari secara teori di dalam bilik darjah melalui reka bentuk program latihan industri mata pelajaran Perniagaan bagi pelajar sekolah menengah berfokus kepada 5 elemen iaitu objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian. Sehingga ke hari ini, situasi latihan secara praktikal tidak berlaku dalam konteks kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah atas. Kurikulum Perniagaan ini mengandungi pelbagai saranan pelaksanaannya namun terdapat beberapa perkara yang tidak selari. Ketidaksiharan itu adalah seperti keperluan penerapan elemen STEM dalam PdP, ketersediaan sumber dan bahan PdP yang bersesuaian dengan keperluan industri serta berlakunya penyampaian kurikulum berstrategi rutin yang boleh menyebabkan proses dalam menghasilkan idea merancang perniagaan di Kertas 3 SPM turut menjadi masalah. Isu ini jelas menampakkan tidak berlakunya gabungan elemen “mental” dan “manual”, iaitu tiada korelasi antara teori dan praktikal. Oleh itu, terdapat keperluan membangunkan sebuah reka bentuk program latihan industri mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas. Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* diaplikasi dengan penglibatan lima belas orang pakar. Pakar yang dipilih adalah dalam kalangan warga pendidikan di sekolah, pegawai pendidikan di peringkat negeri dan kementerian serta ahli akademik di peringkat pengajian tinggi awam. Semakan dokumen dan kajian-kajian lepas dilaksanakan. Ianya disusuli dengan mengadakan sesi temu bual separa berstruktur bersama dengan tiga orang pakar rujuk bagi tujuan membangunkan Instrumen *Fuzzy Delphi*. Setelah instrumen *Fuzzy Delphi* lengkap dihasilkan, ianya ditadbir bersama 15 orang pakar dengan kaedah temu bual yang sama. Dapatan kajian menunjukkan, kesepakatan pakar dicapai terhadap 26 item kajian dengan memenuhi kesemua syarat

teknik pengiraan Fuzzy Delphi. Pakar menerima semua kriteria yang merangkumi (a) objektif, (b) kandungan, (c) alat bantu latihan, (d) strategi, dan (e) penilaian ke atas reka bentuk program latihan industri. Kajian lanjut turut menyarankan agar aspek kehendak dan ekonomi pelajar dipertimbangkan termasuk juga aspek motivasi dan niat pelajar, selain mencadangkan industri hadir ke sekolah serta reka bentuk yang selari bagi kesemua elemen. Implikasi reka bentuk program latihan industri kajian ini adalah, ianya boleh menjadi sebuah rujukan yang relevan untuk disemak bersama kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan di sekolah menengah yang juga diharap dapat membantu merangka program latihan industri yang berpandukan elemen objektif, kandungan, strategi dan penilaian bagi membantu mengembangkan idea dan kesediaan pelajar merancang perniagaan dan sebagai pelengkap kepada teori yang dipelajari kepada praktikal yang relevan untuk masa kini dan masa hadapan.

## **ABSTRACT**

### **DESIGN OF INDUSTRY TRAINING PROGRAM BUSINESS STUDIES FOR HIGH SCHOOL STUDENTS**

This study aims to help strengthen the foundation of knowledge and skills learned theoretically in the classroom through the design of an industrial training program for Business subjects for high school students focusing on 5 elements namely objectives, content, training aids, strategy and evaluation. Until today, training situations practically do not occur in the context of the curriculum of Business subjects in secondary schools. This Business Curriculum contains various implementation recommendations but there are some things that are not parallel. The inconsistency is such as the need for the application of STEM elements in TnL, the limitation of PdP resources and materials that are compatible with the needs of the industry as well as the delivery of a routine strategic curriculum that can cause the process of generating business planning ideas in Paper 3 of SPM to also become a problem. This issue clearly shows that there is no combination of "mental" and "manual" elements, that is, there is no correlation between theory and practice. Therefore, there is a need to develop an industrial training program design for Business subjects in secondary schools. The Fuzzy Delphi Method (FDM) was applied with the involvement of fifteen experts. The chosen experts are among people educated in schools, education officials at the state and ministry levels and academics at the public higher education level. Document review and past studies are carried out. It was followed by holding a semi-structured interview session with three consulting experts for the purpose of developing the Fuzzy Delphi Instrument. When that steps complete, Fuzzy Delphi instrument was produced, it was administered with 15 experts using the same interview method. The findings of the study show that expert agreement was reached

on 26 study items by meeting all the requirements of the Fuzzy Delphi calculation technique. Experts accept all criteria that include (a) objectives, (b) content, (c) training tools, (d) strategy, and (e) evaluation of industrial training program design. Further research also recommends that aspects of students' wishes and economics be considered, including aspects of student motivation and intention, in addition to suggesting that industry attend schools as well as a parallel design for all elements. The implication of this studies for the design of industrial training program is, it can be a relevant reference to be reviewed along with the Business Subject curriculum in secondary schools. This study is also expected to help design an industrial training program that is guided by elements of objectives, content, strategy and evaluation to help develop students' ideas and readiness to plan a business and as a complement to the theory learned to practice that is relevant for the present and future.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Ilahi. Dengan izinNya, saya dapat menyiapkan kajian ini. Saya amat bersyukur dan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih saya kepada pelbagai pihak yang terlibat membantu saya dalam pengajian ini, khasnya kepada penyelia saya, suami, seluruh ahli keluarga, panel penilai, panel pakar dan rakan-rakan saya. Wang ringgit, tenaga, idea dan pelbagai usaha tanpa mengira masa telah membantu saya melengkapkan kajian ini dengan sempurna. Professor Dr. Norlidah Alias, adalah penyelia saya di Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran, Fakulti Pendidikan. Pelbagai idea termasuk bahan rujukan telah dikongsikan kepada saya termasuk juga nasihat, tunjuk ajar, dan bimbingan. Saya amat menghargai setiap panduan dan sokongan yang dicurahkan dan hasilnya membantu saya mencapai matlamat saya dalam melengkapkan disertasi ini. Seterusnya, penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada pakar penilai dan panel seminar yang telah meluangkan masa dan tenaga untuk membaca dan menilai disertasi saya. Terima kasih kerana menyumbangkan kebijaksanaan dan pandangan yang mendalam serta ketelitian yang membantu saya menambahbaik disertasi saya. Selanjutnya, untuk suami, keluarga dan rakan-rakan saya, yang turut memberi sumber inspirasi, dengan perkongsian idea sepanjang perjalanan saya yang berlaku dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga Allah SWT selalu merahmati anda semua. Tanpa adanya sokongan daripada anda semua termasuk sokongan emosi, motivasi dan nilai kepercayaan yang diberikan, ianya telah menjadi sumber kekuatan yang utuh untuk saya terus melangkah ke hadapan sehingga penyempurnaan disertasi ini. Semoga disertasi ini mampu menjadi rujukan dalam membina landasan baharu, membantu kemenjadian murid Perniagaan di sekolah menengah dalam Malaysia.



## JADUAL KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	v
Penghargaan	vii
Jadual Kandungan	viii
Senarai Rajah	xi
Senarai Jadual	xii
Senarai Singkatan	xiii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	1
1.1 Latar belakang kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	12
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Rasional Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	20
1.7 Limitasi Kajian	23
1.8 Definisi Istilah	24
1.8.1 Reka Bentuk Program	25
1.8.2 Latihan Industri	25
1.8.3 Mata Pelajaran Perniagaan	26
1.8.4 Sekolah Menengah Atas	27
1.8.5 Pelajar	27
1.9 Rumusan	28
<b>BAB 2: TINJAUAN LITERATUR</b>	29
2.1 Pendahuluan	29
2.2 Konsep Latihan Industri	29
2.3 Perkembangan Mata Pelajaran Perniagaan	33

2.4	Teori Berkaitan	37
2.4.1	Model Taba	37
2.4.2	Model Kurikulum Berasaskan Industri	38
2.4.3	Model Perantisan Kognitif	41
2.5	Kajian Lepas	43
2.5.1	Mata Pelajaran Perniagaan	43
2.5.2	Keusahawanan Luar dan Dalam Negara	47
2.5.3	Latihan Industri Luar Negara	57
2.5.4	Latihan Industri Dalam Negara	61
2.6	Kerangka Konseptual	80
2.7	Rumusan	83
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>84</b>
3.1	Pendahuluan	84
3.2	Reka Bentuk Kajian	84
3.3	Teknik <i>Fuzzy Delphi</i>	87
3.4	Persampelan dan Prosedur Pemilihan Pakar	88
3.5	Instrumen Kajian	92
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	97
3.7	Analisis Data	99
3.8	Kesahan Kandungan	103
3.9	Prosedur Kajian	104
3.10	Etika Kajian	107
3.11	Rumusan	110
<b>BAB 4: ANALISIS DATA</b>		<b>111</b>
4.1	Pendahuluan	111
4.2	Temu bual Separa Berstruktur Pakar Rujuk	111
4.3	Instrumen <i>Fuzzy Delphi</i>	113
4.4	Analisis Data Soal Selidik Instrumen Kajian (Bahagian A)	116
4.5	Analisis Data Soal Selidik Instrumen Kajian (Bahagian B)	122
4.5.1	Objektif	123
4.5.2	Kandungan	126

4.5.3	Bahan bantu latihan	128
4.5.4	Strategi	130
4.5.6	Penilaian	132
4.6	Rumusan	136
<b>BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>		137
5.1	Pendahuluan	137
5.2	Rumusan Hasil Kajian	137
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	138
5.4	Output Reka Bentuk Program Latihan Industri Perniagaan	153
5.5	Implikasi Kajian	158
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	165
5.7	Kesimpulan	168
<b>RUJUKAN</b>		170
<b>LAMPIRAN</b>		180
A1	Instrumen <i>Fuzzy Delphi</i>	180
A2	Surat Pengesahan Pelajar	187
A3	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (KPM)	188
A4	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (JPN Selangor)	189
A5	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (JPN Sabah)	190
A6	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (BPLTV)	192
A7	Surat Lantikan 3 Pakar Rujuk	194
A8	Transkrip Temu Bual Pakar Rujuk 1	197
A9	Kesahan Transkrip Pakar Rujuk 1	205
A10	Transkrip Temu Bual Pakar Rujuk 2	206
A11	Kesahan Transkrip Pakar Rujuk 2	211
A12	Transkrip Temu Bual Pakar Rujuk 3	212
A13	Kesahan Transkrip Pakar Rujuk 3	218

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Hubungan Kemenjadian Pelajar dengan cabaran Rancangan Sesi Latihan (RSL) dan Rancangan Pembelajaran (RP) serta Kepelbagaian isu (Minat, Pengetahuan Sedia Ada dan Kemahiran)	19
Rajah 2.1	Perbandingan Konsep Kemahiran TVET	77
Rajah 2.2	Elemen-elemen Kelestarian Institusi TVET di Malaysia	78
Rajah 2.3	Analisis Tematik Tinjauan Literatur dan Sumber Rujukan mengikut konsep Model Taba (1962)	79
Rajah 2.4	Kerangka Konseptual Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk Pelajar di Sekolah Menengah Atas	82
Rajah 3.1	Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data Kajian	97
Rajah 3.2	Proses Analisis Teknik <i>Fuzzy Delphi</i>	100
Rajah 3.3	Rumus bagi nilai <i>threshold</i> , ( $d$ )	102
Rajah 3.4	Rumus bagi mendapat Nilai Skor <i>Fuzzy</i> (A)	102
Rajah 3.5	Prosedur Kajian	105
Rajah 5.1	Cadangan Output Model Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah	154
Rajah 5.2	Contoh Model Program Latihan Industri berasaskan projek	156

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Rumusan Kajian Lepas	68
Jadual 3.1	Prosedur Pemilihan Pakar	89
Jadual 3.2	Kriteria Pakar dalam bidang Pendidikan	90
Jadual 3.3	Kandungan Instrumen Soal Selidik	94
Jadual 3.4	Nilai Skor Item berdasarkan Pemeringkatan Skala Likert	96
Jadual 3.5	Aras Persetujuan Pemboleh Ubah Linguistik dan Skala <i>Fuzzy</i> Lima Mata	97
Jadual 4.1	Kandungan Instrumen <i>Fuzzy Delphi</i> (Bahagian A)	113
Jadual 4.2	Kandungan Instrumen <i>Fuzzy Delphi</i> (Bahagian B1 – B5) mengikut elemen Objektif, Kandungan, Bahan bantu latihan, Strategi dan Penilaian	114
Jadual 4.3	Analisis Data mengikut Umur Pakar	117
Jadual 4.4	Analisis Data mengikut Tahap Kelulusan Akademik Pakar	118
Jadual 4.5	Analisis Data bagi Jawatan terkini pakar	119
Jadual 4.6	Analisis Data bagi Kepakaran / Bidang Pengkhususan Pakar	120
Jadual 4.7	Analisis Data bagi tempoh pengalaman dalam bidang kepakaran/pengkhususan	121
Jadual 4.8	Nilai <i>threshold (d)</i> bagi 26 item dalam Instrumen Soal Selidik Kajian	124
Jadual 4.9	Analisis Item Elemen Objektif	125
Jadual 4.10	Analisis Item Elemen Kandungan	127
Jadual 4.11	Analisis Item Elemen Bahan bantu latihan	129
Jadual 4.12	Analisis Item Elemen Strategi	131
Jadual 4.13	Analisis Item Elemen Penilaian	133
Jadual 4.14	Analisis Dapatan Analisis Keseluruhan Data bagi 26 item Instrumen Soal Selidik Kajian	135

## SENARAI SINGKATAN

PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MPEI	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
POPBL	Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek
WBL	<i>Work Based Learning</i>
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
STEM	<i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PIMA	Program Perantisan Industri Menengah Atas
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar Sekolah Menengah Atas yang dibawakan dalam kajian ini adalah kajian yang mencadangkan sebuah program latihan industri secara praktikalnya dijalankan oleh pelajar di luar waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) harian di dalam bilik darjah. Program latihan industri adalah sebuah program yang tidak asing lagi dijalankan di negara Malaysia khususnya dalam sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Hala tuju jelas sistem pendidikan tinggi ini menggambarkan situasi betapa pentingnya pelajar menjalani program tersebut bagi tujuan kesinambungan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari dalam sesi kuliah harian mereka dan seterusnya mampu membekalkan pelajar yang didorong dengan kemahiran yang lebih tinggi. Jika dirujuk pada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025, jelas menggambarkan hala tuju sistem Pendidikan Malaysia berserta aspirasi pelajar ke arah memenuhi keperluan negara sebagai sebuah negara yang mampu menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi; dan membangunkan bandar sebagai sumber daya saing (Rancangan Malaysia Ke-11, 2015) pada era globalisasi ini (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013).

Rujukan yang sama iaitu PPPM, dalam ruang Prakata ada menyatakan “Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Pendidikan juga merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi

keseluruhannya”. Inisipati yang sama juga turut disuarakan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyidin Yasin, dan pada masa tersebut menjalankan tugas sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia, dalam rujukan yang sama, turut menyatakan “sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global.”

Bab satu kajian ini akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai latar belakang kajian, rasional kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, definisi operasional dan rumusan berkaitan dengan tajuk kajian.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Keselarian kenyataan yang dibawa oleh PPPM dalam usaha meningkatkan ekonomi negara dengan kenyataan tokoh pada perenggan pendahuluan di atas, matlamat yang digariskan dalam salah satu mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah menengah iaitu Mata Pelajaran Perniagaan Tingkatan 5, pada dokumen Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI), ada menyatakan bahawa “KSSM MPEI Perniagaan bermatlamat untuk menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam perniagaan ke arah menjadi pengguna bijak, pekerja dan pengusaha yang kompeten, berkeyakinan dan bersikap positif, beretika serta menjadi warganegara yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara.”



Dokumen KSSM MPEI tersebut turut menyatakan bahawa ianya memberi fokus kepada keperluan perubahan kurikulum dan pentaksiran berasaskan kompetensi yang merujuk standard industri, badan professional dan badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa. KSSM adalah suatu standard yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula tahun 2017 sehingga kini. Berdasarkan Kerangka Kurikulum Mata Pelajaran terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) (2017), KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum yang baharu diperkenalkan ini juga turut menyatakan dan berharap dapat memberikan impak positif dalam sistem Pendidikan Malaysia.

Kepentingan kurikulum MPEI Perniagaan ini juga turut menyatakan hasrat dan inisiatif menjadikan pelajar sebagai modal insan yang menyeluruh serta seimbang termasuk mempunyai nilai dan akhlak yang mulia, kritis, kreatif dan inovatif serta tidak melupakan untuk menerapkan amalan budaya professional yang mampu membawa cabaran dalam abad ke-21, selain mampu dan seiring dengan perkembangan teknologi dalam industri ke arah bersama menyokong matlamat negara Malaysia yang maju. Kandungan KSSM MPEI Perniagaan juga digubal dengan fitur yang berasaskan standard badan pensijilan dan badan professional yang dapat membantu pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang tertiar dan secara langsung dapat menguasai kompetensi standard industri. Ianya juga disokong dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berorientasikan amalan perusahaan yang mampu memupuk budaya keusahawanan serta mengukuhkan pembelajaran berasaskan pengalaman.

Pada dokumentasi yang sama juga, istilah “merujuk standard industri”, “standard kompetensi industri”, “perniagaan sebagai satu kerjaya” dan “memenuhi keperluan industri” dinyatakan dengan jelas sebagai agenda dalam kurikulum MPEI Perniagaan yang perlu dicapai oleh pelajar setelah mempelajari mata pelajaran ini. Istilah-istilah ini menarik minat pengkaji dengan lebih jelas akan merujuk kepada hasrat yang akan diutarakan dalam kajian ini, sebagai satu kesinambungan dan keberhasilan yang menyokong objektif yang dihasratkan dalam KSSM MPEI Perniagaan iaitu dengan adanya reka bentuk latihan industri ini, dapat membantu bukan sahaja pelajar, malah guru dan seluruh warga pendidikan KSSM MPEI Perniagaan mencapai keseluruhan objektif mata pelajaran tersebut.

Kajian ini dijalankan bagi menyokong visi dan misi Kurikulum serta matlamat KSSM MPEI Perniagaan itu sendiri. Fokus utama dalam matlamat MPEI Perniagaan adalah menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran, dan mempunyai nilai dalam perniagaan ke arah menjadi pengguna dan pengamal perniagaan yang bijak, bekerja dengan penuh kompeten, berkeyakinan dan bersikap positif dan sekaligus menjadi warganegara yang bertanggungjawab bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk masyarakat, keluarga dan negara. Berdasarkan dokumen KSSM MPEI Perniagaan, antara objektif yang digariskan adalah berfokus kepada meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan minat dalam bidang perniagaan. Dengan tiga perkara tersebut sebagai asas pada mata pelajaran, pelajar juga diharap dapat membangunkan idea dan membina kesediaan untuk memulakan perniagaan dengan sokongan kemahiran menganalisis dan menilai perubahan persekitaran dalam organisasi perniagaan. Ianya akan diteruskan juga dengan hasrat pelajar dapat membina kemahiran keboleherjaan dan kreativiti dalam bidang perniagaan, dan tidak

dilupakan, pelajar perlu menerapkan kesedaran tanggungjawab sosial, tingkah laku beretika dalam perniagaan, serta pelbagai nilai murni lain.

Perkembangan perubahan dan peralihan terhadap mata pelajaran Perniagaan dapat dilihat sejak tahun 2017. Perubahan daripada mata pelajaran Perdagangan kepada Perniagaan dikuatkuasakan melalui perutusan surat rasmi daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Surat Siaran, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2016 (SS SPI Bil. 9/2016) menyatakan dengan jelas perubahan tersebut iaitu perubahan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Perdagangan kepada KSSM MPEI Perniagaan. Perubahan ini sebenarnya telah diumumkan secara rasmi dengan maklumat lebih terperinci pada Surat Siaran Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2016 dan disusuli dengan hebahan lanjut pada SS SPI Bilangan 6 Tahun 2019. Semenjak dua perkabaran perubahan ini, dan seperti yang telah digariskan dalam PPPM (2013-2025), perubahan adalah bertujuan untuk memberi fokus dan perhatian kepada penguasaan kemahiran pembelajaran abad ke-21 yang menggariskan penguasaan elemen-elemen penting seperti pemikiran kritis, kreatif, inovatif dan tidak dilupakan pembelajaran ke arah penyelesaian masalah dan penerapan sifat kepimpinan yang menggalakkan pelajar bersaing di peringkat global.

Perubahan pasti membawa cabaran, bukan sahaja kepimpinan sekolah, ianya juga turut dihadapi oleh guru. Perubahan daripada kandungan kurikulum, peralihan kepada pengenalan kandungannya, serta usaha menyepadukan strategi pengajaran termasuk bahan bantu mengajar, turut menjadi cabaran yang dihadapi bermula sesi persekolahan tahun 2017. Cabaran demi cabaran yang dilalui oleh para pendidik, dalam usaha

menyampaikan kurikulum KSSM MPEI Perniagaan tanpa mengikut acuan dan pendapat sendiri. Selain itu, situasi yang dihadapi oleh guru zaman ini bukan sahaja dalam penyampaian kurikulum itu sendiri, tetapi keadaan pelajar juga amat mempengaruhi. Pelajar yang memilih KSSM MPEI Perniagaan adalah pelajar yang majoriti pelajar di tahap akademik yang sederhana dan dikhuatiri pelajar pada tahap cicir setelah mengharungi tiga tahun pengajian di sekolah menengah dari tingkatan 1 ke tingkatan 3. Usaha mengelakkan pelajar ini tertinggal terhadap pelajaran, maka mata pelajaran Perniagaan menjadi pilihan. Namun dalam usaha untuk mengelakkan pelajar ini keciciran pelajaran, pelbagai usaha dilakukan dan salah satunya adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan gabungjalinkan kemahiran dan pendekatan STEM.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pendekatan bijak dengan penerapan gabungjalinkan kemahiran *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)* adalah satu usaha ke arah membentuk strategi pemikiran inkuiri, penyelesaian masalah atau projek dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar yang memilih mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah bermula dari tingkatan empat dan seterusnya tingkatan lima. Aktiviti yang dirancang oleh guru kepada pelajar, boleh berlaku secara individu, pasangan atau kumpulan dengan gabungjalinkan proses penerapan pembudayaan pendekatan STEM yang boleh diaplikasi melalui 8 kemahiran yang terkandung dalam DSKP MPEI Perniagaan. Kemahiran-kemahiran tersebut adalah seperti menyoal dan mengenal pasti masalah, membangunkan dan menggunakan model, merancang dan menjalankan penyiasatan, menganalisis dan mentafsirkan data, menggunakan pemikiran matematik dan pemikiran komputasional, membina penjelasan dan mereka bentuk penyelesaian,

melibatkan diri dalam perbahasan dan perbincangan berdasarkan eviden, dan mendapatkan maklumat, menilai dan berkomunikasi tentang maklumat tersebut.

Mengambil empat daripada lapan elemen gabungjalin kemahiran *STEM* ini iaitu menyoal dan mengenalpasti masalah, perancangan dan melaksanakan penyiasatan, melakukan analisis dan mentafsir data dan pelbagai strategi, serta mendapatkan maklumat, menilai dan berkomunikasi dengan maklumat, menemukan pengkaji pada masalah yang mana kemahiran-kemahiran ini perlu disokong dengan adanya pendedahan kepada aktiviti luar bilik darjah agar pelajar dapat melaksanakannya dengan lebih berimpak dan terdedah dengan realiti dunia perniagaan. Dengan matlamat bagi membentuk sahsiah keusahawanan pelajar melalui matlamat dan objektif mata pelajaran Perniagaan ini, selain berusaha untuk melahirkan usahawan yang berjaya dengan pemikiran kritis dan mampu menyelesaikan masalah akan menjadi kesukaran untuk dicapai kerana proses mendapatkan kemahiran-kemahiran *STEM* ini tidak disokong dengan pendedahan pada dunia realiti perniagaan sebenar. Shazaitul Azreen Rodzalan, Noor Nazihah Mohd. Noor, Lily Suriani Mohd Arif dan Maisarah Mohamed Saat (2020) menyatakan dalam kajian mereka bahawa satu cara untuk meningkatkan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah adalah dengan melalui pengalaman yang diperoleh daripada latihan industri. Hal ini tidak berlaku dengan situasi pendidikan kurikulum Perniagaan di sekolah menengah dalam negara kita.

Keterhadan bahan dan komunikasi juga turut menimbulkan masalah dalam mata pelajaran ini. Pelajar belajar dengan bimbingan guru berdasarkan bahan bacaan sebagai rujukan, atau aplikasi bahan bantu secara atas talian sebagai rujukan tambahan

mahupun daripada pelbagai sumber lain. Teori yang dipelajari secara formal sahaja melalui bimbingan PdP guru di dalam bilik darjah, turut mencetuskan masalah kerana impak sederhana dan kurang berkesan berbanding pelajar sendiri merasainya melalui latihan praktikal dan mendapat bimbingan tambahan daripada mentor perniagaan melalui latihan industri. Gabungan teori dan praktikal akan memberikan impak besar kepada pelajar. Sebagai mana penemuan kajian daripada Caroline P. D'Abate, Mark A. Youndt dan Kathryn E. Wenzel (2009), pembelajaran formal tidak akan dapat memberikan pelajar kefahaman lengkap tentang kesukaran dalam menyelesaikan masalah dan kemahiran analisis yang berlaku di dunia kerja sebenar. Melalui pendedahan dalam latihan industri, sokongan terhadap bimbingan dan tunjuk ajar daripada guru sebagai mentor di dalam bilik darjah dapat dikesinambungkan dengan bimbingan perantisan di luar bilik darjah secara praktikalnya dengan latihan industri. Latihan industri memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasaran mereka apabila sudah tamat pengajian kelak (Kementerian Pengajian Tinggi [KPT], 2010)

Tambahan pula, pelajar yang berada di usia 16 tahun dan 17 tahun adalah suatu tahap pembelajaran yang memerlukan sokongan kuat kepada asas pendidikan. Ianya bukan sahaja pada aspek teori semata-mata, malah pengukuhan kepada kemahiran secara praktikal perlu diterapkan dan mula didedahkan. Situasi pelajar kini yang tidak mempunyai pengalaman dan tidak pernah melihat keadaan sebenar di tempat kerja (industri), menjadi satu tembok yang besar yang menghalang dan menyekat idea dalam proses menyelesaikan kerja kursus mereka di tingkatan lima, kerana idea dan pengalaman dalam situasi perniagaan sebenar tidak pernah dirasai dan diterokai.

“Graduan kini bukan sahaja dikehendaki mempunyai pengetahuan akademik tetapi perlu mempunyai kemahiran generik ‘*soft skills*’ dan kemahiran menguruskan perniagaan bagi meningkatkan kompetensi mereka. Semua kemahiran ini merupakan aset bagi kebolehpasaran graduan dan faktor penentu untuk mendapatkan pekerjaan” (Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof dan Abd Hair Awang, 2015). Dengan itu, adalah sesuai jika pelajar di peringkat menengah atas ini didedahkan lebih awal dengan kemahiran sebenar pengurusan asas perniagaan dengan program seperti latihan industri berbanding hanya melalui dan belajar dari situasi PdP formal dan rutin dalam bilik darjah sahaja.

Tanpa penyelarasan berterusan terhadap pengetahuan, akan menutup ruang dan peluang pelajar melihat realiti perniagaan masa kini. Dan kerisauan pengkaji masalah tersebut akan menutup lebih banyak peluang pembinaan sahsiah dan asas ilmu perniagaan dalam kalangan pelajar tanpa adanya latihan praktikal di luar bilik darjah. Sesi PdP mula terjejas yang boleh mengakibatkan minat pelajar semakin menurun, pelajar mula cenderung mengabaikan aktiviti yang dicadangkan oleh guru, malah mudah mempengaruhi rakan yang lain. Akibat daripada isu dan tindakan pelajar, prestasi mata pelajaran Perniagaan juga turut terjejas. Rancangan PdP rutin oleh guru tidak dapat dilaksanakan dengan lancar dan pelajar yang bermasalah ini juga akan membazir masa sepanjang dua tahun berada di mata pelajaran Perniagaan. Seperti yang disarankan oleh Philip Stabback (2016), kekurangan penyelarasan antara pengetahuan boleh menyebabkan kekeliruan dan kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kandungan kurikulum dan kemahiran dalam mata pelajaran Perniagaan tingkatan 4 dan tingkatan 5 lebih kepada kemahiran-kemahiran asas yang merujuk kepada penerangan teori tanpa adanya praktikal. Di tingkatan empat (4), pelajar didedahkan dengan pengetahuan asas seperti tujuan dan pemilikan perniagaan berserta trend semasa dalam perniagaan. Pelajar juga diajar cara menetapkan visi, misi dan objektif perniagaan dan kemudian pendedahan tentang bahagian-bahagian fungsian utama dalam organisasi perniagaan. Di tingkatan lima (5) pula, pelajar melanjutkan ilmu pengetahuan perniagaan dengan mempelajari pengurusan sumber manusia, sumber fizikal dan teknologi. Mereka juga didedahkan dengan sumber pembiayaan yang boleh membantu membiayai perniagaan berserta bagaimana pengurusan penyata kewangan perniagaan. Usaha Niaga di tingkatan lima (5) seterusnya memberikan pengetahuan kepada pelajar terhadap persediaan menjadi usahawan yang akan memulakan perniagaan, dan kurikulum ini diakhiri dengan kemahiran dan ilmu berkaitan perancangan pengendalian perniagaan (BPK, KSSM Perniagaan DSKP Tingkatan 5, 2015).

Jika diperhalusi setiap kemahiran yang diajarkan, teori yang lengkap telah didedahkan sepanjang pelajar berada di tingkatan empat dan tingkatan lima, yang mana pendedahan pada tujuan dan pemilikan perniagaan adalah satu pendedahan awal yang bermanfaat pada pelajar untuk mempelajari asas perniagaan khususnya mengenali trend semasa yang berlaku dalam perniagaan. Ianya juga mula menimbulkan minat yang lebih mendalam jika pelajar turut didedahkan agar dapat menetapkan matlamat dan objektif yang betul dalam perniagaan serta memahami fungsian dalam organisasi perniagaan. Roshidi Bakar (2020) ada menyatakan “ pemupukan sikap dan minat positif diharap dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar mengenalpasti potensi



diri sebelum menceburi bidang keusahawanan.” Tidak kurang hebatnya juga, ilmu pengetahuan terhadap perniagaan ditambahkan lagi dengan intipati-intipati penting ilmu dan kemahiran perniagaan yang digariskan dalam DSKP Perniagaan Tingkatan 5 seperti pelbagai sumber pembiayaan dan pengurusan kewangan yang mampu menjadi dan membawa kepada kesediaan pelajar yang bakal bergelar usahawan bermula dari langkah persediaan dan perancangan perniagaan.

Namun jika dilihat berdasarkan ilmu ‘mental’ dan ‘manual’ seperti yang disarankan oleh Gilbert Jessup (1968) yang bersesuaian dan berkaitan kandungannya secara keseluruhan dengan ilmu asas perniagaan, yang juga telah tersusun kemas daripada pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BKP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), amatlah bersesuaian untuk diketengahkan ilmu ‘manual’ bagi tujuan aplikasi pada ilmu ‘mental’ itu dengan mengadakan latihan secara praktikal atau latihan industri di lapangan perniagaan untuk pelajar. Kemuncak aplikasi teori dan kemahiran setelah pengajaran guru di dalam bilik darjah perlu dilengkapi dengan mengadakan praktikal kerana pelengkap pada teori adalah praktikal seperti mengadakan program latihan industri.

Oleh sebab itu, kajian berkaitan reka bentuk program latihan industri pelajar tingkatan 5, yang mengambil mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah kerajaan dalam negara perlu diketengahkan seperti pendapat dalam kajian yang dijalankan oleh Rodzalan et. al., (2020), “satu cara untuk meningkatkan kemahiran pelajar dipercayai dengan pengalaman yang diperoleh daripada latihan industri.” Ianya juga turut disokong oleh dapatan kajian daripada Putri Nor Suad Megat Mohd Nor dan Suhaiza Ismail (2020) mendapati impak latihan industri telah membawa peningkatan

kemahiran dan hasil tugas pelajar. Maka dengan itu, mencadangkan program latihan industri kepada pelajar perniagaan di sekolah menengah adalah bertepatan dan bersesuaian sebagai sokongan kepada niat, hasrat dan idea cadangan perniagaan yang bernas dan mengikut trend terkini dunia perniagaan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Berikut adalah objektif kajian reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas berdasarkan kesepakatan pakar: -

1. Untuk menentukan objektif reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas
2. Untuk menentukan kandungan reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas
3. Untuk menentukan bahan bantu latihan reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas
4. Untuk menentukan strategi reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas
5. Untuk menentukan penilaian reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas

### **1.4 Persoalan Kajian**

Berikut adalah persoalan kajian bagi reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah berdasarkan kesepakatan pakar: -

1. Apakah objektif reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas mengikut persetujuan pakar?

2. Apakah kandungan reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas mengikut persetujuan pakar?
3. Apakah bahan bantu latihan reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas mengikut persetujuan pakar?
4. Apakah strategi reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas mengikut persetujuan pakar?
5. Apakah penilaian reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas mengikut persetujuan pakar?

### **1.5 Rasional Kajian**

Matlamat yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah dengan mencadangkan reka bentuk program latihan industri sebagai pengukuhan dan pelengkap kepada asas pengetahuan dan kemahiran pelajar yang telah dipelajari secara teori dalam sukatan mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas. Pihak sekolah akan dapat menyusun strategi terbaik dalam pelaksanaannya, menerima impak keberhasilan setelah pelaksanaannya, manakala pihak PPD, JPN dan KPM akan dapat mengambil kira dapatan kajian untuk meneliti keperluan terkini pelajar dalam era modenisasi khasnya revolusi industri 4.0 ini serta ketika mereka berada di persekolahan menengah atas. Industri juga dapat bekerjasama baik dengan KPM kearah merealisasikan hasrat dan masa depan negara berdasarkan objektif yang digariskan dalam program latihan industri dan berupaya mencapai sasarannya.

Namun begitu, terdapat kesan daripada kepesatan perubahan pasaran buruh masa kini yang disebabkan oleh ketidaktentuan sosioekonomi, perubahan organisasi dan

kemajuan teknologi, kebolehgajian pelajar yang bakal bekerja kelak semakin mendapat perhatian secara global. (Gili & Ambotang, 2019). Hal ini turut menyetengahkan isu dan persoalan, bagaimanakah kemahiran dan ilmu yang mereka miliki dapat menjamin bakal graduan ini dapat memenuhi kehendak ekonomi dan tenaga kerja masa hadapan. Maka dengan itu, adalah rasional bagi mereka untuk berdepan dan menimba sedikit pengalaman dan kemahiran dalam dunia pekerjaan melalui latihan seperti latihan industri contohnya dalam bidang perniagaan. Ilmu yang dipelajari secara teori mampu diaplikasi dengan cepat dalam latihan secara praktikal dilapangan. Ianya adalah satu pendapat seperti yang pernah diutarakan oleh Jessup (1968) yang menerangkan “kurikulum berasaskan industri perlu menekankan pembangunan seimbang antara elemen ‘mental’ dan ‘manual’.

Elemen ‘mental’ merujuk kepada pembangunan pengetahuan asas bidang, manakala elemen ‘manual’ adalah kemahiran teknikal yang relevan kepada bidang pekerjaan yang ingin dilatih”. Kedua-dua elemen ini adalah kriteria elemen penting dalam membangunkan pelajar yang memilih mata pelajaran Perniagaan, khasnya apabila pelajar memilih untuk melanjutkan pengajian diperingkat pengajian tinggi, seperti dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (*TVET*), yang selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menyetengahkan peri pentingnya keberhasilan kemahiran dalam kalangan pelajar TVET di Malaysia. Memilih KSSM MPEI Perniagaan ini juga tidak akan melepaskan pelajar daripada tuntutan mempunyai asas kemahiran yang boleh diluntur, walaupun lemah pada aspek akademik yang lain, dan di sinilah warga pendidik khasnya tenaga pengajar perlu berusaha untuk memastikan pelajar menguasai apa yang dihasratkan seperti mana yang digariskan dalam matlamat

dan objektif kurikulum KSSM MPEI mata pelajaran Perniagaan Tingkatan empat dan tingkatan lima.

Jessup (1968) dalam penulisannya terhadap “*National Vocational Education*” (NVQs) yang merangkumkan dapatan dan sokongan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Tenaga Manusia (Agensi Latihan) dan Majlis Kebangsaan bagi Kelayakan Vokasional telah mengetengahkan dan menyatukan model pendidikan dan latihan dengan membawa dua perkara penting iaitu keperluan pendidikan dan latihan, dan memberikan perspektif peribadi yang berwibawa tentang pemikiran di sebalik model pendidikan dan latihan yang baru muncul (John Burke, 1991). Jessup juga turut menyatakan bahawa terdapat keperluan sebuah sistem yang lebih koheren yang menganjurkan adanya model pendidikan dan latihan bagi memperlihatkan keberhasilan pembelajaran yang relevan untuk semua pelajar mengikut kebolehan mereka dan apa yang diutarakannya pada tahun 1990an ini, telah menampakkan impak dan keberhasilan yang diperjuangkan dalam penyelidikan di Malaysia terhadap keperluan dan kepentingan latihan industri seperti yang dinyatakan dalam kajian lepas latihan industri dalam bab 2 kajian ini. Model pendidikan dan latihan tersebut adalah merujuk kepada kombinasi elemen “mental dan manual”.

Namun, situasi pada elemen mental dan manual ini sukar dizahirkan dengan situasi dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan rancangan PdP oleh guru di dalam kelas semata-mata. Mata pelajaran yang terdapat dalam bidang MPEI ini khasnya mata pelajaran Perniagaan bergantung tinggi dengan kemahiran pelajar yang didorong oleh minat dan pengetahuan sedia ada pelajar sejak daripada tingkatan satu (1) hingga tingkatan tiga (3). Oleh itu, amat penting bagi suasana di tingkatan 4 untuk

membentuk persepsi persekitaran yang boleh memberikan asas pengetahuan kepada pelajar terhadap kurikulum MPEI Perniagaan ini. Persepsi pelajar tidak hanya berdasarkan kepada persekitaran pembelajaran yang sebenar semata-mata, tetapi juga bergantung kepada pengalaman pembelajaran terdahulu dan terkini (Mien Segers dan Filip Dochy, 2001).

Tambahan pula, mata pelajaran yang tersenarai dalam bidang MPEI ini amat menuntut pelajar dengan kemahiran yang berkesinambungan daripada minat pelajar itu sendiri. Menonjolkan kemahiran yang boleh dipelajari dengan adanya minat amat diperlukan dalam setiap mata pelajaran yang terkandung dalam bidang MPEI. Mantz Yorke (2006) berpendapat bahawa kerja semasa memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang menjadikan individu lebih cenderung untuk memperoleh dan berjaya dalam kerja pilihan mereka, bukan sahaja untuk memberi manfaat kepada diri mereka sendiri, tetapi juga untuk meningkatkan kualiti tenaga kerja, masyarakat dan ekonomi negara amnya. Tambahan pula, menurut Geoffrey Tabbron dan Jin Yang (1997) adalah penting pengetahuan dan kemahiran yang dapat merentasi disiplin agar sistem dapat menyediakan pelajar ke arah kebolehkeraan yang tinggi merentasi perubahan alam permintaan tenaga kerja. Sememangnya, dunia pekerjaan pada masa kini, sentiasa mengalami perubahan dan perubahan terkini inilah yang mendorong keselarasan pengetahuan dan kemahiran, lebih-lebih lagi dalam bidang industri bagi memastikan pelajar relevan pada masa kini dengan idea perniagaan pada masa akan datang yang didorong melalui minat dan disokong oleh ilmu pengetahuan.

Kajian yang dijalankan oleh Nor dan Ismail (2015) yang menjalankan kajian yang bertujuan untuk menyiasat kesan latihan industri terhadap prestasi akademik pelajar

perakaunan di Malaysia, dapatan kajian menunjukkan berlaku kesan positif pada prestasi pelajar secara konsisten sama ada pelajar lelaki mahupun perempuan, yang menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik setelah menamatkan latihan amali mereka di latihan industri. Sebuah lagi kajian yang berkaitan implimentasi latihan amali dan praktikal yang dijalankan oleh Nor Fadila Amin, Adibah Abdul Latif, Mahyuddin Arsat, Nornazirah Suhairom, Nurul Farhana Jumaat dan Mohd. Erfy Ismail (2020), mendapati latihan amali dapat meningkatkan pengetahuan teknikal dan kemahiran insaniah pelajar selain pelajar dapat menimba ilmu tersirat dengan adanya bimbingan dan tunjuk ajar daripada penyelia di latihan amali. Dua kajian ini jelas menunjukkan, latihan industri dengan penglibatan amali dan praktikal di lokasi memberikan impak besar kepada pelajar berdasarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas yang telah dipelajari di institusi.

Dengan adanya minat, pengetahuan sedia ada serta kemahiran asas yang boleh dipelajari, maka mata pelajaran Perniagaan yang ditawarkan di sekolah menengah akan dapat dijalankan dengan rancangan PdP yang mengaplikasi pelbagai kaedah dan strategi pengajaran, seperti yang digariskan dalam DSKP KSSM MPEI Perniagaan, iaitu sama ada melalui pembelajaran sendiri, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan inkuiri, strategi penyelesaian masalah, pembelajaran masteri, konstruktivisme atau pembelajaran melalui penerokaan yang selaras dengan kemahiran dan objektif yang dirancang oleh guru. Kenyataan kurikulum daripada *Alberta Education* (2012) iaitu kurikulum adalah asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya juga merangkumi membangunkan program pengajian (rancangan pengajian), strategi pengajaran, peruntukan sumber,

rancangan mengajar yang spesifik dan penilaian terhadap pelajar serta pembangunan fakulti.


Clarke (2018) “membangunkan rangka kerja kebolehpasaran graduan bersepadu yang menggabungkan enam dimensi utama iaitu modal insan, modal sosial, atribut individu, tingkah laku individu, persepsi keupayaan guna tenaga dan faktor pasaran buruh”. Inge Römgens, Rémi Scoupe dan Simon Beusaert (2020) dalam kajian mereka juga memperjuangkan pendekatan yang lebih bersepadu, iaitu pendekatan yang dapat membantu untuk menentukan kebolehpasaran pelajar dalam bidang yang diceburi. Kedua-dua kajian ini turut menunjukkan kepentingan yang perlu ada dalam diri seorang pelajar, bukan sahaja ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi kemahiran dan pengetahuan untuk mengaplikasi ilmu turut dituntut bagi menjamin mereka adalah tenaga kerja sebenar yang diperlukan sebagai peneraju tenaga kerja masa depan.

Maka dengan itu, berdasarkan perincian sebelum ini, dapatlah diringkaskan melalui Triangulasi rajah yang ditunjukkan pada rajah 1.1 di sebelah, dengan fokus utama iaitu Kemenjadian Pelajar, yang bukan sahaja dalam akademik malah turut menuntut agenda penguasaan kemahiran pelajar yang digabungkan dengan kurikulum yang dipelajari di dalam bilik darjah. Pelajar adalah bakal tenaga kerja yang seharusnya mampu mengharungi pelbagai cabaran. Malah bukan sahaja pelajar, bahkan turut berlakunya cabaran pada guru dalam pelaksanaan PdP di sekolah dan bagaimana mereka berhadapan dengan isu terhadap minat, pengetahuan dan kemahiran sedia ada pelajar yang dituntut dalam menjamin pelajar adalah modal insan yang dapat menempuhi dunia kerjaya perniagaan di masa akan datang selain memenuhi keperluan industri.



### Rajah 1.1:

*Hubungan Kemenjadian Pelajar dengan cabaran Rancangan Pembelajaran (RP) serta Kepelebagaian isu (Minat, Pengetahuan Sedia Ada dan Asas Kemahiran)*



Hasrat inilah yang diharap dapat membawa kepada kemenjadian pelajar iaitu pelajar mampu menghasilkan rancangan perniagaan yang baik semasa berada di tingkatan lima, dengan idea yang bernas dan memenuhi kehendak industri perniagaan itu sendiri. Namun cabaran rancangan pengajaran guru amat dikhuatiri, kerana hanya berbekalkan panduan daripada pengajaran guru dan buku teks serta bahan rujukan lain, ilmu perniagaan pelajar hanya akan berada pada tahap teori sahaja, dan tidak dapat diaplikasi secara menyeluruh. Situasi ini bertentangan dengan idea yang dikemukakan oleh Jessup (1968) kerana pelajar hanya dapat menguasai elemen 'mental' semata-mata tetapi tidak dikukuhkan dengan elemen 'manual'.

Tambahan pula, cabaran terhadap rancangan perniagaan boleh disokong kuat dengan latihan industri kerana pelajar terdedah dengan bimbingan daripada mentor perniagaan di lokasi industri. Kesenambungan bimbingan dalam dan luar bilik darjah, mampu membantu guru menangani cabaran rancangan PdP kerana mentor di lokasi mampu memberikan bimbingan dan pengukuhan terhadap teori yang dipelajari oleh pelajar ketika menjalani praktikal industri. Maka dengan itu, amatlah bersesuaian jika elemen

'mental' ini diperkukuhkan dengan adanya latihan industri pelajar perniagaan, bagi membolehkan idea, minat, kemahiran asas dan latihan praktikal digabungkan bagi memastikan pelajar mampu mendepani cabaran di dalam bilik darjah, di luar bilik darjah, lebih-lebih lagi ketika mereka menceburi sendiri bidang perniagaan ini kelak.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah sebuah reka bentuk program latihan industri kepada pelajar perniagaan di sekolah menengah yang dapat memberikan impak positif bukan sahaja kepada pelajar, malah kepada guru-guru mata pelajaran perniagaan, kepada Ketua Bidang *TVET* dan Ketua Panitia Perniagaan, pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pelajar adalah sebagai pelanggan utama dalam sistem pendidikan di Malaysia, kerana tanpa pelajar, sekolah dan guru tidak dapat memainkan peranannya. Mereka akan mendapat manfaat dalam kajian reka bentuk program latihan industri pelajar mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah, kerana dengan adanya program latihan industri ini, pelajar akan diberikan pendedahan awal di lokasi perniagaan sebenar khasnya bagaimana perniagaan itu beroperasi dan mempelajari pelbagai strategi bermula dengan perancangan sehingga strategi terbaik pelaksanaan perniagaan yang berkesan. Kaedah ini akan menyokong teori yang dipelajari di dalam bilik darjah, kemahiran sedia ada pelajar berserta minat pelajar. Sokongan ini akan membantu pelajar membawa idea bernas dalam melengkapkan tugas Kertas 3 mata pelajaran Perniagaan, Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Tidak dinafikan juga, guru turut mempunyai kepentingan dalam kajian ini. Kemahiran yang terkandung dalam DSKP MPEI Perniagaan akan mudah disampaikan secara teori dalam PdP kerana pelajar akan dibimbing bagaimana teori berkaitan yang boleh diaplikasi jika pelajar diberi peluang keluar dari persekitaran sekolah untuk melaksanakan latihan industri kelak. Bimbingan dan panduan daripada guru, akan menjadi pegangan kepada pelajar. Guru tidak akan menghadapi masalah besar dalam menyusun kemahiran lain dan setiap objektif dan kemahiran akan mudah disampaikan kerana pelajar akan bersedia untuk menuntut ilmu perniagaan di lokasi kelak. Hal ini pasti dapat melancarkan lagi penyusunan sukatan pelajaran dan menjimatkan masa serta menggalakkan komitmen guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran. Bersesuaian dengan saranan daripada Nora'ini Abdul Rahman dan Nor Aishah Buang (2019) dengan menyatakan “setiap guru harus memilih dan menggunakan kaedah yang paling sesuai bagi membantu pelajar dan diri mereka sendiri dalam usaha mencapai objektif pengajaran yang telah dirancang”.

Kedua-dua impak positif bagi pelajar dan guru sekaligus diharap dapat membawa impak pencapaian prestasi yang tinggi pada keputusan peperiksaan sekolah malah turut dapat membawa impak keberhasilan pencapaian prestasi PPD dan JPN bagi mata pelajaran Perniagaan ini. PPD dan JPN juga menerima kesan positif kerana proses bimbingan dari kedua pihak ini mudah dijalankan dan jika terlibat, mudah bagi kedua-dua pihak ini menjalankan pemantauan pelaksanaan latihan industri tersebut. Daripada pihak KPM, JPN, PPD dan sekolah tidak menghadapi kerumitan yang besar, kerana panduan pelaksanaan program latihan industri dalam kajian ini mempunyai panduan yang boleh dijadikan rujukan utama oleh semua pihak. Ini sekaligus akan membantu pencapaian objektif yang disarankan dalam visi KPM pada halaman dua,

Dokumen Standard Kurikulum Kebangsaan (DSKP) MPEI Perniagaan di sekolah menengah kebangsaan (tingkatan empat dan tingkatan lima) iaitu “menyediakan sumber manusia yang berkemahiran untuk memenuhi keperluan industri bagi pembangunan ekonomi, sosial dan teknologi”.

Dalam proses melengkapkan sahsiah pelajar ke arah bidang keusahawanan, keistimewaan kajian ini dapat dilihat melalui pengaplikasian fungsi bagaimana kurikulum berasaskan industri membawa impak dalam pelaksanaannya. Tidak dapat dinafikan, melaksanakan berdasarkan panduan kurikulum berasaskan industri membawa keberhasilan asas kepada pelajar, iaitu pelajar dapat menyesuaikan diri dengan industri, mendapat pendedahan awal di lokasi praktikal tentang kemajuan dan kepesatan teknologi seiring dengan modenisasi serta pelajar dapat menilai tahap keboleherjaan mereka daripada aspek kemahiran dan ilmu perniagaan yang telah dipelajari di dalam bilik darjah bersama pembimbing terdekat mereka iaitu guru.

Secara kesimpulannya, semua pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam mata pelajaran perniagaan ini bermula dari KPM, JPN, PPD dan sekolah, menerima impak positif pada kajian reka bentuk latihan industri ini bagi pelajar di sekolah menengah atas, bukan sahaja menikmati impak positif dan istimewa daripada segi akademik, tetapi negara juga mampu melahirkan bakal usahawan dan peniaga yang lebih futuristik dengan minat dan idea yang lebih bernas, kerana mereka telah berada pada pandangan awal dunia perniagaan yang bakal diterokai iaitu di program latihan industri seperti yang diketengahkan dalam kajian ini.

## 1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini adalah sebuah kajian mereka bentuk program latihan industri bagi pelajar Perniagaan di sekolah menengah dengan mengambil kira kesepakatan pakar dalam proses reka bentuk tersebut. Limitasi kajian adalah terhad kepada mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah sahaja. Dalam proses melaksanakannya, pengkaji turut meneliti rujukan kajian dan bahan bacaan bagi mata pelajaran perniagaan yang merentasi mata pelajaran keusahawanan atas kekangan rujukan kerana mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah baharu dilaksanakan sejak tahun 2017.

Selain itu, proses pemilihan responden dan pakar rujuk juga adalah terhad atas sebab pelaksanaan mata pelajaran Perniagaan bermula tahun 2017. Ini adalah kerana pakar rujuk dalam mata pelajaran Perniagaan perlu dikenalpasti dengan pemilihan yang terbaik dan menyumbang kepada kelancaran reka bentuk instrumen soal selidik yang akan dibincangkan bersama Pakar Rujuk selanjutnya. Namun, dengan persetujuan dan perbincangan bersama penyelia, tempoh berdasarkan pengalaman seperti Jurulatih Utama atau Guru Cemerlang Perniagaan yang menggabungkan pengalaman mereka daripada mata pelajaran Perdagangan dan Perniagaan yang mencukupi tempoh 8 tahun. Ini adalah kerana, mata pelajaran Perniagaan mula ditukarkan daripada Perdagangan sejak tahun 2017.

Rujukan terhadap panduan kandungan instrumen juga adalah terhad kepada mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah sahaja. Namun, kandungan yang penting dan menepati objektif kajian perlu dipertimbangkan. Dengan itu, rujukan lanjut dibuat terhadap dokumen lain seperti kajian lepas, bahan bacaan serta semakan dokumentasi atas talian yang berkaitan dengan pendidikan TVET dilaksanakan, termasuk rujukan

dan panduan yang dijalankan melalui tesis penuh. Perkara ini diambil tindakan setelah perbincangan bersama penyelia dilaksanakan. Buku dan bahan secara atas talian khususnya tesis penuh mampu membantu pengkaji mendapatkan maklumat bernas dan mampu menyokong sorotan idea dan langkah seterusnya dalam menyusun reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas ini. Secara rumusannya limitasi kajian ini adalah: -

- i. Kajian ini adalah bertujuan untuk mereka bentuk program latihan industri bagi mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah dalam Malaysia sahaja.
- ii. Kajian melibatkan pakar rujuk dalam kalangan guru, guru cemerlang, pensyarah atau pegawai Pendidikan dalam kepakaran mata pelajaran Perniagaan/Perdagangan, Pengurusan Perniagaan dan Kurikulum Perniagaan termasuk bidang TVET.
- iii. Panduan yang digunakan dalam membina reka bentuk dan pembangunan instrumen latihan industri adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Perniagaan tingkatan empat dan lima, rujukan dokumen dan kajian lepas yang bertemakan Perniagaan, Keusahawanan dan Latihan Industri termasuk bidang TVET selain turut ditunjangi dari analisis tematik idea dari 3 pakar rujuk kajian.

## **1.8 Definisi Istilah**

Definisi istilah yang terkandung dalam kajian ini adalah terdiri daripada variable dan dimensi yang terkandung dalam skop kajian sahaja. Namun, definisi yang digariskan adalah berdasarkan rujukan dan bacaan melalui tesis, bahan atas talian, buku dan jurnal yang berkaitan dengan ruang lingkup kajian yang dijalankan. Berdasarkan tajuk

kajian, Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar Sekolah Menengah Atas, berikut adalah definisi operational bagi terma-terma yang terlibat dalam kajian ini.

### **1.8.1 Reka Bentuk Program**

Allan Collins, Diana Joseph dan Katerine Bielaczyc (2004) ada menyatakan bahawa penyelidikan reka bentuk adalah sebuah kaedah penyelidikan yang disusun bagi membantu menangani tiga isu penting dalam kajian jenis pembelajaran (p. 16). Ianya adalah bagi memenuhi keperluan dalam pendekatan terhadap kajian fenomena pembelajaran di dunia nyata dan bukannya pembelajaran dalam makmal, keperluan untuk melampaui ukuran pembelajaran yang sempit dan keperluan untuk memperoleh penemuan penyelidikan daripada penilaian formatif. Reka bentuk program yang dicadangkan dalam kajian ini adalah berupa sebuah rancangan program latihan jangka pendek bagi pelajar yang memilih mata pelajaran elektif ikhtisas KSSM Perniagaan.

### **1.8.2 Latihan Industri**

"Latihan industri adalah program berstruktur yang bertujuan untuk menyediakan latihan praktikal di bawah pengawasan dan dalam tempoh tertentu" (Meenaloshini et al., 2005). Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa latihan industri ini adalah platform bagi pelajar untuk menggabungkan pengetahuan akademik, baik secara teori dan teknikal berdasarkan sesi praktikal dengan persekitaran kerja yang sebenar. Ia juga disokong oleh Bakar dan Harun (2011); Hairuzila Idrus, Hazelin Mohamed Noor, Rohani Salleh dan Hezlina Mohd Hashim (2010) menyatakan bahawa program latihan industri ini sangat penting bagi pelajar untuk menerapkan pengetahuan dan teori mereka yang dipelajari di dalam kelas atau kuliah.

Walaupun bagaimanapun, kurikulum KSSM MPEI Perniagaan semasa di sekolah menengah kini belum pernah secara formal dan rasmi memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menjalankan latihan industri, malah mata pelajaran ini tidak disenaraikan sebagai salah satu mata pelajaran yang mempunyai panduan khas dalam pelaksanaan sama ada latihan asas atau praktikal diluar kawasan sekolah berfokus kaedah latihan industri, khasnya situasi untuk pelajar meneroka kepelbagaian ruang, bentuk, strategi dan kaedah perniagaan yang terkini, berpeluang menganalisis kepelbagaian perniagaan yang sedang berlangsung di dunia realiti persekitaran mereka.

### **1.8.3 Mata Pelajaran Perniagaan**

Di Malaysia, Kementerian Pendidikan telah merangka satu kurikulum elektif iktis (MPEI) yang digariskan dalam Kurikulum Sekolah Menengah (KSSM) (Surat Pekeliling Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan. 9 daripada 2016). Kurikulum MPEI bertujuan untuk memupuk modal insan yang seimbang secara fizikal dan rohani, moral yang baik, kreativiti, dan inovasi, dan memupuk budaya profesionalisme untuk menghadapi cabaran abad ke-21 selaras dengan matlamat pendidikan kebangsaan Malaysia. Mata pelajaran ini dikhususkan kepada pelajar menengah atas sebagai mata pelajaran elektif untuk dipilih oleh pelajar dan jika perlu dengan saranan atau nasihat dari pihak sekolah.

Oleh itu, mata pelajaran ini ditawarkan sebagai satu kurikulum baharu pada tahun 2017 yang ditukarkan daripada mata pelajaran Perdagangan, kepada Perniagaan dengan fokus utama pada kurikulum asas perniagaan yang lengkap serta turut dilengkapi juga dengan ciri-ciri pensijilan dan profesional berasaskan standard untuk



menyediakan asas yang kukuh bagi pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ke peringkat tertiar dan secara langsung menguasai kecekapan standard industri. Menurut kurikulum berasaskan standard dan prestasi (KSSM), subjek perniagaan ini turut menerapkan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan menggunakan pendekatan berorientasikan amalan perusahaan. Strategi ini membantu pelajar memupuk budaya keusahawanan dan mengukuhkan pengetahuan semasa melakukan dan belajar melalui pengalaman. (DSKP KSSM Perniagaan Tingkatan 4, 2016 & DSKP KSSM Perniagaan Tingkatan 5, 2015).

#### **1.8.4 Sekolah Menengah Atas**

Istilah “Sekolah Menengah” adalah kata nama yang digunakan di semua sekolah di bawah pengurusan kerajaan di Malaysia. Sekolah Menengah adalah istilah yang merujuk tahap yang lebih tinggi berbanding pengajian pelajar di Sekolah Rendah. Kesenambungan pembelajaran dari sekolah rendah adalah di sekolah menengah. Sekolah menengah adalah laluan pendidikan bagi pelajar melanjutkan pengajian mereka setelah tamat pengajian di sekolah rendah selama enam tahun. Ianya terbahagi kepada dua tahap iaitu menengah rendah bagi pelajar berumur 13 tahun hingga 15 tahun berada di tingkatan satu hingga tingkatan tiga, dan tahap seterusnya iaitu menengah atas bagi pelajar berumur 16 tahun dan 17 tahun, iaitu di tingkatan empat dan tingkatan lima.

#### **1.8.5 Pelajar**

Pelajar di sekolah menengah adalah terdiri daripada mereka yang berumur dari 13 hingga 17 tahun dengan tahap pengajian bermula daripada tingkatan satu, tingkatan dua, dan tingkatan tiga, bagi pelajar yang berumur 13 hingga 15 tahun, dan tingkatan

empat dan tingkatan lima bagi pelajar yang berumur 16 dan 17 tahun. Merujuk pada kajian ini, pelajar yang terlibat adalah mereka yang memilih mata pelajaran perniagaan dan mereka terdiri daripada pelajar yang berada di tingkatan empat dan tingkatan lima, yang memilih untuk melanjutkan pelajaran mereka dan memilih mata pelajaran Perniagaan sebagai salah satu mata pelajaran elektif mereka.

## **1.9 Rumusan**

Reka bentuk Program Latihan Industri untuk Mata Pelajaran Perniagaan di sekolah menengah adalah sebuah reka bentuk kajian yang dapat menyokong dan membantu guru, agar dapat membimbing pelajar untuk mendapatkan dan mengetahui proses pendedahan awal, perancangan dan strategi perniagaan yang terbaik yang boleh dipersembahkan dapataannya setelah tamat latihan industri dalam penyediaan tugas pelan perniagaan untuk Kerja Kursus mata pelajaran Perniagaan Tingkatan 5 (Surat Pelepasan Lembaga Peperiksaan No. 2 tahun 2017). Oleh itu, persetujuan dan pandangan pakar melalui teknik *Fuzzy Delphi* diperlukan untuk merancang reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas.

Bab ini telah menerangkan berkaitan beberapa perkara penting dalam pengenalan kajian seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, dan definisi operasional yang terkandung dalam kajian ini. Seterusnya, adalah bab 2, iaitu Tinjauan Literatur.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Secara keseluruhannya, bab ini akan mengemukakan tinjauan literatur yang relevan agar dapat dijadikan rujukan dalam melaksanakan kajian. Bab ini akan menghuraikan kandungan seperti konsep latihan industri, perkembangan mata pelajaran Perniagaan, teori berkaitan kajian, kajian lepas bagi mata pelajaran Perniagaan, Keusahawanan dan program latihan industri, kerangka konseptual dan rumusan pada keseluruhan bab 2 kajian ini. Melalui teori berkaitan kajian ini, pengkaji akan merungkai bagaimana teori tersebut relevan dalam perancangan kajian. Tinjauan literatur akan melihat bagaimana kajian lepas di luar negara mahupun dalam negara berlaku sebagai panduan, perbandingan dan sokongan dalam kajian ini.

#### **2.2 Konsep Latihan Industri**

Terdapat kepentingan dalam bahagian kurikulum akademik di institusi pengajian tinggi yang melaksanakan latihan industri dimana ianya dapat membuka peluang dan menggabungkan pengalaman dan pengetahuan pelajar berkaitan kerja dalam situasi pendidikan formal di universiti dan persekitaran profesional dunia sebenar (Sumathi Renganathan, Zainal Ambri bin Abdul Karim dan Chong Su Li, 2012). Dapatan ini juga disokong oleh Idrus et al. (2010) menyatakan bahawa program latihan industri ini sangat penting bagi pelajar untuk menerapkan pengetahuan dan teori mereka yang dipelajari di dalam kelas atau kuliah. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa latihan industri ini adalah platform bagi pelajar untuk menggabungkan pengetahuan akademik, baik secara teori dan teknikal berdasarkan sesi praktikal dengan

persekitaran kerja yang sebenar. Walau bagaimanapun, situasi terkini pendidikan Perniagaan di sekolah menengah di negara ini tidak memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menjalankan latihan industri malah tidak disenaraikan sebagai salah satu mata pelajaran yang mempunyai panduan khas dalam pelaksanaan praktikal diluar pagar sekolah berfokus industri.

Dengan adanya praktikal berbentuk latihan industri, pelajar akan didedahkan dengan pembelajaran situasi sebenar di lokasi perniagaan berlaku, kerana ianya adalah proses pembelajaran yang dikukuhkan lagi dengan bimbingan dan bantuan daripada majikan dalam organisasi tempat pelajar menjalani latihan industri tersebut. Situasi ini akan membawa pelajar kepada pembelajaran terbimbing atau pembelajaran berdasarkan mentor. Situasi ini bersesuaian dengan sebuah model iaitu Model Perantisan Kognitif. Model ini diperkenalkan oleh Allan Collins, John Seely Brown dan Newman pada tahun 1989 (Collin et al. (1991) dengan metafora perantis, yang mana pembelajaran pelajar dikongsi dengan pakar. Kemahiran yang dipelajari oleh pelajar dalam situasi perantisan tradisional adalah dengan melakukan dan mengikuti setiap proses berdasarkan pemerhatian mereka terhadap pakar. Pelajar akan berperanan untuk belajar dan menimba ilmu dalam latihan ini, manakala pakar akan bertindak sebagai mentor terutama pada peringkat awal kerana pelajar bergantung sepenuhnya pada bimbingan dan bantuan mentor (pakar) pada peringkat awal. Proses bimbingan berulang akan menyebabkan tahap pergantungan pelajar dengan pakar berkurangan apabila kemahiran dan pengetahuan pelajar meningkat. Dan menurut Norman N. Woolley dan Yvonne Jarvis (2007), tugas yang kompleks dan pelbagai mampu diselesaikan oleh pelajar setelah melalui fasa bimbingan daripada pakar.

Pemerhatian, bimbingan berulang dan amalan adalah aktiviti yang diambil daripada perantisan tradisional hingga Perantisan Kognitif. Ketiga-tiga aktiviti ini sangat sesuai dengan pendedahan dalam reka bentuk program latihan industri yang dicadangkan dalam kajian ini. Pelajar perniagaan akan menjalani latihan mereka dengan pemerhatian tindakan daripada pakar, bimbingan daripada pakar sebagai proses pembelajaran yang boleh diamalkan dalam cadangan perancangan perniagaan pelajar. Melalui pemerhatian, bimbingan dan latihan, pelajar dapat berlatih untuk menghadapi cabaran perniagaan yang kompleks di masa depan. Dalam kajian Mary D. Oriol, Gail Tumulty dan Katherine Snyder (2010) menyatakan "pelaksanaan strategi pengajaran perantisan kognitif dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah berkesan kerana ia menekankan pengetahuan kognitif dan metakognitif pelajar".

Satu kajian yang dijalankan oleh Asiani Baharuddin (2014) telah menunjukkan bahawa latihan industri adalah kursus yang dilaksanakan melalui pendekatan pembelajaran pengalaman dengan meletakkan pelajar dalam organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri terpilih, sama ada di luar negara atau domestik, dalam tempoh tertentu sebelum ini. Setelah tamat pengajian dan penyertaan dalam latihan industri, pelajar akan dianugerahkan diploma atau ijazah. Manfaat yang diperoleh oleh pelajar dibuktikan oleh kajian sebelumnya yang menyatakan impak positif terhadap pencapaian pelajar dalam latihan industri berlaku dan dapat dilihat.

Kenyataan tersebut disokong oleh Izzati Husna Arshad, Noor Rahmawati Alias, Nor Kamariah Chik, Huda Hamidon, Haslinda Abdul Hamid, Noor Masliana Razlan (2017), mengulas bahawa fakulti atau universiti menerima input dan maklum balas

daripada industri yang berkaitan dengan perkaitan sukatan pelajaran dengan trend industri semasa dan peningkatan yang diperlukan dalam kualiti pengetahuan dan kemahiran pelajar. Oleh itu, adalah menjadi satu kemudahan terbaik, peluang untuk pensyarah dan pelajar, untuk merancang suatu pelan latihan industri yang lebih berfokus, memenuhi trend terkini perniagaan negara mahupun global. Pelajar harus dan akan memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang lebih bermakna dengan adanya latihan industri agar dapat bersaing di pasaran pekerjaan pada masa akan datang. Impak ini juga sesuai bagi pelajar di sekolah menengah yang memilih mata pelajaran Perniagaan.

Penemuan kajian itu juga turut disokong oleh Norani binti Hj. Mohd Noor dan Norshahima binti Mohamad Shahir (2010) mendapati bahawa majoriti responden bersetuju dan menyedari pentingnya perancangan latihan industri harus memenuhi kemahiran generik seperti kemahiran kerja berpasukan, etika, dan integriti, kemahiran komunikasi, pembelajaran berterusan, dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, berfikir secara kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kepimpinan dan proaktif diperlukan semasa menjalani latihan industri. Kemahiran generik adalah aspek penting dalam latihan industri dan juga ditekankan dalam bidang akademik dalam pendidikan tinggi.

Di samping itu, terdapat satu lagi kajian yang dijalankan oleh Nur Afiqah Ab. Latif , Che Nooryohana Zulkifli, Melati Desa, Raja Rosila Raja Berahim dan Nor Karina Mohammad Nor (2021) yang berfokus pada program latihan berasaskan teknologi yang menasaskan golongan belia yang berprestasi akademik yang rendah. Hasil kajian menunjukkan, golongan belia ini dapat meningkatkan kemahiran mereka dan

berpeluang mendapat pekerjaan melalui kursus dan program latihan. Dengan mengikuti program di bawah kementerian seperti GIATMARA, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), ILKA, SME Corp. dan syarikat-syarikat swasta, pelbagai ilmu kemahiran teknikal dan latihan praktikal dapat dipelajari sekaligus mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan belia.

Ia juga terbukti dalam melaksanakan Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) yang memberi tumpuan kepada pelajar kurang upaya dalam menjalankan latihan industri yang diketengahkan oleh empat orang penyelidik iaitu Zainoriza binti Zainun, Abdul Rahim Razalli, Arasinah Kamis dan Kway Eng Hock (2020). Program latihan industri boleh ditakrifkan sebagai peralihan kerjaya untuk pelajar kurang upaya yang meningkatkan kesediaan kerjaya mereka dengan mengembangkan potensi, minat, dan kemahiran pelajar-pelajar tersebut. Penemuan kajian ini juga membuktikan bahawa kekurangan pengalaman kerja dalam industri dalam kalangan pelajar dengan keperluan khas adalah faktor yang menyumbang kepada kesukaran menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Jelas menunjukkan, bahawa proses pembelajaran di luar bilik darjah yang didorong seperti latihan berupa latihan industri mampu membawa perspektif baharu kepada pelajar, bukan sahaja diperlukan oleh pelajar perdana, namun juga turut diperlukan oleh pelajar kurang upaya seperti pembuktian program PIMA.

### **2.3 Perkembangan Mata Pelajaran Perniagaan**

Constantin Bratianu, Shahrazad Hadad dan Ruxandra Bejinaru (2020) melihat bahawa Pendidikan Perniagaan dapat mengenal pasti pengetahuan sebagai sumber strategik, dan pengurusan pengetahuan mengintegrasikan perspektif operasi dan strategik

organisasi. Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa strategi pengetahuan perniagaan yang dirancang untuk mengurangkan jurang pengetahuan dan mewujudkan pengetahuan generatif menyumbang secara langsung kepada kelestarian perniagaan dalam persekitaran yang berubah. Kenyataan ini juga dibincangkan dalam kajian Constantin Bratianu, Dan Florin Stanescu dan Rares Mocanu (2021) bahawa Pendidikan Perniagaan mempunyai kaitan dengan modal sosial dan pertukaran pengetahuan, rangkaian pengetahuan di sekolah perniagaan, pemindahan pengetahuan antara pengurus perniagaan dan pelajar sekolah-sekolah ini, kemahiran yang berkaitan dengan perkongsian pengetahuan, dan perkongsian pengetahuan berbanding penyembunyian pengetahuan dalam situasi akademik di sekolah (Delio I. Castaneda dan Sergio Cuellar, 2021).

Situasi pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka satu kurikulum Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) yang digariskan dalam Kurikulum Sekolah Menengah (KSSM) (Surat Pekeliling Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan. 9 daripada 2016). Kurikulum MPEI bertujuan untuk memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah, dan kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing pada peringkat global (Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Nombor 6 tahun 2019). Oleh itu, mata pelajaran Perniagaan ditawarkan menggantikan mata pelajaran Perdagangan pada tahun 2017 untuk pelajar tingkatan 4 dan 5. Fokus utama subjek Perniagaan dilengkapi dengan ciri-ciri pensijilan dan profesional berasaskan standard untuk yang berhasrat untuk menyediakan asas yang kukuh kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam



bidang yang sama ke peringkat tertiar dan secara langsung menguasai kecekapan standard industri.

Menurut kurikulum berasaskan standard, subjek perniagaan dalam pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan menggunakan pendekatan berorientasikan amalan perusahaan. Strategi ini membantu pelajar memupuk budaya keusahawanan dan mengukuhkan pengetahuan semasa melakukan dan belajar melalui pengalaman. (DSKP KSSM Perniagaan Tingkatan 4, 2016 & DSKP KSSM Perniagaan Tingkatan 5, 2015).

Matlamat serta objektif mata pelajaran ini adalah seperti berikut:

#### Matlamat

KSSM MPEI Perniagaan bermatlamat untuk menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam perniagaan ke arah menjadi pengguna bijak, pekerja dan pengusaha yang kompeten, berkeyakinan dan bersikap positif, beretika serta menjadi warganegara yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

#### Objektif

KSSM MPEI Perniagaan bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut: -

1. Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan minat murid dalam bidang perniagaan.
2. Membangun idea dan membina kesediaan murid untuk memulakan perniagaan
3. Membina kemahiran menganalisis dan menilai perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan
4. Membina kemahiran keboleherjaan dan kreativiti murid dalam bidang perniagaan
5. Menerapkan kesedaran tanggungjawab sosial, tingkah laku perniagaan yang beretika, sikap positif dan nilai murni dalam menjalankan perniagaan.

Manakala Misi dan Visi yang dapat diselarikan dengan mata pelajaran ini adalah Misi dan Visi yang digariskan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyatakan Misi BPK adalah

“Membangunkan kurikulum sekolah yang bersepadu dan berguna untuk perkembangan potensi individu sepenuhnya dan untuk memenuhi keperluan negara” dan Visi BPK pula adalah “Menghasilkan kurikulum sekolah yang berkualiti untuk pendidikan negara yang bertaraf dunia”. Misi dan Visi BPK ini telah menjadi tunjang dalam pembentukan kurikulum yang digariskan oleh BPK terhadap mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah. Ianya juga menjadi rujukan dalam menyusun kandungan kajian ini bagi memastikan keselarian kurikulum dan program latihan industri berlaku dalam landasan yang sama, terutama impak keberhasilan pelajar setelah program latihan industri ini dilaksanakan.

Oleh itu, kajian ini yang membawa reka bentuk program latihan industri untuk mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah atas adalah sebuah reka bentuk kajian yang dapat menyokong dan khasnya dapat membantu guru, agar dapat membimbing pelajar dalam merangka idea perancangan perniagaan yang bernas dan bersesuaian dengan minat dan kecenderungan pelajar, selain membawa pelajar mengetahui proses pendedahan awal, perancangan dan strategi perniagaan yang terbaik untuk dipersembahkan dapatannya setelah tamat latihan industri dalam penyediaan tugas pelan perniagaan untuk Kerja Kursus mata pelajaran Perniagaan Tingkatan 5. (Surat Pelepasan Lembaga Peperiksaan No. 2 tahun 2017). Bersesuaian dengan itu juga, persetujuan dan pandangan pakar melalui teknik *Fuzzy Delphi* diperlukan untuk merancang reka bentuk kajian ini.

Berikut adalah perbincangan lanjut berkaitan teori dan model yang terlibat dalam kajian reka bentuk program latihan industri bagi pelajar di sekolah menengah atas yang memilih mata pelajaran Perniagaan.

## 2.4 Teori Berkaitan

### 2.4.1 Model Taba

Ornstein dan Hunkin (1999) menyatakan bahawa “Model Taba (1962) menggunakan perkataan ‘*grass root*’ untuk membina kurikulum”. Kepercayaan yang dipegang oleh tokoh ini, guru seharusnya bertindak sebagai pereka bentuk kurikulum kerana guru adalah pelaksana yang memulakan proses unit kecil pengajarannya di dalam bilik darjah bersama pelajar, dan kurikulum tidak seharusnya diturunkan daripada peringkat atas. Taba menyokong kurikulum peringkat mikro, yang mana guru bermula dengan merancang unit pengajaran pembelajaran tertentu dan kemudian beralih ke reka bentuk yang lebih luas. Langkah-langkah berikut adalah menggunakan Model Taba untuk reka bentuk kurikulum (Taba, 1962): (1) Diagnosis keperluan pelajar, (2) Formulasi objektif, (3) Pemilihan kandungan, (4) Organisasi kandungan, (5) Pemilihan pengalaman pembelajaran (6) Organisasi aktiviti pembelajaran, dan (7) Penilaian.

Mohd Ridhuan Mohd Jamil (2016) menjalankan sebuah kajian yang mengaplikasi Model Taba ini dimana tujuan kajian adalah untuk membangunkan sebuah model kurikulum latihan SkiVes bagi pelajar kejuruteraan yang mengaplikasi pembelajaran berasaskan kerja (*WBL*) di salah sebuah institusi pengajian tinggi. Kajian tersebut juga berfokus untuk membantu dan memandu pensyarah menerapkan elemen kemahiran generik dan nilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar kejuruteraan mengikut strategi *WBL*. Dengan peluang dan persetujuan penerapan nilai, dapatan kajian berdasarkan model ini menunjukkan kesesuaian komponen utama dan elemen bagi objektif, kandungan, bahan bantu, strategi pengajaran (penyampaian) dan penilaian, kajian ini diterima baik dan berupaya menjadi panduan kepada tenaga

pengajar kejuruteraan dan memudahkan lagi proses rujukan dan panduan menjalani latihan yang melibatkan kemahiran generik dan nilai di institusi tersebut.

Model Taba (1962) untuk reka bentuk kurikulum sesuai untuk mereka bentuk program latihan industri untuk subjek perniagaan di sekolah menengah. Komponen penyediaan mesti memastikan bahawa reka bentuk dijalankan melalui latihan industri program untuk subjek perniagaan. Selepas itu, keperluan untuk mereka bentuk program latihan industri membolehkan guru dan pelajar menjalani pembelajaran dengan memperoleh hasil daripada pengalaman dalam kehidupan seharian. Seterusnya, pelajar juga menjalani latihan industri untuk melengkapkan keperluan kemahiran sebenar. Akhirnya, kurikulum perlu dinilai dengan melihat perkembangan prestasi dan keupayaan untuk mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan. Pandangan daripada Läänemets, Urve dan Katrin Kalamees-Ruubel (2013), salah satu keupayaan Model Taba ini adalah dapat membentuk suatu panduan kepada para pengajar dan pelajar dalam mengimplementasikan sesuatu kurikulum yang diharapkan dan berdasarkan kesemua langkah dan pembuktian kejayaan model ini, ianya juga amat bersesuaian dengan kajian ini yang akan menjalankan penelitian terhadap lima kriteria utama iaitu: objektif, kandungan, bahan bantu, strategi, dan penilaian bagi reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas ini.

#### **2.4.2 Model Kurikulum Berasaskan Industri**

Jessup (1968) mendefinisikan bahawa sistem pendidikan berasaskan industri adalah pengukuhan dan penerapan pengetahuan pelajar yang lebih luas, mengupayakan pelajar agar dapat menyesuaikan diri dengan industri yang sentiasa berubah, serta mewujudkan peluang kepada mereka untuk mengenali kaedah teknologi yang semakin

canggih dan cara kerja yang bersesuaian dan baru dengan peredaran modenisasi. Jerry Wellington (1993) pula menggariskan lima (5) elemen asas dalam membangunkan pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan industri iaitu ‘sumber’, ‘kemahiran interpersonal’, ‘maklumat’, ‘sistem’ dan ‘teknologi’. Manakala menurut Norlidah Alias, Dorothy Dewitt dan Khairul Azhar Jamaludin (2018) kurikulum berlandaskan industri menekankan peranan guru sebagai fasilitator pembelajaran manakala pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah berpusatkan pelajar selain penilaian yang dilaksanakan untuk menilai pelajar daripada aspek kompetensi dan kebolehkerjaan.

Wellington (1993) turut menyatakan, kurikulum berasaskan industri perlu mempunyai empat (4) ciri iaitu mempunyai sasaran dan program yang ditetapkan yang menumpukan kepada mata pelajaran asas yang berkaitan dengan dunia pekerjaan dalam Kurikulum Kebangsaan, mempunyai rangka kerja yang jelas untuk mewakili asas pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada dua tema penting (kefahaman ekonomi dan industri, dan kerjaya pendidikan dan bimbingan), menyentuh pembangunan kemahiran peribadi dan sosial, memperkenalkan aktiviti berkaitan kerja khusus sama ada sebagai sebahagian daripada pendidikan arus perdana atau secara berasingan.

Jika dilihat dan dibandingkan dengan sistem Pendidikan dan kurikulum mata pelajaran Perniagaan (DSKP Perniagaan KSSM Semakan 2017) pada masa kini, perkara-perkara penting yang dibincangkan dalam Kurikulum Berasaskan Industri seperti berikut adalah berlaku: -

- (i) Guru sebagai pembimbing dalam rancangan pengajaran dan pembelajaran

- (ii) Penerapan pengetahuan yang lebih meluas melalui kurikulum Kebangsaan (kefahaman ekonomi dan industri)
- (iii) Penerapan kemahiran interpersonal, teknologi dan sistem serta maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah
- (iv) Penilaian terhadap pelajar dari aspek kompetensi

Manakala, perkara yang tidak berlaku adalah: -

- (i) Pelajar dapat menyesuaikan diri dengan industri
- (ii) Pelajar dapat pendedahan kemajuan dan kepesatan teknologi modenisasi
- (iii) Penilaian pelajar pada tahap keboleherjaan

Ini menunjukkan, pelajar lebih banyak menerima pendedahan pengetahuan dan kemahiran tetapi ruang lingkup ilmunya hanya berlaku di dalam bilik darjah sahaja. Ianya seerti dengan pelajar hanya mempelajari teori tanpa dapat mengaplikasi teori tersebut secara praktikal di lokasi seperti adanya program latihan industri yang boleh mendedahkan kepada pelajar situasi realiti sebenar suasana perniagaan yang terkini.

Mencadangkan pelaksanaan program latihan industri kepada pelajar Perniagaan di sekolah menengah juga menyokong kepada Perkara 4 dalam Gelombang 3 PPPM iaitu 'Menganjak kearah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi, yang mana perkara 4 ini menggariskan bahawa pengurusan berasaskan sekolah dipertingkatkan dan autonomi kepada sekolah daripada segi pelaksanaan kurikulum. Ini bermaksud, sekolah berpeluang menyusun aktiviti secara fleksibel yang dirasakan perlu bagi menyokong pelaksanaan kurikulum termasuklah kesesuaian dengan program latihan industri ini kepada pelajar Perniagaan mereka. Dan program latihan industri amat selari dengan idea dan saranan yang dikemukakan dalam hujah model

kurikulum berasaskan industri oleh Jessup (1968); Wellington (1996); Alias et al., (2018).

### **2.4.3 Model Perantisan Kognitif**

Seorang pakar perlu mempunyai kemahiran yang tinggi, idea dan pandangan yang jelas, mempunyai visi yang luas serta mudah dan rela berkongsi idea dan kemahirannya bersama pelajar atau pelatihnya. Situasi ini dinamakan sebagai Perantisan. Ianya dikatakan sebagai satu kaedah yang berkesan dalam pembelajaran kerana pakar rujuk adalah individu yang mahir dalam bidang tugasnya. Pengetahuan, konsep dan kemahiran melalui tunjuk ajar pakar selalunya berlaku dalam situasi sekolah formal pada masa kini. Guru adalah individu yang paling hampir sebagai pakar kepada pelajar. Pelajar adalah individu yang tidak berpengalaman, dan guru adalah individu yang berpengalaman. Menurut Kit Tisdale (2001), “Perantisan dibezakan daripada tunjuk ajar, tunjuk ajar, bimbingan, dan kesukarelawanan dengan tumpuannya pada interaksi yang merupakan aktiviti khusus yang bernilai sosial dan budaya yang mana orang dewasa lebih mahir.”

Pendapat daripada Collins et al. (1991), “mengaplikasikan kaedah perantisan kepada apa yang sebahagian besarnya merupakan kemahiran kognitif memerlukan luaran proses yang biasanya dijalankan secara dalaman. Oleh itu, pemikiran dan renungan perlu lantang. Memerhati proses yang mana seorang pakar berfikir dan mempraktikkan kemahirannya boleh mengajar pelajar untuk belajar sendiri dengan lebih mahir”. Aktiviti menyelesaikan arahan aktiviti seperti tugas, adalah proses dalam membangunkan pemikiran kognitif pelajar, sekaligus ianya adalah proses pembelajaran dan interaksi sosial antara guru dan pelajarnya kerana penglibatan

keduanya adalah secara terus dan pakar iaitu guru mudah memperhatikan tindakbalas dan perilaku pelajarnya.

Model Perantisan Kognitif adalah proses yang mana orang yang lebih berpengalaman membantu orang yang kurang berpengalaman menggunakan demonstrasi, sokongan dan contoh (Vanessa P. Dennen dan Kerry J. Burner, 2008). Ia adalah cara semulajadi untuk belajar. Manakala menurut Makoto Matsuo dan Takuro Tsukube (2020), idea asas perantisan kognitif adalah untuk menggabungkan perantisan tradisional dengan teori kognitif moden untuk membolehkan proses pemikiran yang kompleks menjadi jelas. Ini telah menunjukkan kaedah perantisan kognitif merujuk kepada pembelajaran mental dan metakognitif melalui pengalaman berpandu dan bukannya hanya memberi tumpuan kepada kemahiran dan proses fizikal. Oleh itu, teori perantisan kognitif perlu diterapkan melalui projek perniagaan semasa pelajar menjalankan program latihan industri.

Teori ini juga digunakan dalam kajian Said et al. (2017), penemuan kajian mereka telah menyimpulkan bahawa pembangunan kurikulum bahasa perlu mempertimbangkan konteks dengan mentakrifkan latihan industri sebagai "persekitaran" daripada perspektif teori. Perantisan kognitif termasuk kandungan pelajaran, pendekatan pedagogi, menganjurkan aktiviti yang mempromosikan pembelajaran, dan pengetahuan sosiologi. Oleh itu, kajian masa lalu ini telah menunjukkan bahawa penerapan Teori Perantisan Kognitif dalam latihan perindustrian adalah fasa yang dapat membantu dalam merapatkan jurang antara pengajaran perniagaan dan keperluan perniagaan kehidupan sebenar dalam konteks latihan industri.



Proses inilah yang diharap dapat berlaku dalam reka bentuk program latihan industri, yang mana pelajar dapat belajar dan menghayati serta berfikir dalam situasi mengenali kemahiran-kemahiran yang akan dipelajari dalam mata pelajaran Perniagaan dan mengaplikasi ilmu tersebut dilapangan semasa menjalani latihan industri tersebut. Pelajar akan lebih terbuka untuk mengenali dan berfikir sambil mentelaah ilmu pengetahuan untuk membuat keputusan bijak berdasarkan pemerhatian dan menuntut ilmu daripada majikan di latihan industri.

## **2.5 Kajian Lepas berkaitan Perniagaan, Keusahawanan dan Latihan Industri**

Sorotan kajian berikut adalah berdasarkan tiga kata kunci utama yang menyokong kajian iaitu “Perniagaan”, “Keusahawanan” dan “Latihan Industri”. Keusahawanan dipilih bagi menyokong istilah Perniagaan (Mata Pelajaran Perniagaan), disebabkan mata pelajaran ini baharu diperkenalkan pada tahun 2017, kajian terhadapnya adalah terhad dan limitasi ini perlu disokong dengan istilah tersebut. Sorotan kajian berkaitan latihan industri juga akan membincangkan kepentingan dan faedah yang diperoleh oleh pelajar setelah melaluinya sama ada sorotan luar negara mahu pun dalam negara yang boleh dilihat menjadi sandaran kepada keperluan mereka bentuk program latihan industri bagi mata pelajaran perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah.

### **2.5.1 Kajian Lepas Mata Pelajaran Perniagaan**

Sebuah kajian kuantitatif dengan analisis deskriptif yang dijalankan oleh Kasturi Rajan dan Norasmah Hj. Othman (2022), yang mana kajian tersebut adalah bertujuan untuk melihat aras pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan guru yang juga dilihat pengaruhnya terhadap prestasi subjek

perniagaan di empat (4) buah sekolah menengah di daerah Sepang dengan pelibatan 265 orang pelajar. Dapatan perbincangan kajian keseluruhannya menunjukkan pengetahuan dan kemahiran TMK guru berada pada tahap tinggi dengan pengakuan daripada pelajar khasnya pada kesediaan guru terhadap kedua-dua aspek tersebut. Dapatan pengkaji juga, ianya disebabkan oleh kesedaran yang tinggi dalam kalangan guru yang membawa pada modal asas daripada pemahaman iaitu pengetahuan terhadap TMK manakala kemahiran TMK guru dapat diukur melalui persembahan elektronik dan kemahiran internet mereka. Ianya sekaligus menunjukkan bahawa dengan pencapaian tinggi pada pengetahuan dan kemahiran TMK guru, impak positif juga berlaku pada prestasi pencapaian bagi subjek Perniagaan dalam kalangan pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Kalaivany Mageswaran dan Norasmah Othman (2022) berkaitan mengenalpastian tahap minat guru perniagaan dalam mata pelajaran perniagaan dan tahap ciri keusahawanan pelajar dalam jurusan mata pelajaran perniagaan. Kajian kuantitatif yang berbentuk kaedah tinjauan ini mendapatkan hasil kajian dengan analisis deskriptif dan inferensi terhadap 63 orang guru sebagai kumpulan sasaran kajian. Analisis dapatan kajian menunjukkan minat guru terhadap pengajaran mata pelajaran perniagaan berada pada tahap yang tinggi dengan min 4.383 dan sisihan piawai 0.522. Item yang tertinggi mengikut konstruk minat guru adalah item *'Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai objektif pengajaran'*. Bagi konstruk ciri keusahawanan pelajar pula, ianya juga berada pada tahap tinggi dengan min (4.097) dan sisihan piawai (0.557). Item yang tertinggi mengikut konstruk ini adalah *'Murid berasa puas hati apabila telah bekerja kuat untuk memajukan diri mereka'*. Penyelidik membuat kesimpulan bahawa perkara ini berlaku disebabkan guru yang mempunyai minat yang tinggi

terhadap bidang perniagaan dalam pengajarannya akan membawa dan mendorong pelajar mempunyai ciri keusahawanan dalam diri mereka dengan pembuktian kajian lalu.

Nurul Hidayah Omar dan Norasmah Othman (2021) telah menjalankan sebuah kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap sikap keusahawanan murid dan tahap pencapaian prestasi subjek Perniagaan murid di sekolah menengah. Kajian yang membawa beberapa pernyataan masalah seperti pengaruh emosi, tingkah laku, pelajar tidak fokus dan minat yang semakin pudar terhadap keusahawanan menjadi kebimbangan penyelidik selain menyatakan dengan data daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (2020a, 2021b), menyatakan bahawa bermula dari tahun 2018 hingga tahun 2020, penurunan sebanyak 8 503 orang pelajar memilih subjek Perniagaan. Ianya juga dipengaruhi oleh gaya pengajaran guru yang tidak kreatif dan menimbulkan rasa bosan pelajar. Maka untuk mengenalpasti sikap keusahawanan pelajar dan tahap pencapaian prestasi subjek Perniagaan, kajian ini dijalankan. Setelah kutipan data melalui soal selidik dengan edaran secara atas talian iaitu *google form*, dapatan kajian menunjukkan, tahap keusahawanan pelajar adalah tinggi, manakala tahap pencapaian prestasi murid hanya cemerlang pada aspek afektif sahaja. Ketidakseimbangan pencapaian berlaku apabila aspek kognitif dan psikomotor adalah pada tahap kepujian. Dan perkara ini membawa kesan aspek kognitif dan psikomotor adalah penting bagaimana pelajar mengaplikasi ilmu kepada tingkah laku yang sewajarnya. Sebuah kajian inferens terhadap pelajar yang mengambil mata pelajaran Perniagaan di tingkatan 6 berfokus untuk menilai pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian prestasi mata pelajaran perniagaan dengan mengaplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Gardner.

Kho Ai Peng, Mohd Ari Mohd Noor dan Nor Azrin Md Latip (2020) menjalankan kajian ini dan mendapati daripada 8 kecerdasan pelbagai tersebut, 50% daripadanya mempengaruhi dan signifikan pada pencapaian akademik mata pelajaran Perniagaan pelajar, manakala empat lagi sebaliknya. Hasil kajian menunjukkan empat domain kecerdasan pelbagai yang signifikan adalah domain kecerdasan verbal linguistik, kecerdasan logik matematik, kecerdasan visual ruang dan kecerdasan interpersonal. Domain yang signifikan ini juga dibuktikan dengan perkaitannya pada sukatan dan keperluan realiti mata pelajaran, selain empat domain yang tidak signifikan iaitu domain kecerdasan kinestetik, kecerdasan muzik, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalis dibuktikan dengan menunjukkan ketidaksiharan domain ini terhadap sukatan pelajaran yang mempunyai masa yang terhad serta ianya tidak merujuk kepada keperluan pelajar khususnya dalam menjawab soalan peperiksaan.

Kajian yang dijalankan oleh Nora'ini Abdul Rahman dan Nor Aishah Buang (2019), adalah kajian yang berfokus kepada tiga perkara iaitu gaya pengajaran guru yang diminati oleh pelajar, gaya pengajaran yang kebanyakannya diamalkan oleh guru dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan. Ketiga-tiga persoalan kajian ini dijalankan dengan mengaplikasi Gaya Pengajaran oleh Anthony Grasha (1996) dengan lima jenis gaya pembelajaran iaitu gaya pakar, gaya autoriti formal, gaya model personal, gaya fasilitator dan gaya delegator. Hasil dapatan kajian terhadap sampel seramai 136 orang pelajar di lima buah sekolah menengah di daerah Bagan Datuk, Perak dengan 10 orang guru Perniagaan mendapati gaya fasilitator adalah gaya pengajaran yang paling diminati pelajar, gaya *delegator* adalah gaya yang paling kerap

diamalkan oleh guru perniagaan dan tahap sikap pelajar berada pada tahap sederhana positif terhadap mata pelajaran perniagaan.

### **2.5.2 Kajian Lepas Keusahawanan Luar dan Dalam Negara**

Dalam sebuah kajian yang dijalankan di Switzerland oleh Yuliya Frolova, Suad A. Alwaely dan Olga Nikishina (2021) dengan penetapan objektif kajian untuk menentukan faktor utama motivasi kreatif keusahawanan dalam kalangan pelajar selain untuk membina model praktikal yang bersifat universal iaitu berguna dan sesuai dan bertepatan dengan motivasi dan kreativiti pelajar selain untuk mencipta konsep pengurusan pengetahuan berdasarkan model. Rumusan dapatan kajian ini adalah menyatakan kurikulum perlu mengandungi lebih banyak pelajaran dan praktikal manakala universiti perlu memasukkan kursus pengurusan pengetahuan dalam kurikulum keusahawanan. Dapatan juga menyatakan metodologi pengajaran pensyarah perlu lebih kepada interaksi sinergi bersama pelajar dan mengaplikasi kaedah prinsip kreativiti. Pelajar juga perlu mengaplikasi amalan pengurusan pengetahuan dalam kurikulum pembelajaran. Model motivasi keusahawanan perlu digunakan secara komprehensif dengan mengambil kira ciri-ciri akmeologi dan kecekapan pelajar dan universiti disarankan mengadakan kursus khas melalui instrumen pengurusan pengetahuan dengan mengajar bagaimana psikologi gunaan boleh digunakan untuk menyiasat sumber intelektual yang diaplikasi dalam menyelesaikan masalah sebenar perniagaan.

Jaana Seikkula-Leinoan Maria Salomaa, Svanborg Rannveig Jónsdóttir, Elin McCallum dan Hazel Israel (2021) dalam kertas kerja mereka yang berfokus untuk meneroka cara dasar Eropah dapat memacu pembangunan kecekapan keusahawanan

dengan menjalankan penelitian kes Rangka Kerja Kecekapan Keusahawanan Eropah (*EntreComp*). Kajian ini mendalami bagaimana perubahan berlaku dalam pendidikan keusahawanan daripada aspek teori pendidikan keusahawanan kepada perspektif sains pendidikan, selain memberi tumpuan kepada bagaimana perubahan tersebut harus dilaksanakan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa *EntreComp* telah diiktiraf secara meluas sebagai pemacu kritikal kecekapan dalam pendidikan keusahawanan kerana ianya dapat meningkatkan motivasi dan pemahaman keseluruhan tentang pendidikan keusahawanan dalam konteks transnasional yang berbeza. Walau bagaimanapun, penghargaan dan sokongan terhadap peranan pelajar seperti pendidik, penggubal dasar dan pihak lain yang turut berkepentingan, memerlukan maklumat lanjut. Selain itu, amalan pendidikan seperti latihan, alatan dan konsep perlu dibangunkan untuk menyokong refleksi dan bagi tujuan pembelajaran pelajar agar dapat memperkasakan misi dan amalan yang relevan dengan pendidikan keusahawanan.

Salman Zulfiqar, Hamad A. Al-reshidi, Moteeb Al. Al Moteri, Hafiz Muhammad Basit Feroz, Noraffandy Yahya dan Waleed Mugahed Al-Rahmi (2021) menjalankan sebuah kajian yang berfokus meneliti perbandingan antara impak pengajaran dan pembelajaran tradisional melalui permainan simulasi pengurusan dalam talian terhadap prestasi pembelajaran pelajar dan seterusnya membawa kepada niat keusahawanan, dengan aplikasi Model Penerimaan Teknologi atau "*Technology Acceptance Model*" (*TAM*) dan mengembangkannya dengan menggunakan perkongsian pengetahuan, aplikasi pengetahuan, kebolehbelaian, keseronokan yang dirasakan dan keberkesanan sendiri sebagai pembolehubah eksogen. Dapatan hasil kajian menggambarkan bahawa prestasi pembelajaran pelajar dipertingkatkan selepas

menggunakan permainan simulasi berbanding kuliah dalam talian teori biasa, yang seterusnya menggalakkan mereka menjadi usahawan. Impak dapat dilihat dengan permainan simulasi perniagaan ini, pelajar boleh berfikir secara kreatif dan inovatif, dapat berkomunikasi dalam menyelesaikan masalah, mengurangkan kos penyediaan perkakasan oleh guru, membantu pelajar lebih yakin dalam membuat keputusan dan mendorong daya saing serta pembelajaran kolaboratif. Pengkaji juga membuat kesimpulan bahawa permainan simulasi adalah metodologi pengajaran dalam talian yang baru dan berkesan untuk pelajar semasa masa krisis seperti Pandemik Covid-19 yang berlaku.

Kariema Price dan Linda Ronnie (2021) pula mengetengahkan kajian berkaitan Pendidikan Keusahawanan "*Entrepreneurship Education*" (EE) di Universiti Teknologi "*University of Technology*" (UoT), dan kedua pengkaji ini menjalankan kajian yang bertujuan untuk menangani jurang penyelidikan mengenai kandungan dan pedagogi pendidikan keusahawanan (EE) terutamanya di luar konteks sekolah perniagaan, dalam konteks ekonomi Afrika Selatan dengan meneliti kursus EE di UoT. Kajian mendapati tiga faktor kontekstual yang mempengaruhi cara pendidik dalam reka bentuk dan menyampaikan kursus EE, keperluan pelajar mengikut keselarian dengan pengalaman pelajar yang menuntut peranan pendidik dalam menyesuaikan kandungan buku teks dan kursus adalah mengikut tahap dan potensi pelajar bagi memastikan kurikulum disampaikan dengan berkesan. Kedua adalah kualiti bahan pengajaran, didapati kandungannya yang terhad. Dalam perkara ini, inisiatif pendidik diperlukan bagi mengelakkan keciciran pengetahuan berkaitan keusahawanan dalam kalangan pelajar contohnya dengan mendapatkan bahan ilmu tambahan secara atas talian, dan faktor ketiga pula adalah latar belakang pendidik khususnya yang

berpengalaman dengan keusahawanan dan industri. Tidak dinafikan, pendidik yang berpengalaman dengan bidang perniagaan (pernah menceburi perniagaan) akan dapat menyampaikan kurikulum dengan baik, namun jika sebaliknya, pendidik juga mampu berbuat yang sama, kerana objektif yang sama, memastikan pelajar menguasai ilmu keusahawanan secara berkesan.

Raquel Ferreras-Garcia, Jordi Sales-Zaguirre dan Enric Serradel-Lopez (2021) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mencadangkan dan menguji model struktur hubungan antara kecekapan generik dan khusus serta kecekapan keusahawanan dalam penilaian pembelajaran pelajar. Dapatan soal selidik yang direka bentuk membawa hasil yang mengesahkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan diantara kumpulan kecekapan yang berbeza dalam kalangan pelajar. Kecekapan generik mempengaruhi kecekapan khusus dan hubungan yang kukuh antara kecekapan sistemik dan professional dan kecekapan keusahawanan. Kajian turut membawa kesan terhadap implikasi praktikal pelajar iaitu mempengaruhi pembangunan kompetensi pelajar selain menampakkan bahawa pembolehubah pengalaman menyumbang secara positif kepada kumpulan kompetensi yang berbeza dan pembolehubah jantina dan umur tidak memberi kesan kepada pembangunan kompetensi keusahawanan pelajar.

Bethany Hardie, Camillia Highfield dan Kerry Lee (2020) pula menjalankan kajian dengan aplikasi tinjauan literatur terhadap 45 kajian dari 9 buah negara yang berfokus bidang keusahawanan dalam usaha memahami keberkesanan program dalam membangunkan sikap, kemahiran dan niat pelajar terhadap peluang keusahawanan dengan memahami persekitaran sosial dan ekonomi persekitaran pelajar. Kajian yang



dijalankan bertepatan dengan isu pendidikan semasa iaitu bagaimana keberkesanan program mampu menyokong pelajar bertindak terhadap peluang dalam bidang keusahawanan dengan sorotan kajian yang dijalankan mampu menjelaskan tentang keperluan masa kini dan masa hadapan terhadap bidang keusahawanan. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat faedah kepada pelajar terhadap pendidikan keusahawanan walaupun jenis peluang pembelajaran ini ditulis dalam kurikulum, dan pelajar jarang mengalami jenis pembelajaran tersebut di persekolahan mereka. Dapatan juga mampu melihat niat keusahawanan pelajar melalui minat yang berterusan dalam keusahawanan melalui kaedah yang berkesan seperti bantuan daripada jurulatih luar pada aktiviti '*hands-on*' dan penciptaan nilai sepanjang persekolahan membangunkan hasrat pelajar untuk meneruskan pengajian keusahawanan di universiti. Selain itu, sokongan kepada guru keusahawanan berupa kursus dan latihan, serta aktiviti PdP yang merentas kurikulum dengan sokongan pentadbir perlu diambil perhatian bagi mendorong pendekatan pedagogi keusahawanan pendidikan diaplikasi agar dapat membentuk keyakinan dan meningkatkan pengetahuan tenaga pengajar.

Mahboobe Mohammad Shafi, Mohammad Reza Neyestani, Sayed Ebrahim Mirshah Jafari dan Vida Taghvaei (2021) menjalankan sebuah kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan petunjuk peningkatan kualiti kurikulum daripada segi objektif (matlamat), kandungan, strategi pengajaran dan penilaian serta menilai kesahihan petunjuk tersebut dengan menggunakan analisis kuantitatif di peringkat universiti teknikal dan vokasional di Tehran. Dapatan kajian dirumuskan daripada empat persoalan kajian yang menunjukkan "terdapat langkah-langkah yang perlu diambil perhatian seperti menyesuaikan kurikulum dengan keperluan profesional

perniagaan, fokus kepada standard, kecekapan professional dan kecekapan fokus, adalah perkara-perkara yang perlu berlaku termasuklah perhubungan antara majikan dan perancang, modulasi kandungan, kebolegunaan kandungan, pengajaran berasaskan kerja, integrasi sains dan amalan, pengajaran berasaskan kumpulan dan pernyataan, penilaian berasaskan prestasi, penilaian berasaskan peranan pelajar dalam menjalankan tugas dalam kumpulan, serta penekanan kepada kerja amali dan projek pasukan khususnya dalam aspek menentukan penilaian dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kurikulum pendidikan tinggi teknikal dan vokasional”.

Shad Ahmad Khan, Purna Prasad Sharma dan Prabha Thoudam (2019) telah menjalankan sebuah kajian yang bertujuan untuk mencadangkan model penyelidikan keusahawanan serta bertujuan untuk memahami peranan dan sikap pelajar Bhutan dalam subjek keusahawanan termasuk juga bagaimana orientasi bidang tersebut mendorong kerjaya mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif diantara persepsi dan sikap. Dapatan juga menunjukkan melalui analisis korelasi dan regresi yang melihat persepsi dan sikap mempunyai hubungan yang signifikan terhadap orientasi keusahawanan. Korelasi positif yang signifikan juga berlaku diantara pendidikan Keusahawanan dan Orientasi Keusahawanan walaupun pada tahap sederhana bagi ujian korelasi. Kesimpulan daripada penyelidik menyatakan bahawa “pendidikan keusahawanan memainkan peranan penting dalam orientasi keusahawanan dan peranannya tidak boleh diabaikan, dan persepsi terhadap sikap didapati lebih domain dalam mempengaruhi individu memilih keusahawanan sebagai kerjaya.”

Ranjana Gujrati, Lawan Al. Lawan, Esha Jain dan Varuna Tyagi (2019) menjalankan sebuah kajian di 3 wilayah Nigeria Utara dengan fokus pada isu-isu keupayaan ramalan norma subjektif dengan mengkaji pengukuran niat keusahawanan pelajar-pelajar sarjana muda di negara tersebut. Dengan aplikasi teori tingkah laku yang dirancang, kajian dijalankan berasaskan soal selidik yang dihasilkan sendiri oleh barisan pengkaji. Maklum balas daripada responden dalam kajian ini mendapati bahawa ketiga-tiga antecedent niat dalam teori tingkah laku iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan sebagai peramal yang signifikan terhadap niat keusahawanan. Dapatan kajian juga menyatakan bahawa faktor lain seperti pendidikan keusahawanan, senario perniagaan yang lebih baik adalah faktor lain yang turut meramalkan niat keusahawanan responden. Selain itu, dapatan lain kajian turut dinyatakan iaitu keputusan menunjukkan norma subjektif adalah peramal kedua paling penting selepas sikap keusahawanan yang boleh menjelaskan hasrat keusahawanan responden kajian.

Sergio Jesus Teixeira, Carla Maria Lopes Casteleiro, Ricardo Rodrigues, Maria Guerra (2018) menjalankan kajian yang bertujuan untuk meneruskan pemahaman dan penyiasatan yang lebih baik tentang faktor yang boleh memberi kesan kepada tahap aktiviti keusahawanan dengan melakukan analisis statistik. Gabungan data analisis perbandingan perbezaan antara niat keusahawanan dan keusahawanan dilakukan dari 22 negara Kesatuan Eropah. Pengkaji mendapati terdapat tujuh (7) penentu utama hasrat keusahawanan di negara-negara Eropah yang dikaji dan diantaranya saling berkaitan iaitu 'kapasiti yang dirasakan', 'niat keusahawanan' itu sendiri yang akan mempengaruhi 'kadar keusahawanan yang baru lahir', 'faktor kerajaan dan politik' berhubung dengan 'pembiayaan untuk usahawan' masing-masing dan 'pendidikan

dan latihan asas' dalam keusahawanan yang mempengaruhi 'penyelidikan dan pembangunan'. Daripada ketujuh-tujuh penentu tersebut, keputusan kajian mendedahkan bahawa beberapa penentu utama niat keusahawanan di negara Eropah adalah berkaitan dengan faktor dasar, seperti "faktor kerajaan dan politik" dan "pendidikan dan latihan asas" dalam keusahawanan. Dapatan kajian ini akan memberikan impak positif kepada sistem politik untuk melihat sebagai rancangan kepada dasar sosio-ekonomi dan penggunaan dasar yang mencukupi menggalakkan dan menyokong keusahawanan dalam konteks Strategi Eropah 2020, yang merupakan strategi pertumbuhan Kesatuan Eropah.

Sebuah kajian oleh Norfariza Radzi dan Muhammad Faizal A. Ghani (2021) berkenaan reka bentuk profil persediaan program *School Enterprise* di Kolej Vokasional, Malaysia. Kajian ini mengaplikasi Kaedah *Fuzzy Delphi* yang bertujuan untuk mendapatkan dan menyusun elemen-elemen bagi program *School Enterprise* yang berkesan berdasarkan kesepakatan pakar dan mampu menjadi panduan kepada barisan pentadbir, pensyarah dan para pelajar. Penyelidik telah memilih 15 orang pakar yang terdiri daripada pakar dalam bidang keusahawanan dan ahli perniagaan. Kajian dijalankan dengan merujuk Model *Meier's Rapid Instructional Design (RID)*, (Meier, 2000) dan dapatan kajian menunjukkan empat (4) komponen iaitu penyediaan program, penyampaian modul program, latihan program dan pelaksanaan program sebagai petunjuk kepada elemen-elemen terbaik dalam program *School Enterprise* yang telah dianalisis dan menampakkan kesepatan pakar pada elemen tersebut. Dapatan keseluruhan item menunjukkan 88.89% diterima oleh pakar yang menunjukkan item dan elemen tersebut selari dengan tujuan program *School Enterprise* yang memberikan pengalaman praktikal kepada pelajar.

Rosman Mahmood, Ahmad Suffian Mohd Zahari, Norlaila Ibrahim, Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar dan Najihah Marha Yaacob (2021) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengkaji kesan pendidikan keusahawanan dalam mempengaruhi prestasi perniagaan dalam kalangan graduan Institut Teknologi Mara atau Universiti Teknologi Mara. Kajian dijalankan dengan menetapkan 5 hipotesis kajian yang merujuk kepada lima elemen utama dalam hipotesis iaitu kurikulum keusahawanan (H1), peranan universiti (H2), faktor perkaitan (H3), masyarakat (H4) dan nilai keusahawanan (H5) memberi kesan positif yang signifikan terhadap prestasi perniagaan. Kajian melibatkan 250 sampel dan seramai 161 responden dari dalam dan luar daerah Dungun, Terengganu yang terdiri daripada pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana. Dapatan kajian menunjukkan H1, H3, H4 dan H5 menunjukkan kesan positif dan pengaruh yang signifikan terhadap prestasi perniagaan manakala H2 menunjukkan respon tidak signifikan.

Nur Fardeana Arifin, Radin Siti Aishah Radin A Rahman & Norasmah Othman (2020) menjalankan kajian yang bertujuan untuk menentukan tahap personaliti *Big Six* (kestabilan emosi, kesungguhan, kesepakatan, ekstraversi, keterbukaan dan hubungan interpersonal), tahap kecenderungan keusahawanan digital serta adakah terdapat hubungan diantara kedua-dua tahap personality big six dan tahap kecenderungan keusahawanan digital terhadap 264 orang pelajar di Kolej Komuniti, Negeri Sembilan. Instrumen soal selidik dengan Skala Likert lima mata terlibat dalam kajian ini adalah adaptasi daripada instrumen kajian lepas. Dengan data kajian dianalisis secara deskriptif, analisis inferensi serta kaedah Davies (1971), dapatan hasil kajian menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan digital responden kajian ini adalah pada tahap sederhana tinggi dengan min = 3.40 dan nilai sisihan piawai 0.99.

Penyelidik membuat kesimpulan dengan menyatakan pelajar kolej komuniti Negeri Sembilan belum mencapai tahap keyakinan dan pemikiran untuk memilih bidang keusahawanan digital sebagai kerjaya setelah tamat pengajian mereka kelak.

Ma Fei Fan, Norlidah Alias dan Dorothy DeWitt (2020) pula menjalankan kajian dengan melaksanakan tinjauan dan ulasan keatas koleksi jurnal dalam bidang pendidikan keusahawanan. Ianya berfokus untuk memberikan mewajarkan perihal pentingnya pendidikan keusahawanan serta pencerahan dan maklumat berfokus kepada pembaca tentang trend penyelidikan masa kini dan cadangan penyelidikan berkaitan keusahawanan pada masa akan datang. Dapatan kajian yang berfokus kepada kajian-kajian bidang keusahawanan dalam tempoh kajian selepas tahun 2015 adalah tentang keberkesanan pendidikan keusahawanan. Selain itu, penyelidik juga mendapati terdapat lima bidang Pendidikan keusahawanan yang menjadi fokus dalam tempoh 10 tahun tersebut iaitu Pembangunan Program, Kesan dan Kongnisi Pelajar, Persekitaran Pembelajaran, Kompetensi Pensyarah dan Pembangunan Instrumen.

Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad dan Ibrahim Mahat (2016) menjalankan kajian mengenai Program Tunas Niaga di sebuah sekolah menengah di Terengganu yang berobjektifkan tiga perkara iaitu mengkaji profil ahli program, mengukur tahap kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dan menentukan perkaitan antara faktor peramal dan kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan ahli program. Dapatan kajian menunjukkan, bagi objektif mengukur tahap kecenderungan menceburi bidang keusahawanan, penyertaan dalam salah satu kursus jangka pendek seperti Kem Usahawan Remaja telah membantu pelajar mencapai objektif penglibatannya iaitu membantu meningkatkan

pengetahuan keusahawanan peserta. Program juga telah membawa penemuan keberhasilan program yang menunjukkan minat dan kecenderungan peserta pada bidang keusahawanan selain menyokong penglibatan pelajar semasa dalam program dengan perbincangan berterusan bersama guru pembimbing serta berjaya membawa penglibatan pelajar bersama agensi luar sebagai asas dalam menceburi bidang perniagaan.

Kajian keusahawanan seterusnya yang dijalankan oleh Wan Nur Azlina Ibrahim, Ab. Rahim Bakar, Soaib Asimiran, Shamsiah Mohamed dan Noor Syamilah Zakaria (2015) yang berobjektifkan untuk mengenal pasti tahap hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar di dua institusi Pendidikan (Awam) iaitu Kolej Komuniti dan Institut Belia dan Kemahiran Negara di Malaysia. Kajian mengenal pasti tahap pengetahuan keusahawanan responden berdasarkan 4 faktor keusahawanan tertentu, termasuk pengenalpastian dan penilaian peluang perniagaan, rangkaian dan komunikasi. Persepsi sederhana tinggi dan tinggi yang ditunjukkan oleh responden Institut Belia dan Kemahiran Negara dan pelajar kolej komuniti bagi setiap faktor yang dikaji di sini menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan adalah penting dalam pembangunan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Kurikulum pendidikan keusahawanan perlu sentiasa ditambah baik supaya ia mampu memupuk budaya keusahawanan dan seterusnya meningkatkan niat pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai laluan kerjaya.

### **2.5.3 Kajian Lepas Latihan Industri Luar Negara**

Jhon U. Blesia, Mesak Lek, Westim Ratang dan Halomoan Hutajulu (2021) menjalankan kajian di Universiti Cenderawasih (Uncen) dengan hasrat untuk

membangunkan model kurikulum pendidikan keusahawanan yang berfokus untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan. *Action Research Project (ARP)* yang dijalankan dalam kursus formal dengan beberapa aktiviti keusahawanan seperti pemberian modal permulaan perniagaan, memberi latihan intensif, peluang perantisan dan adanya penyeliaan daripada ahli pasukan projek dilaksanakan pada pelajar Sains Ekonomi Tahun Dua. Dapatan kajian ini adalah dengan menyatakan berlaku impak pada set minda pelajar dan keyakinan diri dalam pembentukan minda dan azam keusahawanan pelajar. Akibat daripada itu, ianya telah memberikan sumbangan yang besar kepada akreditasi kebangsaan universiti dan keputusan yang dibuat selepas itu adalah subjek Keusahawanan telah dijadikan subjek wajib di seluruh fakulti.

Arkadiusz Januszewski dan Malgorzata Grzeszczak (2021) dalam kajiannya menyuarakan kesukaran yang berlaku terhadap program latihan organisasi ketika pandemik Covid-19 melanda dan mendorong kepada kaedah amali secara e-latihan dilakukan oleh pihak Fakulti Pengurusan di Universiti UTP di Bydgoszcz. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik bertujuan untuk membentangkan tinjauan yang dijalankan tentang bagaimana pelajar Jurusan Kewangan dan Perakaunan melihat strategi latihan seperti yang dicadangkan. Dapatan kajian menunjukkan e-latihan yang dilaksanakan mampu memberikan pendedahan kepada pelajar dan mereka berpeluang melaksanakan keseluruhan projek dengan baik. Pelbagai peringkat kerja perakaunan seperti kajian kes, simulasi perniagaan projek pelbagai langkah dan pembelajaran berasaskan komputer berlaku. Platform yang dipilih dan dicadangkan adalah kaedah yang baik dan mampu meningkatkan aktiviti pelajar, selain memberikan sokongan pada pembelajaran sendiri dan melihat prestasi pelajar dalam pelaksanaannya.



Wai Kian Tan dan Minoru Umemoto (2021) menjalankan kajian yang meneliti impak perluasan ilmu pelajar Jepun terhadap program latihan amali jurutera global oleh kerajaan Jepun. Pengkaji juga ingin melihat dan memahami sebab latihan amali ini dipandang tidak popular di Jepun dengan melaporkan permulaan dan keputusan latihan industri Universiti Kejuruteraan Antarabangsa. Oleh itu, laporan kerja semasa mengenai pelaksanaan latihan industri di luar negara (di luar Jepun) oleh universiti teknikal Jepun serta maklum balas yang diperoleh daripada pelajar Jepun dalam program ini yang menjalani latihan di pelbagai syarikat contohnya di Pulau Pinang, Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan berlaku peningkatan bilangan peserta yang menyertai program internship antarabangsa semenjak 2013 hingga 2018. Ianya juga adalah program yang mampu mengadaptasi kemahiran insaniah dalam diri pelajar termasuk kemahiran komunikasi, kaedah berfikir secara kritis dan kreatif serta berpeluang berada dalam sistem pendidikan spiral dimana pelajar menyedari situasi yang berbeza bekerja dan berada di negara lain seperti Malaysia. Maklum balas daripada pelajar secara keseluruhannya menunjukkan kepuasan hati pelajar setelah dianalisis dari tahun 2013 hingga 2015 terhadap program internship yang dijalankan.

Serina Al Haddad, Thomas O'Neal, Issa Batarseh dan Amber Martoncik (2021) menjalankan kajian yang membincangkan kepentingan melatih pelajar dalam bidang keusahawanan untuk membolehkan daya saing nasional dan antarabangsa yang mampan dalam pasaran global berasaskan pengetahuan. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik berfokus membincangkan kepentingan pendidikan keusahawanan, menyemak program latihan kebangsaan, membentangkan metodologi reka bentuk program NSF I-Corps, dan menganalisis keputusan pasukan yang telah mengambil bahagian dalam program NSF I-Corps. Dapatan kajian menunjukkan peratusan

pasukan yang menyertai program I-Corps di setiap kawasan kajian adalah menggalakkan. Ianya sekaligus membawa impak baik dan positif kepada pelajar kerana dapat mengaplikasi pembelajaran teori dan praktikal berasaskan pengalaman pada situasi persekitaran yang sebenar. Pelajar dapat mengenalpasti sumber, pengetahuan, keyakinan diri dan kemahiran keusahawanan dan mampu mencurahkan idea dan kreativiti berdasarkan pengalaman yang telah dilalui.

Samiksha Neroorkar dan P. Gopinath (2020) menjalankan sebuah kajian yang bermatlamat untuk meneliti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan Institut Latihan Perindustrian (ITI) di Mumbai, India. Kajian turut menyarankan asas yang boleh diambil sebagai penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dalam latihan ITI bagi membantu mencapai objektif yang lebih tinggi dalam kebolehpasaran graduannya. Penemuan kajian menunjukkan satu set berbeza terhadap enam faktor terhadap ITI yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan dengan menyampaikan pengetahuan dan kemahiran, mempengaruhi sikap dan jangkaan pelajar, menyediakan perantisan, menandakan ciri-ciri yang menggalakkan, bertindak sebagai perantara antara industri dan graduan dan membantu membina rangkaian sosial. Kesimpulannya ialah ITI boleh menggabungkan strategi untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan secara aktif dengan memanfaatkan faktor-faktor ini.

Ahm Shamsuzzoha, Rayko Toshev, Viet Vu Tuan, Timo Kankaanpaa dan Petri Helo (2019) menjalankan sebuah kajian untuk memperkenalkan teknologi sokongan dan persekitaran realiti maya dalam kilang digital termasuk untuk membangunkan garis panduan bagi aktiviti latihan industri dan penyelenggaraan industri dalam kilang yang

berkonsepkan digital. Penilaian terhadap penggunaan platform realiti maya “*Virtual Reality (VR)*” telah diaplikasi dengan asas terhadap kemudahan teknologi di kilang secara digital yang boleh digunakan dalam sesi latihan dan penyelenggaraan industri. Kajian dilaksanakan dalam pelbagai fasa mengikut peringkat termasuk demonstrasi dan aplikasi, dan dapatan daripada hasil kajian menunjukkan pencapaian pada objektifnya dengan kepelbagaian pembangunan proses dan aplikasi kaedah pelaksanaan yang menampakkan kejayaan dan keberhasilan. Implikasi kajian keseluruhan terhadap konsep realiti maya dalam aplikasi industri disimpulkan dengan hala tuju penyelidikan masa hadapan termasuk impak terhadap kos, masa, kecekapan dan kecanggihan teknologi, kursus atas talian serta faktor keselamatan. Seterusnya adalah perbincangan kajian lepas berkaitan program latihan industri yang menjadi perbincangan pengkaji dalam negara.

#### **2.5.4 Kajian Lepas Latihan Industri Dalam Negara**

Roshidi Bakar @ Samad (2020) pula menjalankan kajian yang bertujuan mengkaji dan mengenalpasti persepsi pelajar terhadap dua perkara iaitu faedah kandungan model yang diikuti oleh pelajar keusahawan dan kompetensi keusahawanan dalam kalangan pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka dengan lulusan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Melibatkan 677 orang responden, hasil kajian mendapati semua responden mempunyai persepsi yang positif terhadap faedah yang mereka perolehi selepas mengikuti kursus keusahawanan, serta persepsi responden terhadap kompetensi keusahawanan selepas tamat pengajian. Sebahagian besar responden bersetuju dengan penilaian “Sangat Tinggi” pada skor min bagi elemen “Meningkatkan Pengetahuan” dan “Menyediakan Rancangan Perniagaan” sebagai faedah terbaik, manakala kompetensi keusahawanan membawa kepada tiga

(3) elemen terbaik dengan skor min sangat tinggi pada elemen “Menitikberatkan Mutu Kerja yang tinggi”, “Menyelesaikan Masalah secara kreatif” dan “Komitmen terhadap perjanjian kerja”, sebagai kompetensi terbaik pelajar lulusan Modul Keusahawanan. Penyelidik turut menyatakan, terdapat kelemahan yang perlu diambil perhatian iaitu kompetensi graduan melihat dan merebut peluang keusahawanan sebagai isu yang perlu dititikberatkan.

Rodzalan et al. (2020) menjalankan kajian yang didasarkan dengan dua tujuan iaitu untuk menyiasat impak latihan industri terhadap peningkatan pemikiran kritis dan kemahiran pelajar menyelesaikan masalah, dan untuk meneroka peramal terpilih ke atas peningkatan kemahiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar tersebut. Kajian yang mengadaptasi Inventori Persepsi Kendiri Peranan Pasukan Belbin, menunjukkan dapatan setelah tamat latihan industri, berlaku peningkatan dalam pemikiran kritis dan penyelesaian masalah pelajar. Ianya dibuktikan dengan keberhasilan pelajar dalam tugas mereka, impak pada kawalan emosi dan ketahanan diri serta mengaplikasi kemahiran kognitif dalam menyelesaikan masalah berlaku sepanjang sesi latihan industri dilaksanakan. Dapatan juga menunjukkan dengan minat dan kebebasan pelajar selain penyeliaan oleh penyelia lelaki khususnya, peningkatan kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah diramalkan adalah lebih baik.

Kajian oleh Ridzwan Che Rus, Mohd Azlan Mohamad Husain, Zaliza Hanapi dan Abu Bakar Mamat (2020) menjalankan sebuah kajian yang berfokus tentang kualiti graduan TVET. Pengkaji turut mendapati bahawa terdapat amalan yang perlu dikaji bagi melihat faktor penting dalam melahirkan graduan berkualiti dengan meneliti

kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) diamalkan di institusi latihan TVET. Oleh itu, objektif kajian yang mereka laksanakan adalah berfokus untuk membangunkan rangka kerja PdPc yang dikenali sebagai TVETagogy, khususnya dalam bidang TVET di Malaysia. Rangka kerja ini adalah dibangunkan berdasarkan Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek (POPBL) dan Berasaskan Kerja Pembelajaran (WBL) digabungkan dengan elemen pengajaran abad ke-21 melibatkan 9 orang pakar telah dilantik menggunakan kaedah Delphi yang diubah suai untuk mengesahkan elemen yang berkaitan dengan TVETagogy. Dapatan menunjukkan elemen teknologi, pedagogi, kandungan, pengetahuan telah berjaya disepadukan dengan elemen POPBL dan WBL untuk mencipta rangka kerja untuk TVETagogy. Penemuan kajian tersebut boleh diaplikasi sebagai panduan untuk bakal guru, pendidik dalam bidang TVET untuk panduan dalam mereka bentuk yang tinggi PdPc TVET yang berkualiti dan berkesan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Zainoriza binti Zainun, Abdul Rahim Razalli, Arasinah Kamis dan Kway Eng Hock (2020) dalam sebuah kajiannya mengetengahkan sebuah pelaksanaan program latihan industri kepada pelajar berkeperluan khas iaitu *The Upper Secondary Industry Apprenticeship Program (PIMA)* yang bertujuan untuk menilai pelaksanaan program latihan industri ini terhadap pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dengan melihat dan mengkaji peranan kebolehsuaian dalam meningkatkan lagi kesejahteraan tempat kerja pelajar OKU ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan peralihan individu berkeperluan khas ke dunia pekerjaan perlu disokong oleh pelbagai aspek seperti sistem sokongan kolaboratif, bimbingan kerja, latihan kemahiran advokasi sendiri, bimbingan kerjaya dan penilaian peralihan, latihan vokasional, kakitangan

peralihan terlatih dan perkhidmatan peralihan. Dapatan daripada aspek kesejahteraan pula, ianya perlu disokong dengan peranan yang dimainkan oleh pentadbir sekolah dan guru seperti menyediakan peralatan, bahan dan ruang yang berdekatan dengan latihan amali serta sokongan ibu bapa semasa pelajar menjalani latihan tersebut.

Bishanani Omar, Norlidah Alias dan Hutkemri Zulnaidi (2020) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti elemen pembangunan kompetensi pelajar Perniagaan di Kolej Vokasional khususnya bagi memenuhi kebolehpasaran graduan perniagaan di Kolej Vokasional. Penyelidik mengaplikasi Teori Perantisan Kognitif dengan penetapan elemen penting iaitu kemahiran kebolehterkerjaan dan pembangunan kompetensi oleh organisasi dalam usaha meningkatkan keberkesanan, pengetahuan dan kecekapan pekerja di bawah bimbingan penyelia dan penyelia sebagai penyokong pada peningkatan kemahiran pelajar dalam menyiapkan tugas dalam organisasi. Soal selidik yang telah lengkap dianalisis daripada 20 responden pakar, menunjukkan hasil konsensus pakar, terdapat 13 elemen pembangunan kompetensi untuk penglibatan dan 12 elemen pembangunan kompetensi untuk sokongan yang diperlukan oleh pelajar pengurusan perniagaan. Elemen terbaik daripada kedua-dua kompetensi ini adalah responden sangat bersetuju dengan adanya sesi latihan yang berlaku di dalam bilik darjah yang berfokus kepada penambahan pengetahuan pelajar dan proses yang memudahkan pelajar mendapatkan maklumat dengan mudah tentang peluang kerjaya dalam organisasi.

Amin et al. (2020) pula menjalankan kajian yang berobjektifkan untuk mengenalpasti keberkesanan pendekatan internship sebagai kerja kursus dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar prasiswazah dan bertujuan untuk menganalisis persepsi pelajar

terhadap pelaksanaan pendekatan internship sebagai kerja kursus dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar sarjana muda. Dapatan kajian mendapati, amali dapat meningkatkan pengetahuan teknikal dan kemahiran insaniah pelajar selain dapat menimba ilmu tersirat melalui bimbingan daripada penyelia / jurutera tapak, pelajar berjaya mencapai objektif pelajaran dan analisis persepsi juga berada pada tahap cemerlang dan baik kerana responden menyatakan mereka dapat menguasai ilmu yang lebih dan bukan hanya ilmu semata-mata di bilik kuliah. Hasil kajian juga menunjukkan ianya sangat membantu institusi TVET menjalankan program amali dengan jayanya dengan mengambil kira faktor seperti pengetahuan dan kemahiran untuk diperolehi semasa menjalani latihan industri dan tempoh yang sesuai, program latihan mampu mencapai matlamat utamanya untuk memberikan pendedahan dunia sebenar kepada pelajar sebelum mereka menamatkan pengajian.

Iman Najihah Hamdan dan Shukran Abdul Rahman (2020) menjalankan kajian yang bertujuan untuk membentangkan dan mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa Psikologi di sebuah universiti di Malaysia. Menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif, dan dapatan kajian telah menemui sebelas tema utama, yang dikategorikan dalam tiga isu dan cabaran berbeza telah dikenal pasti, iaitu isu berkaitan jabatan (universiti), isu berkaitan tempat kerja / organisasi dan isu serta perkara berkaitan peribadi. Terdapat lompong pengurusan organisasi yang menyebabkan pelajar mengalami kekaburan maklumat sebelum menjalani latihan industri, tidak terdapat tetapan pada bidang / kerja berkaitan latihan, terutamanya garis panduan yang boleh dijadikan rujukan oleh pelajar, organisasi mahupun jabatan itu sendiri.

Abdul Muqsith Ahmad (2018) telah menjalankan sebuah kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design & Development Research* , *DDR*) yang mempunyai tiga objektif untuk mengenalpasti elemen dan nilai yang perlu diterapkan dalam program latihan kemahiran kejuruteraan serta membangunkan Model ENi berasaskan aktiviti inkuiri bagi program latihan tersebut, termasuk juga melengkapkan fasa akhir DDR kajiannya iaitu menilai kebolegunaan model yang dibangunkan oleh pengkaji. Dapatan kajian pada fasa analisis keperluan menunjukkan terdapat keperluan dan tindakan yang wajar dalam memfokuskan elemen etika dan nilai khasnya kepada pelajar kemahiran kejuruteraan di ILKM. Pada fasa pembangunan dan reka bentuk model, terdapat 30 daripada 34 elemen dan 4 dimensi utama dipilih melalui konsensus pakar, elemen dan dimensi yang diterima yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan dan kepentingan satu dimensi dengan dimensi yang lain untuk memastikan kejayaan model. Manakala fasa ketiga iaitu fasa penilaian kebolegunaan telah menunjukkan keempat-empat elemen dianalisis dan telah memenuhi syarat dalam prosedur teknik *fuzzy delphi* terhadap kebolegunaan dan penerimaannya terhadap model yang telah dibangunkan dalam kajian ini.

Nor et al. (2015) menjalankan kajian yang berfokus untuk mengenalpasti kesan latihan industri terhadap prestasi akademik pelajar perakaunan di Malaysia. Kajian dijalankan dengan mengesan prestasi akademik pelajar sebelum dan selepas menjalani latihan industri serta prestasi kerja kursus pelajar yang terlibat iaitu seramai 188 orang pelajar. Kajian mengukur empat hipotesis utama iaitu H1 yang melihat hubungan signifikan pada peningkatan prestasi keseluruhan pelajar selepas menjalani program latihan industri, H2 adalah mengkaji hubungan yang signifikan pada prestasi pelajar perempuan selepas latihan industri, H3 juga mengkaji hubungan signifikan pada



prestasi pelajar lelaki selepas latihan industri, manakala H4 pula melihat bahawa tiada perbezaan yang ketara di antara lelaki dan perempuan daripada aspek prestasi akademik. Dapatan kajian mendedahkan bahawa terdapat kesan positif yang signifikan secara statistik pada H1, H2 dan sebahagian dapatan pada H3. Pendedahan kerja sebenar dapat meningkatkan prestasi kefahaman dan pembelajaran pelajar pada H1, manakala H2 dan sebahagian H3 menunjukkan keputusan pelajar perempuan adalah meningkat selepas latihan industri dan begitu juga pada lelaki namun terkecuali pada kursus audit sebelum latihan industri. Dapatan pada H4 pula, keputusan pelajar wanita telah mengatasi prestasi akademik pelajar lelaki, maka H3 adalah tidak disokong. Namun secara kesimpulannya, penyelidik menyatakan program latihan industri membawa sumbangan besar dalam peningkatan prestasi akademik pelajar dalam auditan dan percukaian tanpa mengira jantina.

Kertas kerja berkaitan latihan industri daripada Renganathan et al. (2012) yang bertujuan untuk mengenalpasti kepentingan program latihan industri untuk pelajar, membentangkan maklumat berkaitan latihan industri, penerangan tentang kajian semasa berkaitan berserta data dan akhir sekali berkongsi keberkesanan serta cadangan penambahbaikan program latihan industri yang dijalankan selama 8 bulan oleh pihak universiti. Menggunakan pendekatan kajian kes, data untuk kajian ini dikumpul melalui soal selidik tinjauan yang akan meneliti persepsi pelajar terhadap pengalaman, kecekapan aktiviti pra-penempatan, bantuan yang diberikan oleh *Students' Industrial Internship Unit (SIIU)* serta sokongan yang diberikan oleh *Host Company (HC)* semasa pelajar menjalani program latihan industri selama lapan bulan. Penemuan hasil dapatan kajian terhadap pengalaman pembelajaran semasa program latihan industri keseluruhannya adalah cemerlang dan baik. Pelajar dapat memperoleh

budaya kerja industri dan memahami dunia pekerjaan. Sokongan SIIU dan keberkembangan operasi pra penempatan juga adalah pada tahap baik dan cemerlang kerana pelajar merasakan wujud sokongan umum selain adanya sokongan HC semasa sesi latihan industri dijalankan. Secara amnya, pelajar melihat pembelajaran melalui pengalaman praktikal semasa latihan secara positif.

Berdasarkan tinjauan kajian lepas, yang merangkumi tiga (3) fokus utama iaitu mata pelajaran Perniagaan, keusahawanan serta program latihan industri yang dijalankan di dalam dan luar negara, dapatlah dianalisis seperti pada jadual 2.0 dibawah. Kesemua kajian-kajian lepas ini, relevan dan bersesuaian dengan tajuk yang diketengahkan dalam kajian ini, khasnya keusahawanan yang mempunyai maksud yang dekat dengan istilah perniagaan, kerana keusahawanan merangkumi segala perkara termasuk perniagaan. Berdasarkan kajian-kajian lepas ini, belum ada diantaranya yang mengetengahkan cadangan program latihan industri kepada pelajar di peringkat sekolah menengah yang memilih mata pelajaran Perniagaan.

**Jadual 2.1 :**

*Rumusan Kajian Lepas berkaitan Perniagaan, Keusahawanan dan Latihan Industri*

<i>Pengkaji</i>	<i>Objektif Kajian</i>	<i>Dapatan Kajian</i>
<i>Mata Pelajaran Perniagaan</i>		
Rajan & Othman (2022)	Aras Kemahiran TMK Guru dan prestasi mata pelajaran perniagaan pelajar	Aras TMK yang tinggi pada guru membawa prestasi cemerlang pelajar
Mageswaran & Othman (2022)	Minat guru dalam mata pelajaran perniagaan dan tahap keusahawanan pelajar perniagaan	Hubungan yang positif dan signifikan pada tahap tinggi

Omar & Othman (2021)	Tahap keusahawanan dan prestasi pelajar perniagaan	Tahap tinggi dan prestasi cemerlang daripada aspek afektif
Kho, Mohd Noor & Md. Latip (2020)	Pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap prestasi mata pelajaran perniagaan	4 domain yang signifikan (verbal linguistik, logik matematik, visual ruang dan interpersonal)
Abdul Rahman & Buang (2019)	Gaya pembelajaran guru dan sikap pelajar	Gaya Fasilitator dan gaya delegator dan tahap sikap pelajar pada tahap sederhana
<i>Keusahawanan Luar dan Dalam Negara</i>		
<i>Pengkaji</i>	<i>Objektif Kajian</i>	<i>Dapatan Kajian</i>
Frolova, Alwaely & Nikishina (2021)	Menentukan faktor utama motivasi kreatif keusahawanan dalam kalangan pelajar	Kurikulum pelajaran dan praktikal, kursus pengurusan pengetahuan, interaksi dua hala
Seitkula-Leinoan et al., (2021)	Penelitian kaedah memacu pembangunan kecekapan keusahawanan dan rangka kerja EntreComp	Pengaruh terhadap motivasi dan pemahaman, namun perlu penambahbaikan pada visi dan pembangunan amalan
Zulfikar et al., (2021)	Impak PdP tradisional dengan permainan simulasi pengurusan dalam talian terhadap prestasi pembelajaran serta niat keusahawanan	Peningkatan kemahiran pada pelajar dan bantuan pada guru dengan niat serta galakkan sebagai usahawan
Price & Ronnie (2021)	Untuk menangani jurang penyelidikan kandungan dan pedagogi Pendidikan Keusahawanan (EE)	3 faktor penting mempengaruhi kontekstual adalah keperluan pelajar, bahan pengajaran dan latar belakang pendidik
Ferreras, Sales-Zaguirre, Serradell (2021)	Model Struktur Hubungan yang mengkaji kecekapan yang berbeza dalam kalangan pelajar	Hubungan yang signifikan dan implikasi praktikal terhadap pembangunan kompetensi

Hardie, Camillia & Kerry (2020)	Pembangunan sikap, kemahiran dan kecekapan pelajar keusahawanan melalui program sokongan	Sokongan dalaman dan luaran membawa impak kepada pembangunan hasrat keusahawanan pelajar
Shafi et al., (2020)	Mengenalpasti petunjuk peningkatan kualiti kurikulum daripada segi objektif, kandungan, strategi dan penilaian	Keperluan pasaran, hubungan institusi dan majikan, semak kaedah PdP, aplikasi amali, alatan industri yang sesuai, semak dan kemaskini kurikulum, pembelajaran di tempat kerja dan kecekapan profesional awam
Khan, Sharma & Tahoudam (2019)	Cadangan Model Penyelidikan Kejayaan Keusahawanan	Hubungan yang signifikan, persepsi, sikap, pendidikan keusahawanan dan orientasi keusahawanan
Gujrati et al., (2019)	Pengukuran Niat Keusahawanan pelajar	Sikap, Norma subjektif dan kawalan tingkah laku sebagai peramal signifikan pada niat keusahawanan
Teixera et al., (2018)	Faktor yang memberi kesan pada aktiviti keusahawanan	Kesan daripada faktor kerajaan, politik faktor Pendidikan dan latihan asas
Radzi & Ghani (2021)	Reka bentuk profil persediaan <i>School Enterprise</i> di KV Malaysia	Penerimaan 88.89% item yang menyokong tujuan program dengan 5 elemen utama
Mahmood et al., (2021)	Kesan Pendidikan Keusahawanan terhadap prestasi pelajar	Kesan positif pada 4/5 elemen iaitu kurikulum keusahawanan, faktor perkaitan, masyarakat dan nilai keusahawanan.

Arifin, Rahman & Othman (2020)	Hubungan Tahap Personaliti Big Six dan Kecenderungan Keusahawanan	Sederhana tetapi berkeyakinan dengan pemikiran usahawan digital
Fan, Alias & DeWitt (2020)	Kepentingan Pendidikan Keusahawanan	Niat keusahawanan sebagai petunjuk penting keberkesanan dan 5 bidang utama di dalam Pendidikan Keusahawanan
Nawang et al., (2016)	Kecenderungan menceburi bidang Keusahawanan	Penyertaan tinggi, membawa niat menceburi yang tinggi dengan semangat
Ibrahim et al., (2015)	Kenalpasti tahap hasrat keusahawanan dan pengetahuan	Persepsi pada tahap sederhana tinggi dan tinggi daripada responden, namun kurikulum perlu sentiasa ditambahbaik
<i>Latihan Industri Luar dan Dalam Negara</i>		
<i>Pengkaji</i>	<i>Objektif Kajian</i>	<i>Dapatan Kajian</i>
Blesia et al., (2021)	Pembangunan Model Pendidikan Keusahawanan (Termasuk latihan dan perantisan)	Impak kepada set minda pelajar dan keyakinan diri berlaku
Januszewski & Grzeszczak (2021)	Cadangan e-latihan industri (Pandemik Covid-19)	Mampu memberi sokongan pembelajaran sendiri dan prestasi pelajar yang menggalakkan.
Tan & Umemoto (2021)	Faktor Rendah Populariti Latihan Amali di Jepun dan impaknya	Faktor peluang dan keterbukaan minda serta mencadangkan latihan yang bersifat global dan fleksibel
Al Haddad et al., (2020)	Kepentingan latihan kepada pelajar melalui pelaksanaan program keusahawanan	Pelajar dapat mengenalpasti elemen penting khususnya idea dan kreativiti berdasarkan pengalaman

Samiksha & Gopinath (2020)	Faktor kebolehpasaran graduan Institut latihan Perindustrian (ITI)	Enam faktor penting sebagai strategi kebolehpasaran graduan
Shamsuzzoha et al. (2019)	Kemudahan inovasi dan teknologi latihan industri iaitu platform reality maya (VR)	Kejayaan dengan pengujian dan implikasi besar terhadap aktiviti latihan dan pengurusan
Bakar (2020)	Persepsi pelajar dan faedah model terhadap Kursus Keusahawanan	Persepsi tinggi, faktor kurang mengenalpasti peluang keusahawanan
Rodzalan et al., (2020)	Menyiasat impak dan peramal latihan industri terhadap pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah	Peningkatan kemahiran berlaku dengan hasil tugas pelajar selepas latihan
Rus et al., (2020)	Amalan kaedah PdPc institusi TVET	Rangka Kerja TVETagogy, Pembelajaran Berasaskan Projek dan Pembelajaran Berasaskan Kerja
Zainun et al., (2020)	Penilaian PIMA – Latihan Industri Pelajar Bekerperluan Khas	Pelaksanaan program perlu melibatkan pelbagai aspek sokongan selain sokongan pentadbir sekolah dan guru
Omar, Alias & Zulnaidi (2020)	Mengenalpasti elemen pembangunan kompetensi untuk menyokong kemahiran kebolehkerjaan pelajar	Elemen penting dalam pembangunan kompetensi dikenalpasti melalui kesepakatan pakar
Amin et al., (2020)	Mengenalpasti keberkesanan latihan industri dan persepsi pelajar	Membuka ruang dan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman untuk pelajar
Hamdan & Rahman (2020)	Isu dan cabaran pelajar Psikologi menamatkan latihan industri	Garis panduan sebelum, semasa dan selepas perlu diadakan daripada pelbagai aspek penting dalam latihan industri
Ahmad (2018)	Model Eni (DDR) – elemen dan nilai bagi program latihan kemahiran kejuruteraan	Pengesanan elemen dan nilai serta kesepakatan pakar terhadap Model Eni – tinggi

Nor, Mohd & Ismail (2015)	Kesan latihan industri terhadap prestasi akademik pelajar perakaunan	Positif dan signifikan dengan pelajar Wanita lebih konsisten.
Renganathan, Karim & Li (2012)	Kurikulum penting untuk program latihan industri IPT	Pelajar bersikap positif dengan penilaian program latihan industri

Berdasarkan rumusan berjadual pada Jadual 2.0, kesemua kajian yang dijalankan sama ada dalam negara mahupun luar negara tidak melibatkan pelajar yang berada dalam lingkungan umur 16 ke 17 tahun iaitu pelajar Menengah Atas di peringkat pengajian di Malaysia dan beberapa negara luar seperti Jepun, Afrika Selatan dan Finland. Kajian yang dikongsikan lebih banyak memberikan sokongan terhadap perkembangan kurikulum, kepentingan kurikulum dan mencadangkan model terhadap kurikulum tersebut. Tidak dapat dinafikan kepentingan niat dan kecenderungan keusahawanan adalah penting, dan perkara yang sama juga kepada mata pelajaran Perniagaan.

Kajian-kajian yang dijalankan sejak 2019 hingga 2022 terhadap mata pelajaran Perniagaan dalam Malaysia cenderung melihat bagaimana peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh guru terhadap prestasi dan pencapaian pelajar. Tema-tema seperti kemahiran teknologi dan maklumat, minat dan gaya pengajaran guru dikaitkan kepada impak prestasi pelajar perniagaan. Kesemua daripada lima kajian berkaitan mata pelajaran perniagaan ini membawa impak positif kepada prestasi pelajar termasuk pengaruh terhadap kecerdasan pelbagai terhadap akademik pelajar. Ini menunjukkan, terdapat kepentingan yang berpengaruh lebih dalam melihat kepada bagaimana mata pelajaran perniagaan ini, mempunyai objektif dan kandungan kurikulumnya yang relevan terhadap peluang masa depan pelajar perniagaan.

Tema-tema yang penting dalam kajian keusahawanan luar dan dalam negara tidak kurang pentingnya sejak tahun 2015 hingga tahun 2021. 69% daripada 16 kajian membawa kepada tema tentang hasrat dan niat keusahawanan pelajar sebagai objektif yang dihasratkan. Ini menunjukkan betapa pentingnya langkah pertama pelajar dalam bidang perniagaan didahului dengan niat dan hasrat yang berfokus berdasarkan ilmu pengetahuan dan kefahaman yang dipelajari melalui kurikulum keusahawanan yang berkualiti dalam bilik darjah atau sesi kuliah. Tema lain yang berkaitan dan signifikan termasuklah komunikasi (interaksi dua hala), simulasi pengurusan, sikap, kemahiran, kecekapan, persepsi, keperluan pelajar, latihan dan praktikal, pembangunan kompetensi, orientasi keusahawanan dan faktor-faktor yang membawa impak kepada keusahawanan seperti faktor politik dan kerajaan. Tema yang diketengahkan turut menyuarakan peri pentingnya elemen keusahawanan ini digabungkan dan dikukuhkan dengan latihan asas, orientasi keusahawanan, simulasi, praktikal dan latihan amali dengan impak positif terhadap prestasi pelajar. Elemen-elemen ini, membawa maksud seerti tentang keperluan Latihan Industri.

Menurut Nor'Aini Yusof dan Siti Nur Fazilah Mohd Fauzi (2013), "latihan industri merupakan salah satu platform utama dalam menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi". Manakala menurut Tzu-Ling Chen dan Ching-Cheng Shen, (2012); Anastasios Zopiatis dan Panayiotis Constanti, (2012); Jens F.Binder, Thom Baguley, Chris Crook dan Felicity Miller, (2015); Tzu-Ling Chen, Ching-Cheng Shen dan Mark Gosling, (2018) "latihan industri telah diterima baik oleh ahli akademik, pelajar dan industri dan terbukti memberikan banyak manfaat. Antara manfaat latihan industri adalah memberikan pendedahan kepada pelajar kepada teknologi terkini yang diimplementasikan dalam industri, membantu pelajar menghubungkan



pelajaran di bilik kuliah dengan persekitaran kerja, membangunkan pengalaman praktikal yang berharga, membiasakan pelajar dengan tempat kerja, membuka peluang untuk berkomunikasi dan mewujudkan hubungan dengan penyelia di dalam industri serta membantu menjelaskan harapan kerjaya”. “Satu lagi manfaat terpenting latihan industri kepada pelajar ialah peningkatan kemahiran kebolehgajian yang membolehkan mereka bersaing dalam pasaran buruh selepas menamatkan pengajian” (Esther Ishengoma dan Terje I. Vaaland, 2016; Tzu-Ling Chen, Ching-Cheng Shen dan Mark Gosling, 2018).

Program latihan industri dalam dan luar negara, tidak dapat dinafikan juga, mempunyai impak yang besar dalam pembangunan peribadi, minda dan sahsiah pelajar. Namun jika program ini dapat dibuka peluang kepada pelajar yang berumur 16 atau 17 tahun, iaitu pelajar tingkatan 4 atau tingkatan 5 di peringkat menengah atas, ianya adalah program rintis yang dapat membuka peluang dan pengalaman asas pelajar menceburi dan menghayati teknik terbaik dalam memulakan dan mencadangkan perniagaan mereka. Hal ini juga memberikan impak yang baik kepada pelajar dalam memenuhi kehendak Kertas 3, Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Mata Pelajaran Perniagaan, yang mana curahan idea perniagaan yang baik dapat dihasilkan berkat adanya Latihan Industri yang ditawarkan kepada pelajar. Ianya juga bersesuaian dengan kajian ini iaitu yang mengetengahkan reka bentuk program latihan industri mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar di sekolah menengah atas, yang akan mengambil kira kesepakatan pakar.


Berdasarkan tema-tema daripada keseluruhan kajian, analisis tematik yang dilakukan oleh pengkaji, mendapati bahawa, kajian-kajian lepas ini lebih banyak membawa

tema-tema yang menjurus kepada impak, keberhasilan dan keperluan yang boleh dilakukan terhadap mata pelajaran perniagaan, keusahwanan dan latihan industri, namun tiada kajian yang mengetengahkan peluang latihan industri yang boleh diadakan kepada pelajar Perniagaan di sekolah menengah di negara Malaysia. Maka dengan itu, pengkaji memilih tajuk ini dengan membawa lima elemen utama iaitu objektif, kandungan, strategi, penilaian yang bersesuaian dengan Model Taba (1962) dan disokong juga oleh elemen bahan bantu latihan yang mampu melengkapkan menjadi sebuah reka bentuk program latihan industri mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas, yang melibatkan instrumen soal selidik untuk dibincangkan bersama pakar-pakar yang terpilih mengikut kriterianya.

Namun begitu, terdapat juga elemen tambahan yang diperlukan untuk melengkapkan sebuah reka bentuk soal selidik bagi mencapai objektif kajian ini. Rujukan yang diperoleh daripada Alias et al. (2018) dalam sebuah buku bertajuk Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional Malaysia. Penulis telah membandingkan konsep kemahiran TVET dengan rujukan daripada UNESCO (Marope, Chakroun & Holmes, 2015), *OECD Skills Strategy* (King, 2012), *World Bank World Development Report 2013* dan *National Vocational Training Council (Malaysia) 1999*, seperti Rajah 2.1 di sebelah. Rasional memasukkan perbandingan ini adalah bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian dan relevan dengan elemen yang terlibat dalam kajian reka bentuk program latihan industri bagi mata pelajaran perniagaan untuk pelajar-pelajar di sekolah menengah atas, bagi sekolah-sekolah menengah dalam negara Malaysia. Rajah 2.1 ditunjukkan di sebelah adalah salah satu rajah perbandingan Konsep Kemahiran TVET.

## Rajah 2.1

### Perbandingan Konsep Kemahiran TVET




Sumber: Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional Malaysia (Alias et al., 2018)

Terdapat juga sumber bacaan lain yang dipilih untuk dijadikan rujukan tambahan seperti yang dipetik daripada Minghat dan Yasin (2010) pada Rajah 2.1 di sebelah. Rajah tersebut memaparkan beberapa elemen Kelestarian Institusi TVET di Malaysia. Dapatan ini turut boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam kajian ini khususnya kemahiran yang disenaraikan dalam elemen pembangunan lestari. Terdapat kemahiran yang boleh dilihat kepentingannya yang boleh dihubungkan dengan kemahiran yang terkandung dalam elemen kandungan reka bentuk program latihan industri mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas berdasarkan kajian ini. Kemahiran yang disenaraikan turut dijadikan rujukan dan panduan dalam menyusun kemahiran terlibat dalam salah satu elemen kajian ini.

## Rajah 2.2

### *Elemen-elemen Kelestarian Institusi TVET di Malaysia*




Sumber : Minghat dan Yasin (2010)

Rasional yang dibawakan oleh kandungan konsep kemahiran TVET adalah kerana ianya mengandungi kemahiran umum dalam sistem pendidikan selain ianya juga relevan dengan bidang perniagaan dan keusahawanan, manakala kandungan dalam Rajah 2.2 pula mengandungi “16 elemen terpenting yang terkandung dalam pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran dan kemahiran yang berkaitan untuk industri” (Alias et al., 2018). Tema yang dibawakan oleh kedua-dua kandungan rajah ini adalah bertepatan dan dengan maksud dan tema yang dipetik daripada kajian lepas seperti yang dihuraikan sebelum ini. Dengan itu pengkaji telah merumuskan kesemua dapatan ini pada Rajah 2.3 di sebelah yang dianalisis menggunakan kaedah Analisis Tematik.

### Rajah 2.3

*Analisis Tematik Tinjauan Literatur dan Sumber Rujukan mengikut Model Taba (1962)*



## 2.6 Kerangka konseptual


Cuthbert Majoni (2017) menyatakan kurikulum yang terlalu sarat membawa kepada kesan negatif terhadap keberkesanan guru dalam proses pengajaran manakala Lissa Hibbard, Renee Leonard dan Aditi Pai (2015) ia sekali lagi mengenai mereka bentuk kurikulum untuk ekuiti dan kecemerlangan seperti yang ditemui dan diharapkan. Dua kenyataan ini lengkap menunjukkan dan menyedarkan pengkaji akan pentingnya penyampaian kurikulum yang baik yang disokong dengan pelaksanaan program latihan seperti latihan industri yang mampu memberikan peluang pembelajaran di luar bilik darjah atau lokasi sebenar yang lebih menggambarkan realiti yang berfokus kepada sokongan kepada kurikulum sedia ada bagi menjamin kemenjadian murid yang seperti yang dihasratkan, malah turut menyokong rancangan pengajaran yang lebih mudah dilaksanakan oleh guru di sekolah sama ada sebelum atau selepas pelaksanaan program latihan tersebut.

Model Taba (1962) adalah sebuah reka bentuk kurikulum yang jelas mampu menyokong reka bentuk kajian ini. Dengan menggariskan kandungan, objektif, strategi, penilaian dan ditambah dengan bahan bantu latihan, penyusunan reka bentuk program latihan industri akan memberikan gambaran yang jelas terhadap objektif reka bentuk program. Lima elemen ini, akan menyokong item-item yang disenaraikan dalam instrumen soal selidik yang mampu menjadi landasan kepada fokus utama reka bentuk program latihan industri bagi pelajar Perniagaan di sekolah menengah. Model Taba (1962) ini adalah model yang dijadikan sandaran pada objektif dan persoalan kajian serta elemen yang terkandung dalam instrumen soal selidik kajian ini.

Kajian ini juga disokong dengan dapatan kepentingan kurikulum berasaskan industri yang boleh ditetapkan bagi melihat kepentingan kajian ini terhadap pelajar Perniagaan di sekolah menengah. Alias et al. (2018) menghuraikan dengan jelas, kurikulum berasaskan industri mampu memberikan pengetahuan dan kemahiran yang seiring serta membantu kemahiran keboleherjaan sebagai impak besar pada pelajar. Model Perantisan Kognitif pula mampu menjadi sandaran pada kemahiran sokongan yang berupa tunjuk ajar, bimbingan, kesukarelawan serta interaksi yang menyokong komunikasi penting dalam membina sahsiah keusahawanan pelajar (Tisdale, 2001). Collin et al. (1991) juga turut menyatakan, dengan model ini kemahiran kognitif pelajar akan meningkat, mereka akan melaksanakan praktik berdasarkan pemerhatian terhadap pakar. Berdasarkan rujukan lain seperti kajian lalu dan bacaan bahan rujukan tambahan, dengan itu Rajah 2.4 di sebelah menunjukkan, kerangka konseptual kajian.

**Rajah 2.4:**

*Kerangka konseptual Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar Sekolah Menengah Atas*





## **2.7 Rumusan**

Bab ini telah membincangkan teori, model dan kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungan terhadap kandungan intipati penting terhadap tema-tema yang menyokong tajuk kajian iaitu Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah. Kajian berkaitan program latihan industri yang berkaitan bidang keusahawanan dan perniagaan sama ada dalam dan luar negara, menampakkan impak keberhasilannya pada setiap dapatan kajian. Kajian-kajian lalu tersebut dijalankan merentasi pelbagai kaedah seperti semakan dokumentasi dan soal selidik serta akan mengadakan temu bual berstruktur bagi tujuan kesahan instrumen turut dilaksanakan dalam kajian ini. Kaedah pelaksanaan kajian dan maklumat yang berkaitan telah dihuraikan sebagai panduan, pengukuhan dan sandaran dalam perbincangan di bab akhir kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan Metodologi Kajian.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Penerangan dan perbincangan dalam bab ini adalah huraian lanjut mengenai reka bentuk kajian, yang mengandungi penerangan berkaitan teknik *Fuzzy Delphi*, persampelan dan prosedur pemilihan pakar, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, analisis kajian, prosedur kajian serta data dan diakhiri dengan rumusan kajian.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan reka bentuk program latihan industri untuk pelajar bagi mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah atas. Matlamat yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah dengan mencadangkan reka bentuk program latihan industri sebagai pengukuhan dan pelengkap kepada asas pengetahuan dan kemahiran pelajar yang telah dipelajari secara teori dalam sukatan mata pelajaran Perniagaan bagi pelajar di dalam bilik darjah. Reka bentuk kajian juga menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* yang menggunakan instrumen soal selidik *Fuzzy Delphi* yang mengandungi item dan elemen yang merangkumi kelima-lima intipati daripada persoalan kajian.

Kajian ini dijalankan mengaplikasi kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*. Pendapat daripada Jamil (2016) dan Abdul Muqsith (2018) bahawa, berdasarkan kajian terdahulu yang mengaplikasi teknik *FDM* ini, ianya adalah sebuah teknik yang menggunakan sekumpulan pakar, kerana dipercayai mampu menghasilkan dapatan yang sah, berkualiti dan berimpak khasnya kepada kumpulan sasar. Kaedah ini juga dikenali

sebagai pendekatan konsensus. *FDM* adalah kaedah yang diperolehi daripada kaedah *Delphi* klasik yang telah diubah suai. Melalui kaedah ini, pakar-pakar terpilih terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang dalam isu-isu yang dikaji (Khairul Azhar Jamaludin, Norlidah Alias, Dorothy Dewitt dan Abdul Rasid Razzaq, 2019) dalam dalam kajian ini, pakar adalah dipilih daripada individu yang terlibat secara profesional dengan kurikulum dan mata pelajaran perniagaan. Malah Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Farazila Yusof, Nurulrabihah Mat Noh, Zaharah Hussin dan Ahmad Arifin Sapar (2015) juga berpendapat bahawa kaedah ini dapat memendekkan kitaran *delphi* dan dengan itu memendekkan tempoh masa kajian. Konteks kajian adalah untuk menghasilkan instrumen rujukan latihan industri yang boleh mengukur tahap penguasaan ilmu pelajar ketika pelaksanaan latihan tersebut bersama dengan organisasi industri yang terlibat.

Kajian ini dimulakan dengan pengumpulan maklumat awal setelah menetapkan tajuk. Sorotan kajian lalu, literatur berkaitan perniagaan, keusahawanan dan latihan industri, serta bahan-bahan bacaan dan artikel dikumpulkan untuk mendapatkan gambaran situasi yang telah berlaku dalam setiap dokumentasi rujukan, khasnya kajian lalu, sebagai proses mengenalpasti bentuk kajian yang bakal dilaksanakan. Dapatan daripada tiga panduan ini dijadikan rujukan utama dalam proses seterusnya seperti proses pemilihan pakar dan reka bentuk instrumen.

Kajian yang menggunakan kaedah "*multi method*" ini melibatkan responden yang terpilih dalam kalangan pakar Pendidikan yang terlibat dalam Pendidikan dan Kurikulum MPEI Mata Pelajaran Perniagaan di sekolah menengah, di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan peringkat pengurusan di JPN dan KPM.

Diperingkat JPN dan KPM, pakar yang dipilih adalah mereka yang terdiri daripada pegawai yang terlibat dengan mata pelajaran Perniagaan dan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET), manakala di peringkat IPT pula terdiri daripada Pensyarah mata pelajaran Perniagaan di yang bertugas dalam negara. Sesi bersama dengan pakar yang dipilih ini, temu bual separa berstruktur akan dijalankan yang berfokus untuk mendapatkan kandungan dan intipati penting dalam merangka reka bentuk instrumen terbaik bagi latihan industri pelajar sekolah menengah, di bawah mata pelajaran perniagaan.

Pengumpulan data di awal proses kajian adalah menggunakan semakan dokumen, sorotan literatur dan diikuti dengan temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan kandungan terbaik instrumen soal selidik bersama responden. Menurut Othman Talib (2018), instrumen soal selidik adalah dokumen yang sesuai dalam pengumpulan data berbentuk kuantitatif. Ini adalah kerana, data yang diperoleh mudah dianalisis dan data adalah tepat. Instrumen soal selidik yang dihasilkan adalah berdasarkan perbincangan bersama pakar rujuk untuk mendapatkan persetujuan pada item dalam 5 elemen iaitu objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian berdasarkan tajuk kajian iaitu Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah.

Setelah menemu bual kesemua pakar rujuk yang dipilih, proses diteruskan dengan analisis data bagi tujuan pelaporan kajian. Analisis data menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* bertujuan mendapatkan kesepakatan pakar dalam mengenalpasti kedudukan dan kandungan setiap item dalam instrumen soal selidik. Instrumen yang dibangunkan adalah instrumen yang mengandungi elemen dan item yang merujuk

kepada reka bentuk latihan industri bagi pelajar perniagaan di sekolah menengah yang mana kaedah analisis data melibatkan penggunaan *fuzzy set theory* yang telah disepadukan di dalam skala *fuzzy* dengan menggunakan penomboran *fuzzy* yang terdiri daripada penomboran *binary*. Rasional pengkaji memilih teknik ini. adalah bersandarkan hujah daripada Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh dan Ahmad Ariffin Sapar (2017) yang mengatakan bahawa teknik Fuzzy Delphi yang mengaplikasi pendapat pakar mampu digunakan bagi mendapatkan konsensus mereka dalam sesuatu permasalahan.

### **3.3 Teknik *Fuzzy Delphi***

Kaedah *Delphi* dibangunkan pada tahun 1950an oleh *Research and Development (RAND) Corporation* (Dalkey, 1969). Menurut Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021) dalam bukunya *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*, “Kaedah *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method (FDM)* adalah satu kaedah dan metode pengukuran yang dilakukan penjenamaan semula berdasarkan daripada Kaedah *Delphi* asal (tradisional).” Ianya terdiri daripada satu set Penomboran *Fuzzy* dan Kaedah *Delphi*. Bermakna, kaedah *Fuzzy Delphi* adalah satu kaedah yang diadakan penambahbaikan terhadap Kaedah *Delphi*. Ianya secara tidak langsung menjadi suatu alat untuk mengukur dengan cara yang lebih efektif dan mampu menyelesaikan masalah yang menampakkan ketidakpersisan dan ketidakpastian dalam menjalankan sesuatu kajian.

Kaedah ini telah diterokai sejak 1985 oleh para sarjana seperti Murray, Pipino dan Gigch. Tidak kurang hebatnya, kaedah ini turut menjadi pilihan dalam penyelidikan, khasnya bidang kurikulum dalam kalangan penyelidik tempatan dalam Malaysia.

Contohnya dalam sebuah artikel berbahasa Inggeris bertajuk *Framework for Technical Communication Skills Content Development for Students in Malaysia Vocational Colleges: A Fuzzy Delphi Study* oleh Jamaludin et al. (2019), yang mengaplikasi prosedur *Fuzzy Delphi Method*. Pengaplikasian FDM dalam kajian mereka menunjukkan kaedah tersebut dapat memenuhi kehendak objektif kajian melalui kesepakatan pakar bagi menyelesaikan masalah kajian. Dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan dengan pengaplikasian *FDM*, prosedur pelaksanaannya yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan dalam penyelidikan. Terdapat tujuh langkah penting dalam prosedur pelaksanaan kajian *FDM* ini dan salah satunya adalah pemilihan pakar sebagai langkah utama yang penting dan setiap prosedur akan dibincangkan lebih lanjut dalam subtajuk prosedur kajian.

#### **3.4 Persampelan dan Prosedur Pemilihan Pakar**

Menurut Michael Adler dan Erio Ziglio (1996), bilangan pakar diantara 10 hingga 15 orang adalah sesuai dengan merujuk kepada tahap keseragaman yang tinggi. Manakala, Harry Jones dan Brian Twiss (1978) pula turut mencadangkan jumlah pakar iaitu seramai 10 hingga 50 orang. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih 15 orang pakar rujuk yang terdiri daripada pensyarah di institut pengajian tinggi awam, pegawai-pegawai Pendidikan, guru-guru cemerlang dan guru-guru Perniagaan sekolah menengah. Rasional pemilihan pakar ini adalah kerana pakar ini memenuhi kriteria penetapan pakar yang dikehendaki dalam teknik *Fuzzy Delphi* dengan merujuk pada pengalaman bertugas dan bidang kepakaran. Jadual 3.0 di sebelah merujuk kepada maklumat lanjut berkaitan prosedur pemilihan pakar rujuk. Jadual inilah yang menjadi rujukan pengkaji bagi memastikan pakar yang dipilih memenuhi kehendak

dan kriteria pemilihan pakar yang terlibat. Ianya adalah penting bagi memastikan kesahihan dalam proses analisis data.

**Jadual 3.1:**

*Prosedur Pemilihan Pakar*

Jawatan	Bilangan Pakar	Pengalaman/ Mengajar	Bidang Kepakaran
Guru/Guru Cemerlang	5	Lebih 8 tahun	Perdagangan+Perniagaan
Ahli Akademik	5	Lebih 8 tahun	Pengurusan Perniagaan atau Keusahawanan
Pegawai Pendidikan	5	Lebih 8 tahun	Perniagaan atau Bidang TVET

Pendapat yang diutarakan oleh Iryanti Mat Nashir, Ramlee Mustapha dan Abdullah Yusoff (2015a) yang menyarakankan agar pakar yang dipilih adalah terdiri daripada ahli akademik yang tertinggi, pakar yang berpengalaman dan juga pakar yang terdiri daripada pelaksana sama ada pakar yang melaksanakan sesuatu program atau pembaharuan. Bagi Berliner (2004a; 2004b) turut menyatakan pakar yang dipilih adalah seseorang individu yang berpengetahuan dan mahir dalam sesuatu bidang dan pengalaman yang dimilikinya adalah melebihi tempoh 5 tahun. Bersesuaian dengan dua pendapat tersebut, pakar yang dipilih dalam kajian ini adalah turut mengambil kira kriteria tersebut iaitu mereka yang melaksanakan program PdP di dalam bilik darjah dan program diperingkat sekolah, daerah atau negeri malah peringkat kebangsaan khususnya guru mata pelajaran perniagaan, ahli akademik yang juga dari bidang pengurusan perniagaan atau keusahawanan, dan pegawai pendidikan di peringkat negeri dan kementerian dalam bidang Perniagaan dan bidang TVET.

Isu yang dihadapi dalam pemilihan pakar ini adalah terhadap pengalaman atau tempoh pengalaman mengajar bagi guru-guru atau guru cemerlang mata pelajaran perniagaan.

Mata pelajaran ini baru diperkenalkan pada tahun 2016, dan kali pertama disebarkan dalam PdP di sekolah menengah kepada pelajar tingkatan 4 pada tahun 2017 berikutan perubahan mata pelajaran ini dari mata pelajaran Perdagangan kepada Perniagaan. Ketika kajian ini dilaksanakan, pengalaman guru yang mengajar mata pelajaran Perniagaan tertinggi adalah tempoh 5 tahun, berdasarkan perbincangan bersama pihak sekolah khususnya pentabdir, pengalaman dua mata pelajaran ini iaitu Perdagangan dan Perniagaan membolehkan guru tersebut layak dilantik sebagai pakar.

Pakar yang dipilih juga dalam kalangan ahli akademik yang terdiri daripada pensyarah IPT Awam dalam negara serta pegawai perkhidmatan pendidikan di peringkat negeri terpilih dan kementerian. Kepakaran mereka juga merujuk kepada bidang yang selari dengan kajian iaitu sama ada dari pengurusan dan penulisan termasuk penerbitan dalam bidang perkembangan kurikulum, bidang TVET, bidang perniagaan, keusahawanan dan latihan industri. Dalam proses pemilihan pakar, kriteria pakar dalam bidang pendidikan yang dirujuk dari Ericsson, K. Anders, Krampe, Ralf T., dan Tesch-Römer, Clemens (1993) pada Jadual 3.2 seperti berikut.

### **Jadual 3.2:**

*Kriteria pakar dalam bidang pendidikan*

---

Kriteria pakar pendidikan
1. Jangka masa pekerjaan dan latar belakang pengajaran ( <i>Length of Occupational Background or Deliberate Practice</i> )
2. Pengiktirafan daripada pakar dan keahlian dalam badan-badan tertentu ( <i>Experts' Social Recognition or Group Membership</i> )
3. Anugerah dan perakuan daripada institusi-institusi tertentu ( <i>Rewards and Recommendations from School</i> )
4. Pencapaian pelajar yang dididik ( <i>learners' achievement</i> )
5. Penanda aras prestasi ( <i>Criterion-based Performing Markers</i> )

---

Sumber: Ericson, Krampe & Tesch-Romer (1993); Akbari et al., (2014)



Kriteria-kriteria penting daripada jadual ini turut diambil perhatian dalam pemilihan kesemua pakar rujuk khususnya 3 orang pakar rujuk utama kajian ini. Temu bual bersama pakar rujuk yang pertama telah membawa kepada perbincangan yang lebih hampir dengan situasi sebenar yang berlaku di sekolah kerana pakar rujuk yang pertama adalah pendidik yang terlibat secara langsung dengan PdP Perniagaan. Pakar rujuk ini lebih banyak bersetuju dengan tema-tema yang terbit dari tematik analisis kajian lepas sambil mengaitkan dengan situasi pelajar yang pernah dan sedang dididik di Sabah dan Selangor. Pakar rujuk ini juga mengaitkan pengalamannya bersama murid sambil menceritakan bagaimana situasi yang sama seperti cadangan kajian ini. Beliau sering memberikan projek mudah bersama pelajarinya semasa cuti persekolahan akhir tahun pelajar tingkatan 4, dengan tugas berpanduan untuk pelajar mendapatkan maklumat berkaitan perniagaan yang mereka minati. Maklumat-maklumat itu dikumpul oleh pelajar dan dapatan tersebut akan dikongsikan bersama guru semasa sesi awal tahun persekolahan di tingkatan 5. Dalam situasi yang sama, kesemua maklumat tersebut juga akan menjadi panduan awal pelajar untuk menyusun rancangan perniagaan mereka di Kertas 3 SPM Perniagaan. Perkara ini sangat menarik perhatian pengkaji kerana dapat mengetahui rintis pernah dilaksanakan oleh pakar rujuk ini, dan kaedah tersebut mendatangkan hasil yang amat menggalakkan bagi dirinya dan pelajar-pelajarnya.

Pakar rujuk kedua pula adalah pakar rujuk yang banyak menyumbang kepada penyelidikan dan penerbitan dalam bidang Perkembangan Kurikulum khususnya bidang Keusahawanan, Latihan Industri dan TVET. Beberapa cadangan yang dikemukakan juga telah membawa pelbagai idea yang boleh menambahbaik tema yang terbit dari analisis kajian lepas. Cadangan seperti memasukkan program latihan secara

bersemuka atau atas talian, menggabungkan strategi yang bertindan maksud, cadangan menghasilkan pelaporan pelajar secara atas talian (e-portfolio) dan mencadangkan kepada pengkaji agar meneliti juga kaedah latihan industri dan kurikulum yang dilaksanakan oleh institusi lain iaitu kolej vokasional amat membantu pengkaji. Pakar rujuk ini juga bersetuju dengan tema-tema yang terbit dari analisis kajian lepas selain mencadangkan juga beberapa cadangan lain yang telah diselaraskan untuk membentuk item dalam instrumen soal selidik kajian.

Pakar rujuk ketiga, adalah pakar yang telah terlibat dalam pembangunan kurikulum mata pelajaran Perniagaan selama hampir 8 tahun. Kepakarannya telah membantu pengkaji dalam mengukuhkan lagi dapatan bersama 2 pakar rujuk sebelumnya yang lebih awal telah ditemu bual. Selain menggabungkan tema yang terbit dari tematik analisis yang telah dilakukan, pakar rujuk ketiga ini juga mencadangkan idea yang hampir sama dan selari dengan pakar rujuk sebelumnya seperti kepentingan konsep perniagaan, mengadakan penilaian sendiri, kemahiran-kemahiran seperti menganalisis, berkomunikasi, membina hubungan, panduan pelaksanaan program latihan industri, strategi penerokaan dan strategi berkumpulan, dan mengadakan penulisan reflektif dari pelajar serta pembentangan. Pakar rujuk ketiga ini juga amat berhasrat agar kandungan panduan pelajar semasa menghadiri latihan industri kelak, adalah panduan yang lebih menjurus kepada mendapatkan maklumat yang seiring dengan keperluan dalam Kertas 3 SPM Perniagaan pelajar.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Menurut Mohd. Majid Konting (2004), penggunaan soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar, dan menurut Sulaiman Ngah Razali

(2000), soal selidik merupakan kaedah yang paling yang membantu memudahkan penyelidik memperolehi maklumat dalam pengumpulan data kuantitatif jika dibandingkan dengan cara-cara lain. Penggunaan soal selidik berbentuk item tertutup dan jawapan terpilih amat baik kerana ia tidak memerlukan responden berfikir atau melahirkan idea-idea baru terhadap sesuatu soalan (Fred Nichols Kerlinger, 1986). Menurut Abdul Rahman Mahmud (2021), soal selidik mempunyai tujuan penggunaannya dalam menjalankan kajian iaitu Menjangka persepsi, Menilai impak, Meninjau persetujuan, Membina dan mengukur sesuatu model dan Membangunkan inovasi baharu.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik *fuzzy delphi* yang bertujuan untuk meninjau persetujuan dan pendapat dari kalangan pakar berkaitan 5 elemen utama mengikut objektif kajian. Instrumen ditetapkan dengan pilihan skor berpandukan skala likert 5 mata. Skala likert yang diwakili dengan skor 1 adalah bagi tahap “Sangat Tidak Setuju”, skor 2 bagi tidak “Setuju”, skor 3 untuk “Kurang Setuju”, skor 4 adalah “Setuju” dan skor 5 adalah “Sangat Setuju”. Item-item dalam soal selidik ini menjurus dan membawa maksud kepada persoalan kajian. Abdul Rahman Mahmud (2021) menyatakan melalui kaedah ini, banyak data boleh diperolehi daripada responden dan lebih menjimatkan masa kerana data boleh dikutip dengan pantas dan cepat semasa menjalankan kajian. Beliau juga turut menyuarakan bahawa jawapan yang diperolehi adalah lebih konsisten dengan kebolehcapaian responden. Selain daripada itu, penulis turut mendapati kaedah soal selidik ini juga akan memudahkan responden semasa sesi temu bual kerana responden boleh membaca dan bertanya lebih lanjut kepada pengkaji dengan merujuk instrumen tersebut.

Di dalam kajian ini, terdapat dua bahagian yang akan dipecahkan di dalam borang soal selidik iaitu berdasarkan jadual 3.3 berikut: -

**Jadual 3.3:**

*Kandungan Instrumen Soal Selidik*

Bahagian	Perkara / Item	Bilangan Item
A	Profil Pakar	9
B	5 Kriteria bagi Komponen	
	B1 Objektif	-
	B2 Kandungan	-
	B3 Bahan bantu latihan	-
	B4 Strategi	-
	B5 Penilaian	-

Kandungan item dan bilangan item pada jadual di atas adalah instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Instrumen soal selidik kajian ini mengandungi dua (2) bahagian iaitu bahagian A adalah profil panel (pakar rujuk), manakala bahagian B adalah kriteria bagi komponen utama yang diperlukan dalam kajian Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah ini. Bahagian B mengandungi lima (5) elemen utama iaitu bersesuaian dengan persoalan kajian. Ianya mengandungi elemen objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian terhadap program latihan industri mata pelajaran perniagaan sekolah menengah. Semua item telah dibincangkan dan diselaraskan (dengan analisis tematik daripada literatur kajian lepas dan rujukan dokumen) dengan membuat penambahbaikan serta menghapuskan item bermasalah seperti yang dicadangkan oleh Enna Ayub, Syamsul Nor Azlan Mohamad, Goh Wei Wei, and Johan @ Eddy Luanan (2020).

Elemen objektif bagi program latihan industri ini adalah lebih berfokus khusus kepada matlamat dan tujuan serta fokus penting yang diharap boleh dikuasai oleh pelajar selepas mereka menyelesaikan latihan industri mereka. Elemen kandungan pula lebih merujuk kepada sasaran kemahiran-kemahiran yang akan dikuasai oleh pelajar sebelum, semasa dan selepas menjalani latihan industri, manakala bahan bantu latihan pula melihat apakah keperluan-keperluan yang diperlukan oleh pelajar bagi membantu mereka menjalani latihan. Elemen strategi pula mengandungi item-item yang berupa kaedah pelaksanaan latihan industri yang bersesuaian dengan mata pelajaran Perniagaan, dan elemen terakhir iaitu penilaian adalah item-item yang bertumpu kepada cara-cara yang boleh dilakukan untuk menentukan tahap dan prestasi pelajar bermula sebelum, semasa dan selepas mereka menamatkan latihan industri.

Terdapat perkaitan yang turut dibincangkan bersama tiga pakar rujuk bagi item yang boleh dimasukkan dalam instrumen kajian ini berdasarkan idea dan persetujuan pakar dengan melaksanakan temu bual separa berstruktur. Kaedah ini juga turut dijalankan dengan menyertakan soalan yang bertanyakan pendapat pakar berkaitan dapatan item daripada kajian lepas. Namun begitu, sesi yang telah dijalankan adalah lebih mengutamakan cadangan item dan kandungan bagi 5 elemen dalam instrumen soal selidik mengikut kesesuaian yang terbaik berdasarkan pendapat pakar. Setelah itu, kaedah temu bual yang sama terhadap pakar rujuk lain juga telah dijalankan. Proses ini memandang dan mengambil pemberatan lebih berdasarkan pemberian skor dari pakar rujuk yang boleh dipertimbangkan untuk perbincangan lanjut. Selain itu, pengkaji turut menyediakan ruangan cadangan penambahbaikan yang boleh dicadangkan oleh pakar rujuk untuk rujukan dan tindakan pengkaji dalam analisis data dan maklumat.

### 3.5.1 Skala Likert

Skala Likert yang dipilih untuk digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada skala lima skor. Semua item yang disenaraikan dalam soal selidik ini dijawab oleh responden secara bersemuka melalui sesi temu bual separa berstruktur. Bahagian B instrumen menggunakan Skala Likert 5 Poin untuk menandakan dan menunjukkan persetujuan mereka. Skor 1 merujuk kepada “Sangat Tidak Setuju”, skor 2 pula merujuk kepada “Tidak Setuju”, skor tiga menunjukkan “Kurang Setuju”, skor 4 adalah “Setuju” manakala skor 5 adalah “Sangat Setuju”. Responden akan memilih darjah persetujuan berdasarkan persetujuan mereka tanpa ada pengaruh daripada pihak luar kerana responden berada di lokasi masing-masing bersama pengkaji. Jadual 3.4 yang dipaparkan di bawah, menunjukkan Nilai Skor item berdasarkan Skala Likert 5 Poin yang digunakan dalam Instrumen Soal Selidik Kajian.

#### Jadual 3.4:

*Nilai Skor Item berdasarkan Pemeringkatan Skala Likert*

Pilihan Jawapan	Skor	Tiga Pemeringkatan
Sangat Tidak Setuju	1	Tidak Setuju
Tidak Setuju	2	
Kurang Setuju	3	Neutral
Setuju	4	Setuju
Sangat Setuju	5	

Sumber: Majid Konting (1998)

### 3.5.2. Aras Persetujuan dan skala *Fuzzy* bagi 5 mata

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang mengaplikasi penggunaan skala likert 5 mata. Setelah kesemua 15 orang pakar ditemu bual dan maklumat pemilihan item dalam setiap elemen di terima dengan penandaan skor mengikut skor skala likert, maka pengkaji seterusnya telah menukarkan nilai skala likert kepada skala *fuzzy*

dengan merujuk jadual aras persetujuan skala *fuzzy* 5 mata seperti Jadual 3.5 di bawah. Prosedur awal penukaran skala likert kepada skala *fuzzy* ini perlu dipatuhi sebagai langkah pertama sebelum pengiraan dan pematuhan 3 syarat dalam teknik *fuzzy dephi*.

**Jadual 3.5:**

*Aras Persetujuan Pemboleh ubah Linguistik dan Skala Fuzzy 5 mata*

Pemboleh ubah linguistik	Skala <i>Fuzzy</i>
Sangat Tidak Setuju	(0.0, 0.0, 0.2)
Tidak Setuju	(0.0, 0.2, 0.4)
Sederhana Setuju	(0.2, 0.4, 0.6)
Setuju	(0.4, 0.6, 0.8)
Sangat Setuju	(0.6, 0.8, 1.0)


Sumber: Mohd Ridhuan & Nurulrabihah (2021)

### 3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Rajah 3.1 dibawah menunjukkan prosedur pengumpulan data berserta kesinambungan dengan analisis data dilakukan dalam kajian ini.

**Rajah 3.1**

*Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data Kajian*



Seperti yang dinyatakan sebelum ini, proses awal ini dimulakan dengan pengumpulan evidens yang relevan untuk menjadikan elemen dan item yang disenaraikan dalam soal selidik diterima pada peringkat pertemuan dengan tiga orang pakar rujuk. Ianya telah dilakukan dengan menyemak kajian lepas dan menganalisis dapatannya, juga menyemak dokumen dan bahan bacaan berkaitan untuk mereka bentuk instrumen yang terkandung elemen dan item yang tersusun bagi memenuhi objektif, kandungan, bahan bantu, strategi dan penilaian reka bentuk program latihan industri bagi mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah kajian ini.

Kemudian, setelah mendapatkan maklum balas daripada temu bual 3 orang pakar rujuk, maka langkah pengumpulan data seterusnya adalah mengadakan temu bual separa berstruktur bagi instrumen soal selidik dijalankan dalam kajian sebenar. Kesemua lima belas orang pakar ditemui secara bersemuka satu-persatu di lokasi yang ditetapkan oleh responden serta mengikut ketetapan masa dan kelapangan pakar, dan pengkaji akan bertanyakan soalan-soalan seperti berikut dengan merujuk instrumen soal selidik bagi mendapatkan persetujuan pakar rujuk mengikut penandaan pada skor aras lima (5) skala likert. Soalan-soalan tersebut adalah seperti: -

- i. Pada pendapat dan persetujuan YBrs Dr/Tuan/Puan, apakah skor yang sesuai bagi item-item yang terkandung dalam objektif program latihan industri mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah?
- ii. Pada pendapat dan persetujuan YBrs Dr/Tuan/Puan, apakah skor yang sesuai bagi item-item yang terkandung dalam kandungan latihan program latihan industri mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah?



- iii. Pada pendapat dan persetujuan YBrs Dr/Tuan/Puan, apakah skor yang sesuai bagi item-item yang terkandung dalam bahan bantu latihan program latihan industri mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah?
- iv. Pada pendapat dan persetujuan YBrs Dr/Tuan/Puan, apakah skor yang sesuai bagi item-item yang terkandung dalam strategi pengajaran latihan program latihan industri mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah?
- v. Pada pendapat dan persetujuan YBrs Dr/Tuan/Puan, apakah skor yang sesuai bagi item-item yang terkandung dalam penilaian latihan program latihan industri mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah?

Disetiap pengakhiran pengisian skor persetujuan bagi kesemua elemen, pengkaji telah memohon jasa baik setiap pakar untuk menyuarakan cadangan penambahbaikan bagi setiap elemen mahupun item. Cadangan penambahbaikan adalah bebas disuarakan oleh pakar dan setelah kesemua pakar selesai menjalani proses pengisian instrumen, maka proses diteruskan dengan analisis data.

### **3.7 Analisis Data**


Setelah proses pembinaan instrumen *Fuzzy Delphi* dilaksanakan, prosedur temu bual separa berstruktur terhadap kesemua pakar turut telah dilaksanakan. Temu bual ini telah membawa pengkaji kepada kutipan data yang akan membantu menjawab persoalan kajian. Langkah seterusnya adalah proses analisis data. Analisis data kajian ini adalah berdasarkan dapatan data dari instrumen kajian yang terdiri daripada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A instrumen terdiri daripada maklumat latar belakang pakar yang telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package*

for the Social Sciences (SPSS) Versi 26.0 manakala bahagian B dianalisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*.

Lebih mudah dijelaskan, prosedur pengumpulan dan analisis data telah dijalankan mengikut prosedur seperti yang dicadangkan oleh Siraj et al. (2021) dengan lebih tersusun. Kedua-dua bahagian ini menggunakan kaedah analisis berbeza iaitu data demografi dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS* manakala bahagian B instrumen pula, adalah mengikut kaedah *FDM* yang memihak kepada analisis bertujuan mendapatkan data kesepakatan pakar. Proses analisis data dan langkah-langkah ini boleh dirujuk seperti yang dicadangkan oleh Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah dan Rozaini Muhamad Rozkee. (2021) yang ditunjukkan dalam Rajah 3.2 di bawah.

### Rajah 3.2

#### *Proses Analisis Teknik Fuzzy Delphi*



Sumber : Teknik analisis *Fuzzy Delphi* (Siraj et al., 2021)

Penggunaan kaedah *Fuzzy Delphi* memerlukan instrumen soal selidik sebagai syarat untuk mendapatkan konsensus pakar (Jamil et al., 2015). Instrumen yang dibangunkan mengandungi lima elemen untuk mereka bentuk program latihan industri untuk pelajar Perniagaan di sekolah menengah. Elemen-elemen tersebut adalah objektif latihan industri, kandungan latihan industri, bahan bantu latihan, strategi pengajaran latihan dan penilaian latihan industri. Selepas membangunkan instrumen berdasarkan analisis tematik literatur kajian lepas, semakan dokumen termasuk bahan bacaan dan temu bual bersama tiga orang pakar rujuk selesai dijalankan, penambahbaikan telah berlaku berdasarkan kesesuaian item-item yang tersenarai bagi lima elemen dalam instrumen dilaksanakan mengikut pandangan dari tiga orang pakar tersebut. Selepas penambahbaikan dilaksanakan pada instrumen, temu bual berstruktur dijalankan pula bersama 15 orang pakar rujuk yang dipilih dan bersetuju untuk terlibat dalam kajian akan dilaksanakan.

Hasil temu bual ini akan membawa kepada langkah seterusnya iaitu proses analisis data. Proses analisis data akan dilakukan mengikut teknik *Fuzzy Delphi* yang akan memenuhi tiga syarat penting iaitu nilai *threshold (d)* adalah kurang atau sama dengan 0.2 ( $d \leq 0.2$ ), peratus kesepakatan pakar adalah melebihi atau sama dengan 75.0% ( $\geq 75\%$ ) dan nilai skor *fuzzy A* adalah lebih atau sama dengan 0.5 ( $\alpha - \text{cut} > 0.5$ ). Kesemua data ini akan dianalisis menggunakan perisian berformula menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Ianya dimulakan dengan penukaran skala likert 5 mata kepada skala *fuzzy*, seperti di jadual 3.5, diikuti dengan pengiraan nilai *threshold, (d)* dengan menggunakan rumus pada rajah 3.3 di sebelah, dan diikuti dengan pengiraan nilai peratusan kesepakatan pakar iaitu lebih atau sama dengan 75.0%. Langkah terakhir adalah proses pengiraan agregat penilaian *defuzzification* dengan rumus

seperti di rajah 3.4 dibawah. Kesemua langkah dan syarat ini adalah penting dalam proses pengiraan mengikut kaedah *FDM*.

### Rajah 3.3

Rumus bagi nilai threshold, (*d*)

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Sumber: Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan, Mohd Jamil M.R. & Mat Noh N., (2021)

### Rajah 3.4

Rumus bagi mendapatkan Nilai Skor Fuzzy (*A*)

$$A_{\max} = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$$

Sumber: Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan, Mohd Jamil M.R. & Mat Noh N., (2021)

Data di analisis untuk mendapatkan rumusan dalam bentuk Analisis Deskriptif. Chua Yan Piaw (2006) menyatakan “statistik deskriptif digunakan untuk menjawab soalan berbentuk deskriptif kekerapan, peratusan dan min skor”. Ianya bertujuan untuk melihat sama ada berlaku penerimaan atau penolakan terhadap setiap item dan tahap tinggi skor min akan diambil kira bagi mencapai kesepakatan responden dalam menilai item bagi lima elemen dalam soal selidik di Bahagian B. Pada kajian ini, penyelidik telah menganalisis data yang telah dianalisis menggunakan aplikasi *Microsoft Excel* bagi data instrumen *Fuzzy* di bahagian B dan selepas itu menyusun

dapatan itu dalam jadual mengikut kedudukan setiap item pada Bab 4 dan pelaporan pada Bab 5 kajian ini.

### **3.8 Kesahan Kandungan**

“Kesahan kandungan sesuatu alat ukur bergantung kepada skop dan objektif bidang yang dikaji. Kesahan kandungan sesuatu alat ukur dikatakan sesuai sekiranya data atau maklumat yang dikutip menunjukkan liputan menyeluruh sesuatu pencapaian atau penguasaan terhadap sesuatu bidang atau kemahiran tertentu yang dikaji” (Konting, 1998). Manakala menurut Ghazali bin Darusalam dan Sufean Hussin (2016), kepentingan kesahan instrumen adalah penting bagi melihat kejituan sesebuah instrumen itu daripada terdedah kepada kecacatan dan semakin tinggi nilai dan tahap kesahan instrumen itu, kejituan data-data akan diperoleh sekaligus membawa kepada hasil kajian yang lebih baik dan berkualiti.

Dalam kajian ini, kesahan kandungan instrumen kajian telah dilakukan bersama dengan tiga orang pakar iaitu seorang guru di sekolah menengah, seorang Pensyarah IPT tempatan dan seorang Pegawai di KPM, dan kesemua tiga pakar ini adalah mereka yang berpengalaman melebihi 5 ke 7 tahun dan keatas dalam mata pelajaran perniagaan dan pembangunan kurikulum. Kumpulan pakar yang terlibat dalam kesahan kandungan ini adalah terdiri daripada pakar dalam bidang profesional, pengurusan dan pelaksana yang masih aktif dalam bidang mereka masing-masing, bukan sahaja dalam bidang pengajaran dan pengurusan kurikulum tetapi juga dalam bidang penerbitan bahan ilmiah. Mereka telah ditemu bual secara separa berstruktur untuk mendapatkan cadangan serta penambahbaikan kajian khasnya terhadap item

penting dalam instrumen soal selidik yang akan dirangka oleh pengkaji setelah sesi temu bual selesai berjalan bersama tiga pakar rujuk ini.


Setelah ketiga-tiga proses temu bual berasingan selesai berjalan, pengesahan terhadap kandungan transkrip temu bual telah diperoleh daripada ketiga-tiga pakar rujuk. Dan selepas pengesahan itu, setiap item bagi 5 elemen dalam instrumen kajian yang telah disusun dan dianalisis dengan kaedah analisis tematik. Ianya juga adalah berdasarkan dapatan daripada sesi yang telah dijalankan termasuk semakan bersama penyelia. Ianya bertujuan penting bagi memastikan proses seterusnya bersama 15 orang pakar berjalan lancar. Dan kaedah akhir ini, iaitu dalam penyusunan item bagi setiap elemen juga turut mengambil kira pendapat dan cadangan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga orang pakar rujuk.

### **3.9 Prosedur Kajian**

Usaha menjalankan kajian perlu mengikut etika dan prosedur yang ditetapkan terutama kajian yang melibatkan pihak lain sebagai responden. Rajah 3.5 di sebelah menunjukkan prosedur kajian ini. Pengkaji memulakan kajian dengan mendapatkan surat kebenaran rasmi daripada pihak fakulti iaitu surat pengesahan pelajar. Setelah itu, kebenaran-kebenaran lain juga perlu diperoleh seperti daripada pihak Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebelum ke pihak lain. Proses mendapatkan kebenaran bersama pihak EPRD, KPM juga perlu dipatuhi dengan menyediakan beberapa dokumentasi dan setiap dokumentasi yang disediakan perlulah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

### Rajah 3.5:

#### Prosedur Kajian



Dalam proses menunggu kelulusan permohonan bersama pihak EPRD, KPM, pengkaji telah membuat analisis terhadap kajian-kajian lepas serta semakan bacaan beberapa dokumen bagi tujuan mengumpul idea-idea yang boleh dibincangkan bersama 3 orang pakar rujuk utama pembinaan instrumen kajian. Setelah mendapat kelulusan daripada pihak EPRD, KPM, langkah seterusnya adalah mendapatkan kelulusan menjalankan kajian dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Sekolah yang terlibat termasuk juga IPT dan jabatan tertentu di KPM. Surat kebenaran rasmi ini diperlukan sebelum mendapatkan dan

merujuk kepada panel pakar rujuk yang dipilih mengikut kriteria pemilihan pakar rujuk.

Setelah mendapat kelulusan dan kebenaran menjalankan kajian dari semua pihak yang terlibat, serta proses sebaran lantikan pakar dilaksanakan, maka sesi temu bual separa berstruktur dijalankan bersama 3 pakar rujuk bagi tujuan pembinaan instrumen kajian. Kesemua pendapat pakar rujuk dan dapatan dari sorotan kajian lalu telah digabungkan melalui analisis tematik bagi mereka bentuk instrumen kajian. Idea yang disusun adalah bagi memastikan item yang terkandung dalam setiap elemen menepati objektif kajian dan persoalan kajian. Kesahan kandungan instrumen turut telah dilaksanakan bersama pakar rujuk dan langkah seterusnya dilanjutkan dengan temu bual berstruktur bersama 15 orang pakar bagi tujuan mendapatkan data kajian.

Setelah data kajian diperoleh melalui pengisian instrumen kajian oleh 15 orang pakar yang terpilih mengikut kriteria, maka data tersebut akan dianalisis. Analisis dimulakan dengan penukaran skala likert kepada skala fuzzy. Data kemudiannya telah dianalisis bagi mendapatkan nilai *threshold* ( $d$ ), nilai peratus kesepakatan pakar dan nilai skor ( $A$ ). Hasil dari ketiga-tiga data ini, dikira dan dianalisis bagi melihat pematuhan terhadap kaedah FDM. Proses seterusnya dilanjutkan dengan pelaporan kajian yang akan merungkai dapatan data bagi melihat item-item yang diterima ataupun ditolak mengikut kesepakatan dan persetujuan pakar dalam bentuk pelaporan. Namun begitu, terdapat beberapa etika yang perlu dipatuhi sebelum, semasa dan selepas kajian yang telah diambil seiras oleh pengkaji. Item 3.10 selanjutnya menerangkan maksud perkara tersebut.



### **3.10 Etika Kajian**

Dalam menjalankan sesuatu kajian, pengkaji tidak boleh mengenyepikan aspek-aspek penting yang terlibat dalam etika kajiannya. Antara perkara penting yang diambil kira dalam menjalankan kajian ini, adalah seperti berikut: -

#### **3.10.1 Penyertaan Sukarela dan Penentuan diri**

Responden yang dipilih dalam kajian ini adalah dalam kalangan mereka yang terlibat dalam Mata Pelajaran Perniagaan sama ada di peringkat pengurusan atau pelaksana. Responden telah dihubungi terlebih dahulu untuk mendapatkan kebenaran menyertai kajian dalam sesi temuduga separa berstruktur dan tidak secara paksaan tanpa sebarang insentif dan keenganan bekerjasama adalah hak responden tersebut. Responden yang bersetuju terlibat, akan mendapat penerangan awal berkaitan maklumat kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

#### **3.10.2 Penentuan diri**

Responden yang dipilih mempunyai hak untuk menilai maklumat dalam kajian sebelum membuat keputusan sama ada bersetuju ataupun tidak terlibat dalam kajian kerana persetujuan terlibat secara sukarela akan membantu mengelakkan daripada pemberian maklumat yang tidak tepat/palsu dalam kajian. Responden berhak mengetahui tujuan kajian dijalankan bagi mengelakkan responden merasa tertipu.

#### **3.10.3 Kecederaan fizikal dan Psikologi/mental**

Pengkaji juga telah memastikan, responden yang terlibat selamat sepanjang menjalankan sesi temu bual separa berstruktur bersama pengkaji sebelum dan semasa sesi dijalankan. Pengkaji perlu memikirkan risiko dan akibat yang mungkin boleh

berlaku dan menerima dengan terbuka, jika masalah ini mungkin boleh menyebabkan responden menarik diri.

#### 3.10.4 Identiti Pengkaji

Semasa menjalankan kajian bersama atau sebelum sesi bersama responden, pengkaji telah memperkenalkan diri terlebih dahulu khasnya latar belakang pengkaji bagi mengelakkan rasa tidak selesa responden dalam sesi yang bakal berjalan. Hal ini juga bagi mengelakkan responden berasa ragu dengan kajian serta diri pengkaji sendiri.

#### 3.10.5 Rahsia Peribadi

Pengkaji telah memaklumkan responden bahawa segala maklumat yang diperoleh daripada responden adalah rahsia dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak khasnya perkara yang berkaitan dengan pendapat, cadangan penambahbaikan daripada responden ataupun ciri-ciri peribadi responden. Hal ini adalah penting bagi mengelakkan ancaman atau ugutan yang boleh berlaku jika maklumat responden didedahkan.

#### 3.10.6 Ketanpanamaan

Unsur kerahsiaan akan dipastikan berlaku sebelum, semasa dan selepas bersama responden. Pihak lain tidak akan mengetahui siapakah yang terlibat sebagai responden secara khususnya, tetapi secara umum sahaja. Sesi rakaman bersama responden telah dilakukan (untuk 3 pakar rujuk sahaja), namun ianya hanya bertujuan untuk semakan analisis data dan bukan bertujuan untuk perkongsian bersama pihak lain. Segala maklumat akan diketahui oleh pengkaji sahaja, atas perbincangan bersama Penyelia dan mengikut prosedur menjalankan kajian.

### 3.10.7 Perjanjian Sulit

Perjanjian bertulis akan dibuat oleh pengkaji bersama responden (mengikut kehendak responden) bagi memastikan unsur kerahsian berlaku antara kedua-dua pihak. Perjanjian ini termaktub dengan syarat memadamkan identiti nama, meringkaskan kategori laporan, mikroagregasi dan menyatakan perbezaan antara responden sahaja.

### 3.10.8 Pembelotan

Pengkaji telah berusaha sedaya upaya mengelakkan perkara ini berlaku dan memastikan maklumat serta data yang diperolehi daripada responden adalah sulit dan tidak akan dikemukakan kepada orang ramai yang dikhuatiri boleh membawa keaiban dan penderitaan pada responden.

### 3.10.9 Mengaburi mata dan fikiran / Penipuan

Pengkaji juga telah memastikan responden mendapat maklumat yang cukup berkaitan kajian yang dijalankan termasuklah tujuan kajian dan setiap maklumat yang terdapat dalam kajian dengan mengelakkan unsur penipuan, berdasarkan apa yang diperlukan oleh responden dan tidak akan memberikan maklumat palsu atau tidak tepat. Ini adalah penting bagi mengelakkan kesalahfahaman pada responden dan responden menarik diri daripada terlibat dalam kajian ini.

### 3.10.10 Hak Cipta

Jika berlaku cadangan penambakan yang diberikan oleh responden, dan ianya adalah daripada kajian lepas, contohnya instrumen kajian daripada pengkaji lain, dan cadangan itu diterima oleh pengkaji, maka hak cipta tersebut perlu mendapat

kebenaran daripada pemilik asalnya dan proses ini akan dilakukan oleh pengkaji setelah mendapat persetujuan bersama Penyelia Pembimbing.

Dengan panduan yang tersenarai dalam etika kajian ini, diharap dapat membantu pengkaji melaksanakan kajian mengikut prosedur dan tatacara yang beretika. Kefahaman tentang prosedur dan tatacara ini adalah penting khasnya kepada panel pakar rujuk yang terlibat sepanjang kajian berjalan khasnya dan setelah kajian disiapkan amnya.

### **3.11 Rumusan**

Bab ini telah membincangkan berkenaan reka bentuk kajian, teknik Fuzzy Delphi, persampelan dan prosedur pemilihan pakar, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, prosedur kajian, analisis data, dan etika kajian yang terkandung dalam bab 3. Bab seterusnya adalah bab 4 iaitu Analisis Data Kajian.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menghuraikan dan menerangkan proses temu bual separa berstruktur bersama tiga orang pakar rujuk dan seterusnya proses pembinaan instrumen daripada transkrip temu bual dengan aplikasi analisis tematik berserta penerangan setiap bahagian instrumen. Seterusnya, bab ini juga akan menerangkan secara deskriptif demografi pakar yang terlibat dalam pengisian instrumen serta dapatan data daripada analisis data kajian mengikut teknik *Fuzzy Delphi*.

#### **4.2 Temu Bual Separa Berstruktur Pakar Rujuk**

Proses temu bual ini dijalankan secara bersemuka bersama dengan tiga orang pakar. Ianya dijalankan secara bersemuka didahului dengan perbincangan dan penetapan persetujuan tarikh, masa dan lokasi perbincangan setelah proses surat lantikan pakar dilakukan. Tiga orang pakar ini terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang TVET, kepakaran dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan dan guru berpengalaman yang sedang mengajar mata pelajaran Perniagaan. Temu bual pertama adalah bersama guru, diikuti dengan pensyarah IPT dan temu bual terakhir adalah bersama pegawai di BPK, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Temu bual separa berstruktur yang telah dijalankan dengan penetapan prosedur dan langkah temu bual. Segala pematuhan adalah penting bagi membantu pakar rujuk merasa selesa dalam sesi perbincangan. Perbincangan telah berkisarkan soalan-soalan bagi mendapatkan item-item penting setiap elemen iaitu objektif, kandungan, bahan

bantu latihan, strategi dan penilaian bagi reka bentuk program latihan industri, mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah. Sebelum perbincangan bersama pakar, sesi berkenalan, sesi penerangan kajian dan sesi soal jawab dilakukan bagi memberikan kefahaman pada pakar rujuk berkaitan kajian pengkaji.

Tiga lokasi berbeza telah membawa pengkaji bersama dengan tiga pakar rujuk ini, iaitu di daerah Klang, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan pakar rujuk ketiga adalah secara atas talian (*Google Meet*) atas kekangan tugas pakar rujuk tersebut. Setelah sesi temu bual separa berstruktur selesai dijalankan, kesahan transkrip dilakukan bersama tiga pakar rujuk ini bagi memastikan kandungan item yang dibincangkan adalah sah dan benar. Selepas itu, pengkaji telah membuat analisis berbentuk tematik analisis bagi tujuan menyusun setiap item yang dicadangkan oleh tiga orang pakar rujuk. Proses awal kutipan data iaitu semakan dokumen, analisis tematik kajian lepas dan termasuk juga analisis tematik yang dilakukan ke atas dapatan item-item cadangan dari 3 pakar rujuk melalui sesi temu bual telah membawa kepada pembinaan instrumen kajian.

Secara keseluruhannya, proses mendapatkan cadangan item daripada 3 pakar rujuk ini, dikolerasikan bersama dapatan item-item penting dari kajian lepas dan bahan bacaan, telah membawa kepada jawapan objektif kajian. Kandungan terhadap 5 elemen utama iaitu objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian telah terjawab, dan pengkaji seterusnya menyusun dapatan-dapatan bacaan dan temu bual ini melalui keadah tematik analisis bagi mendapatkan tema utama pada item yang mendapat persetujuan majoriti dalam kalangan 3 orang pakar untuk dijadikan item dalam 5 elemen tersebut. Hasil tematik analisis itu kemudiannya telah membentuk

instrumen soal selidik kajian seperti yang akan dibincangkan pada subtopik berikut. Instrumen soal selidik *Fuzzy Delphi* ini seterusnya telah diisi oleh 15 orang pakar dengan sesi temu bual speara berstruktur bagi tujuan mendapatkan data yang telah dilaporkan dan ianya juga telah menjawab persoalan kajian ini iaitu apakah objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian bagi program latihan industri mata pelajaran perniagaan sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar.

### 4.3 Instrumen *Fuzzy Delphi*

Berdasarkan huraian pada subtopik sebelum ini, instrumen soal selidik *Fuzzy Delphi* yang mengandungi 35 item telah dibina. Ianya terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A yang mengandungi maklumat demografi pakar dengan 9 item dan bahagian B pula mengandungi kriteria item-item bagi elemen objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian dengan jumlah item sebanyak 26 item. Bahagian A instrumen adalah untuk mendapatkan verifikasi pakar manakala bahagian B instrumen adalah selari dengan objektif kajian dan persoalan kajian. Jadual 4.1 berikut menunjukkan kandungan bagi bahagian A instrumen *fuzzy delphi* kajian Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah.

**Jadual 4.1**

*Kandungan Instrumen Fuzzy Delphi (Bahagian A)*

Bahagian	Perkara	Bilangan
A	Nama penuh, Umur, Akademik tertinggi,	9
Demografi Pakar	Jawatan terkini, Nombor telefon, Alamat emel, Alamat tempat bertugas, Kepakaran / Bidang Pengkhususan, Pengalaman bertugas dalam bidang kepakaran/ pengkhukusan	

Seterusnya, jadual 4.2 di bawah pula menunjukkan kandungan bagi 5 elemen utama instrumen *Fuzzy Delphi* kajian pada bahagian B iaitu yang merujuk elemen-elemen objektif, kandungan, strategi dan penilaian dengan penambahan elemen bahan bantu latihan. Dapat dilihat pada setiap elemen, tersenarai item-item yang telah dianalisis dengan kaedah analisis tematik setelah proses temu bual separa berstruktur dan pengesahan kandungan transkrip bersama 3 pakar rujuk bagi menjawab Objektif Kajian. Ianya juga terhasil melalui perbincangan dan semakan bersama penyelia bagi memastikan setiap tema yang tersenarai memenuhi kehendak 5 elemen dalam instrumen kajian dan menjawab objektif serta persoalan kajian.

#### Jadual 4.2

*Kandungan Instrumen Fuzzy Delphi (Bahagian B, B1 – B5) mengikut elemen Objektif, Kandungan, Bahan bantu latihan, Strategi dan Penilaian*

Elemen	Bil	Item	Bilangan
B1 Objektif	1.1	Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman murid dalam bidang asas dan konsep perniagaan	6
	1.2	Mengembangkan minat murid dalam bidang perniagaan melalui penerokaan industri perniagaan	
	1.3	Membangunkan idea keusahawanan dalam kalangan murid untuk memulakan perniagaan setelah penerokaan di latihan industri	
	1.4	Membangunkan dan membina kesediaan murid untuk memulakan rancangan perniagaan	
	1.5	Membina kemahiran menganalisis perubahan dan cabaran perniagaan secara kritis dan kreatif	
	1.6	Menunjukkan kemahiran komunikasi lisan yang berkesan selepas menjalani latihan industri dan semasa pembentangan rancangan perniagaan	
B2 Kandungan	2.1	Membentuk kemahiran komunikasi berkesan sebelum, semasa dan selepas menjalani latihan industri	7
	2.2	Membentuk kemahiran kepimpinan dalam diri pelajar secara individu atau secara berpasukan	
	2.3	Mengaplikasi kemahiran perakaunan dalam perancangan idea perniagaan yang dipelajari di dalam bilik darjah dan di lokasi industri	



	2.4	Mengembangkan potensi mengurus perniagaan dan mengurus maklumat perniagaan secara lebih sistematik	
	2.5	Mengaplikasi kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis terutama dalam menyelesaikan masalah	
	2.6	Memperkukuhkan kemahiran keusahawanan secara praktikal melalui latihan industri	
	2.7	Memupuk kemahiran membina hubungan bersama industri dan pelbagai agensi lain yang menyokong perniagaan	
B3 Bahan bantu latihan	3.1	Panduan tugas yang mengandungi format asas rancangan perniagaan seperti latar belakang perniagaan, rancangan organisasi, rancangan pemasaran, rancangan kewangan dan lain-lain maklumat rancangan perniagaan yang dirancang oleh pelajar.	3
	3.2	Keperluan fasiliti yang lengkap dengan teknologi untuk dibawa oleh pelajar seperti kamera, perakam suara atau telefon bimbit.	
	3.3	Surat kebenaran atau surat pemakluman daripada pihak sekolah untuk dibawa oleh pelajar semasa menghadiri latihan industri.	
B4 Strategi	4.1	Pembelajaran berasaskan sendiri yang membolehkan pelajar meneroka langkah-langkah dan prosedur merancang perniagaan.	7
	4.2	Pembelajaran kolaboratif sama ada melalui mentor atau berpasangan bersama rakan.	
	4.3	Pembelajaran Berasaskan Projek dilaksanakan dengan membekalkan pelajar pada suatu idea rancangan perniagaan dan pelajar diminta mengumpul maklumat berkenaan perniagaan tersebut.	
	4.4	Pembelajaran Berasaskan Masalah dilaksanakan dengan membekalkan pelajar pada suatu masalah dalam perniagaan dan pelajar diminta mendapatkan solusi bagi menyelesaikan masalah perniagaan tersebut.	
	4.5	Menghadiri Latihan Industri secara bersemuka / fizikal ke industri.	
	4.6	Menyertai Latihan Industri secara atas talian iaitu penerokaan dan mencari maklumat perniagaan bersama industri secara atas talian.	
B5 Penilaian	5.1	Pentaksiran berasaskan pelaporan portfolio atau e-portfolio rancangan perniagaan pelajar termasuk penulisan reflektif sendiri selepas menjalani latihan industri.	4
	5.2	Pemerhatian guru bermula dari sesi taklimat program sehingga ke sesi pembentangan pelaporan hasil.	

- 
- |     |   |
|-----|---|
| 5.3 | Pelaporan dan maklum balas daripada pihak industri atau majikan terhadap perkembangan dan prestasi pelajar dari mula sehingga akhir program latihan industri. |
| 5.4 | Standard rujukan pelaksanaan program latihan industri dan standard penilaian pelajar bagi rujukan guru dan rujukan industri.                                  |
- 

Instrumen Soal Selidik *Fuzzy Delphi* kajian juga memberikan ruang dan peluang kepada pakar untuk menyatakan cadangan penambahbaikan di setiap akhir elemen sebelum ke pengisian item di elemen seterusnya. Instrumen soal selidik *Fuzzy Delphi* kajian ini melibatkan penggunaan skor skala 5 mata. Muka hadapan instrumen soal selidik pula memberikan maklumat seperti tajuk kajian, penerangan dan kandungan instrumen serta maklumat pengkaji dan penyelia. Pengkaji menandakan dengan tanda tebal “*Bold*” bagi perkara-perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh pakar terhadap arahan pengisian sebelum mengisi instrumen. 15 orang pakar kesemuanya telah ditemu bual dengan kaedah temu bual separa berstruktur yang dimulakan dengan penerangan serta perbincangan sebelum mengisi instrumen *fuzzy delphi* ini. Pakar yang telah terlibat adalah pakar-pakar dari negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Sabah. Dengan pengisian lengkap daripada 15 orang pakar, maka analisis terhadap instrumen soal selidik telah dilaksanakan. Analisis- analisis berjadual terhadap dapatan kajian dari pakar yang terlibat diterangkan dengan lebih terperinci dengan analisis data instrumen kajian pada subtajuk berikutnya.

#### **4.4 Analisis Data Soal Selidik Instrumen Kajian (Bahagian A)**

Cadangan daripada Lanndon Ocampo, Junine Angela Ebisa dan Meredith Geen Escoto (2018) menyatakan “bilangan pakar tidak perlu ramai kerana tidak terdapat

hubungan yang kuat antara bilangan pakar dengan kualiti keputusan hasil perbincangan kumpulan”, manakala menurut Adler dan Ziglio (1996), untuk kajian yang sama iaitu *Delphi*, bilangan pakar diantara 10 hingga 15 orang adalah sesuai jika terdapat tahap keseragaman yang tinggi dalam kalangan pakar. Pendapat dari tokoh-tokoh inilah yang telah diambil perhatian oleh pengkaji. Berdasarkan pendapat pakar dan perbincangan bersama penyelia, seramai 15 orang pakar telah dipilih dan telah memberikan sumbangan idea dalam pengisian instrumen soal selidik *Fuzzy Delphi* kajian ini.

Dengan jumlah seramai tujuh orang perempuan dan lapan orang lelaki telah bersetuju terlibat dengan persetujuan. Jadual 4.3 dibawah ini menunjukkan analisis data demografi pakar terlibat yang dianalisis menggunakan perisian *SPSS* Versi 26. Setiap jadual analisis data merujuk kepada data-data seperti data mengikut tahap umur, tahap akademik, jawatan pakar, kepakaran, dan tempoh pengalaman bertugas panel pakar yang terlibat secara rasmi dalam kajian ini.

### **Jadual 4.3**

#### *Analisis Data mengikut Umur Pakar*

Tahap umur	Kekerapan	Peratus (%)
31 - 35 tahun	2	13.3
36 - 40 tahun	4	26.7
41 - 45 tahun	3	20
46 - 50 tahun	3	20
Lebih 50 tahun	3	20
Jumlah	15	100

Jadual 4.3 di atas menunjukkan kesemua pakar yang terlibat dalam kajian ini adalah mereka yang sedang berkhidmat dan berumur tidak kurang dari 30 tahun sehingga berumur lebih 50 tahun. Bilangan yang paling ramai adalah pakar yang berumur

antara 36 – 40 tahun iaitu seramai 4 orang dengan 26.70%, manakala bilangan sebanyak 2 orang pakar yang berumur antara 31 hingga 35 tahun. Berdasarkan data yang ditunjukkan mengikut umur, majoriti pakar yang terlibat dalam kajian ini adalah pakar yang berpengalaman dalam bidang pendidikan sekurang-kurangnya 7 tahun ke atas yang mana 13/15 orang pakar adalah berumur dalam lingkungan 36 hingga lebih 50 tahun yang membawa kepada 86.7%.

#### **Jadual 4.4**

*Analisis Data bagi Tahap Kelulusan Akademik Pakar*

Tahap Akademik	Kekerapan	Peratus (%)
Ijazah Kedoktoran	4	26.7
Ijazah Sarjana	0	0.0
Ijazah Sarjana Muda	11	73.3
Jumlah	15	100

Jadual 4.4 di atas pula menunjukkan analisis data kelulusan akademik bagi 15 orang pakar telah terlibat dalam menyumbangkan idea bagi tujuan melengkapkan instrumen kajian. Data pertama menunjukkan dengan nilai peratus iaitu 26.7%, seramai 4 orang pakar yang terlibat adalah pakar yang memiliki akademik tertinggi dengan Ijazah Kedoktoran manakala 11 daripada 15 pakar pula memiliki kelulusan akademik dengan Ijazah Sarjana Muda dengan 73.3%. Pengkaji mendapati setelah menganalisis data kelulusan akademik pakar, tiada seorang pun pakar yang terlibat memiliki kelulusan Ijazah Sarjana.

Seterusnya, pada jadual 4.5 di sebelah pula menunjukkan analisis data bagi jawatan pakar yang terlibat dalam kajian ini. Data menunjukkan, jawatan-jawatan yang

terlibat daripada peringkat pelaksana di sekolah sehingga ke peringkat tertinggi di kementerian seterusnya di peringkat IPT tempatan.

#### **Jadual 4.5**

*Analisis Data bagi jawatan terkini pakar*

Jawatan	Kekerapan	Peratus
Guru Perniagaan	4	26.7
Ketua Bidang Teknik Dan Vokasional	1	6.7
Ketua Panitia (Perniagaan)	1	6.7
Pegawai JPN (Unit TVET)	2	13.3
Pegawai KPM	3	20.0
Pensyarah Kanan	2	13.3
Pensyarah Pengurusan Perniagaan	1	6.7
Timbalan Dekan	1	6.7
Jumlah	15	100

Walaupun rangkuman kepakaran yang meluas ditunjukkan oleh data, namun ianya masih dalam bidang dan skop tajuk kajian iaitu Perniagaan, Keusahawanan dan bidang TVET. Majoriti data iaitu seramai 6 orang adalah menunjukkan pakar dalam kalangan guru Perniagaan, ketua panitia perniagaan dan ketua bidang TVET serta guru mata pelajaran Pengurusan perniagaan. Manakala diperingkat pertengahan iaitu di JPN pula seramai 2 orang (13.3%) dan pengurusan diperingkat KPM adalah seramai 3 orang dengan data 20.0%.

Diperingkat IPT pula melibatkan 5 orang pakar, 4 daripadanya adalah bidang Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan, juga dalam kepakaran TVET serta latihan industri. Kepelbagaian jawatan yang disandang oleh kesemua pakar menunjukkan, kutipan persetujuan pakar pada kajian ini meliputi pelbagai bidang tugas, bukan sahaja dalam kalangan pendidikan di sekolah, tetapi juga merangkumi pengurusan di peringkat sekolah, pengurusan diperingkat pertengahan iaitu JPN dan pengurusan

tertinggi KPM malah turut mengambil idea dan pandangan daripada pihak lain di peringkat IPT.

#### **Jadual 4.6**

*Analisis Data bagi Kepakaran / Bidang Pengkhususan Pakar*

Kepakaran / Bidang Pengkhususan	Kekerapan	Peratus (%)
Perniagaan/Pengurusan Perniagaan dan bidang lain	10	66.7
Keusahawanan dan bidang lain	2	13.3
TVET dan bidang lain	2	13.3
Pembangunan Kurikulum	1	6.7
Jumlah	15	100

Jadual 4.6 di atas pula menunjukkan kepakaran dan bidang pengkhususan pakar yang terlibat yang telah dikelompokkan kepada 4 bidang utama seperti dalam jadual. Data menunjukkan dengan bilangan tertinggi adalah bidang Perniagaan termasuk Pengurusan Perniagaan serta pakar juga mempunyai kepakaran lain seperti Ekonomi dan Prinsip Perakaunan dengan bilangan seramai 10 orang yang membawa nilai peratus sebanyak 66.70%. Bilangan ini adalah bilangan kepakaran teramai bersesuaian dengan mata pelajaran yang terlibat dalam kajian ini iaitu mata pelajaran Perniagaan. Diikuti dengan kepakaran lain seperti Keusahawanan dan bidang lain (bidang lain yang turut berkaitan dengan mata pelajaran kajian ini) dengan bilangan seramai 2 orang (13.4%).

Manakala kepakaran dalam bidang TVET serta bidang lain adalah seramai 2 orang iaitu dengan nilai peratus sebanyak 13.4% dan seorang pakar dengan kepakaran dalam Pembangunan Kurikulum. Ianya menunjukkan bahawa ketiga-tiga bidang pengkhususan tersebut yang dimiliki oleh pakar-pakar yang dipilih adalah bersesuaian terlibat dalam kajian ini. Walaupun dalam bidang pengurusan kurikulum, pakar

tersebut adalah seorang pensyarah yang masih dan turut terlibat dalam bidang penulisan dan penerbitan bahan ilmiah termasuk penerbitan buku dan artikel berkaitan bidang TVET.

Data seterusnya akan menunjukkan analisis bagi tempoh pengalaman dalam bidang kepakaran dan pengkhususan kesemua pakar yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 15 orang. Tempoh pengalaman dalam bidang kepakaran dan pengkhususan juga turut diambil kira dalam kajian ini bagi memastikan pemilihan kriteria pakar rujuk memenuhi kehendak Teknik *Fuzzy* yang dipilih untuk diaplikasi dalam kajian.

#### **Jadual 4.7**

*Analisis Data bagi tempoh pengalaman dalam bidang kepakaran/pengkhususan*

Tempoh Tahun	Kekerapan	Peratus
5 - 7 tahun	2	13.3
8 - 9 tahun	2	13.3
10 - 15 tahun	5	33.3
16 - 20 tahun	3	20
Lebih 20 tahun	3	20
Jumlah	15	100

Data di jadual 4.7 di atas menunjukkan tempoh pengalaman pakar yang terlibat dalam bidang kepakaran masing-masing. Data yang tertinggi menunjukkan jumlah seramai 11 orang pakar yang terlibat dalam kajian ini, adalah mereka yang berpengalaman lebih dari 10 tahun dalam bidang kepakaran masing-masing. 5 orang pakar dengan nilai peratus 33.3% berpengalaman lebih dari 10 hingga 15 tahun, diikuti dengan masing-masing 3 orang bagi mereka yang berpengalaman 16 ke 20 tahun serta 20 tahun ke atas. Berada pada tempoh 8 ke 9 tahun, 2 orang pakar dengan 13.3%, dan nilai yang sama bagi tempoh 5 ke 7 tahun. Namun bagi pakar yang mempunyai

tempoh pengalaman dalam bidang mereka iaitu 5 – 7 tahun ini adalah pakar yang mempunyai pengalaman dalam penerbitan dan penulisan bahan ilmiah berkaitan keusahawanan dan bidang TVET serta seorang pegawai di peringkat pengurusan tertinggi pendidikan yang terlibat aktif dalam pentadbiran dan pengurusan kurikulum Perniagaan bersama pelbagai pihak termasuk pakar pembangunan kurikulum di peringkat Universiti tempatan, JPN mahupun bersama guru pakar Perniagaan di sekolah menengah.

Berdasarkan analisis data bagi data, dapat dilihat, khususnya pada jawatan, kepakaran dan tempoh pengalaman, kehendak terhadap pemilihan pakar telah dipenuhi khususnya tempoh perkhidmatan dan bidang kepakaran pakar rujuk yang berfokus kepada bidang Perniagaan, Keusahawanan dan TVET. Seterusnya, perbincangan dilanjutkan dengan analisis data instrumen *fuzzy delphi* kajian ini pada bahagian B.

#### **4.5 Analisis Data Soal Selidik Instrumen Kajian (Bahagian B)**

Analisis seterusnya adalah analisis bagi item-item yang terkandung dalam instrumen soal selidik kajian. Analisis data dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel* dengan memasukkan rumus yang harus menepati syarat pengiraan mengikut tiga syarat penting pematuhan *Fuzzy Delphi Method (FDM)*. Dimulakan dengan penukaran skala likert 5 mata kepada skala *fuzzy*, diikuti dengan pengiraan nilai *threshold, (d)* yang diperoleh dengan syarat nilai tersebut mestilah kurang atau sama dengan 0.2, serta diikuti dengan pengiraan nilai peratusan kesepakatan pakar iaitu lebih atau sama dengan 75.0%. Langkah terakhir adalah proses pengiraan agregat penilaian *defuzzification* dengan syarat yang digunakan adalah nilai  $\alpha$ -cut iaitu nilai Skor (A) yang diperoleh mestilah sama atau lebih daripada 0.5.



Berdasarkan persyaratan pengiraan tersebut, analisis data terhadap kesemua item dalam elemen Objektif, Kandungan, Bahan Bantu latihan, Strategi dan Penilaian. Kesemua 26 item telah memenuhi syarat nilai *threshold* (*d*) tersebut iaitu bernilai kurang daripada 0.2 ( $\leq 0.2$ ) seperti yang ditunjukkan pada jadual 4.8. Data seterusnya dikongsikan mengikut setiap elemen berserta jadual bagi melihat pematuhan terhadap ketiga-tiga syarat prosedur pengiraan data mengikut teknik *FDM*.

#### **4.5.1 Dapatan Analisis Data bagi Elemen Objektif terhadap Nilai *threshold* (*d*), Peratus Kesepakatan Pakar, Nilai Skor *Fuzzy* (*A*) serta Kedudukan Item**

Jadual 4.9 di sebelah adalah dapatan analisis data bagi bagi elemen objektif kajian yang mengandungi 6 item mengikut kesepakatan dan persetujuan 15 orang pakar.

### Jadual 4.8

Nilai threshold (*d*) bagi 26 item dalam Instrumen Soal Selidik Kajian

PAKAR	ITEM																									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26
1	0.061	0.102	0.102	0.122	0.183	0.204	0.122	0.081	0.102	0.183	0.102	0.081	0.163	0.183	0.143	0.020	0.163	0.102	0.061	0.102	0.102	0.224	0.122	0.020	0.061	0.794
2	0.061	0.102	0.102	0.122	0.122	0.102	0.183	0.081	0.204	0.122	0.204	0.081	0.143	0.122	0.163	0.020	0.143	0.102	0.061	0.102	0.102	0.224	0.122	0.020	0.061	0.122
3	0.061	0.102	0.102	0.122	0.122	0.204	0.122	0.081	0.102	0.122	0.204	0.081	0.163	0.122	0.143	0.020	0.163	0.102	0.061	0.102	0.102	0.081	0.183	0.020	0.244	0.122
4	0.061	0.102	0.102	0.122	0.183	0.102	0.122	0.081	0.204	0.122	0.102	0.081	0.163	0.122	0.163	0.020	0.143	0.204	0.061	0.102	0.102	0.081	0.122	0.020	0.061	0.122
5	0.244	0.204	0.204	0.183	0.122	0.204	0.183	0.224	0.102	0.183	0.102	0.224	0.143	0.122	0.468	0.285	0.143	0.204	0.244	0.102	0.509	0.081	0.183	0.020	0.244	0.183
6	0.244	0.102	0.102	0.122	0.183	0.102	0.122	0.081	0.204	0.122	0.102	0.081	0.163	0.122	0.163	0.020	0.163	0.102	0.244	0.102	0.102	0.081	0.122	0.020	0.061	0.122
7	0.061	0.204	0.204	0.183	0.122	0.102	0.183	0.081	0.102	0.183	0.102	0.081	0.143	0.183	0.163	0.020	0.143	0.204	0.061	0.102	0.204	0.081	0.122	0.285	0.061	0.122
8	0.061	0.102	0.102	0.183	0.122	0.102	0.122	0.081	0.102	0.122	0.102	0.081	0.143	0.122	0.143	0.020	0.163	0.102	0.061	0.204	0.102	0.081	0.122	0.020	0.061	0.122
9	0.061	0.102	0.102	0.183	0.122	0.102	0.122	0.081	0.102	0.122	0.102	0.081	0.143	0.122	0.143	0.020	0.163	0.204	0.061	0.204	0.102	0.081	0.122	0.020	0.061	0.122
10	0.061	0.102	0.102	0.122	0.183	0.102	0.122	0.081	0.204	0.122	0.102	0.081	0.163	0.122	0.143	0.020	0.163	0.102	0.061	0.102	0.204	0.224	0.122	0.020	0.061	0.122
11	0.244	0.815	0.815	0.489	0.428	0.204	0.489	0.835	0.407	0.489	0.509	0.530	0.448	0.794	0.163	0.020	0.754	0.204	0.244	0.815	0.102	0.387	0.489	0.020	0.061	0.183
12	0.061	0.102	0.102	0.122	0.183	0.102	0.122	0.081	0.102	0.122	0.102	0.081	0.163	0.183	0.143	0.020	0.163	0.102	0.061	0.102	0.102	0.224	0.183	0.020	0.061	0.122
13	0.061	0.102	0.102	0.122	0.122	0.204	0.183	0.081	0.102	0.183	0.204	0.224	0.143	0.122	0.143	0.020	0.163	0.102	0.061	0.102	0.204	0.081	0.183	0.020	0.244	0.183
14	0.061	0.102	0.102	0.122	0.183	0.102	0.122	0.081	0.204	0.122	0.102	0.081	0.163	0.122	0.143	0.020	0.163	0.102	0.061	0.102	0.102	0.224	0.122	0.020	0.061	0.122
15	0.061	0.102	0.102	0.122	0.183	0.102	0.122	0.081	0.204	0.122	0.102	0.081	0.163	0.122	0.143	0.020	0.143	0.102	0.061	0.102	0.102	0.081	0.122	0.020	0.061	0.122
Nilai <i>d</i> setiap item	0.098	0.163	0.163	0.163	0.171	0.136	0.163	0.141	0.163	0.163	0.149	0.130	0.174	0.179	0.171	0.038	0.196	0.136	0.098	0.163	0.149	0.149	0.163	0.038	0.098	0.179

#### Jadual 4.9

Item bagi Elemen Objektif Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah

Bil	Item	Nilai <i>Threshold</i> <i>d</i>	Peratus Persetujuan Pakar	$m_1$	$m_2$	$m_3$	Skor <i>Fuzzy</i> <i>(A)</i>	Persetujuan Pakar	Kedudukan
1.1	Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam bidang asas dan konsep perniagaan	0.098	100.0%	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	1
1.2	Mengembangkan minat murid dalam bidang perniagaan melalui penerokaan industri perniagaan	0.163	93.3%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
1.3	Membangun idea keusahawanan dalam kalangan murid untuk memulakan perniagaan setelah penerokaan di latihan industri	0.163	93.3%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
1.4	Membangun dan membina kesediaan murid untuk memulakan perancangan perniagaan	0.163	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	5
1.5	Membina kemahiran menganalisis perubahan dan cabaran perniagaan secara kreatif dan kritis	0.171	93.33%	0.480	0.680	0.880	0.680	Terima	6
1.6	Menunjukkan kemahiran komunikasi lisan yang berkesan selepas menjalani latihan industri dan semasa pembentangan rancangan perniagaan	0.136	100.00%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2

Berdasarkan jadual 4.9 di sebelah, dapat dilihat bahawa kesemua 6 item dalam elemen objektif diterima oleh 15 orang pakar dengan data menunjukkan kesemua 6 item tersebut telah memenuhi syarat pertama iaitu nilai *threshold* (*d*) adalah kurang daripada 0.2 manakala syarat kedua, setiap item yang diterima mestilah melebihi 75% kesepakatan pakar serta nilai Skor *Fuzzy* (*A*) pula mestilah melebihi 0.5. Setelah mendapati semua item telah memenuhi syarat dalam kaedah *Fuzzy Delphi*, maka item-item tersebut disusun mengikut kedudukan dan data menunjukkan pentingnya item “Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam bidang asas dan konsep perniagaan” adalah item menduduki kedudukan pertama.

Tiga item berkongsi kedudukan kedua yang sama telah menunjukkan juga kepentingan minat, idea dan kemahiran berkomunikasi secara lisan dalam penerokaan rancangan perniagaan semasa pelajar menjalani latihan industri mahupun ketiga pelajar balik ke sekolah dan melakukan pembentangan bersama guru atau bersama rakan. Manakala item yang berada di kedudukan kelima adalah “Membangunkan dan membina kesediaan murid untuk memulakan rancangan perniagaan” dan item terakhir adalah berkaitan dengan “Membina kemahiran menganalisis perubahan dan cabaran perniagaan dalam kalangan pelajar secara kritis dan kreatif”. Data di jadual seterusnya menunjukkan analisis data bagi elemen kedua iaitu elemen kandungan.

#### **4.5.2 Dapatan Analisis Data bagi Elemen Kandungan terhadap Nilai *threshold* (*d*), Peratus Kesepakatan Pakar, Nilai Skor *Fuzzy* (*A*) serta Kedudukan Item**

Jadual 4.10 di sebelah adalah dapatan analisis data bagi elemen kandungan kajian yang mengandungi 7 item mengikut kesepakatan dan persetujuan 15 orang pakar.

**Jadual 4.10**

*Item bagi Elemen Kandungan Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah*

Bil	Item	Nilai <i>Threshold</i> ( <i>d</i> )	Peratus Persetujuan Pakar	$m_1$	$m_2$	$m_3$	Skor <i>Fuzzy</i> ( <i>A</i> )	Persetujuan Pakar	Kedudukan
2.1	Membentuk kemahiran komunikasi berkesan sebelum, semasa dan selepas menjalani latihan industri	0.163	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	4
2.2	Membentuk kemahiran kepimpinan dalam diri pelajar secara individu atau secara berpasukan	0.141	93.33%	0.547	0.747	0.947	0.747	Terima	1
2.3	Mengaplikasi kemahiran perakaunan dalam perancangan idea perniagaan yang dipelajari di dalam bilik darjah dan di lokasi industri	0.163	93.33%	0.467	0.667	0.867	0.667	Terima	7
2.4	Mengembangkan potensi mengurus perniagaan dan mengurus maklumat perniagaan secara lebih sistematik	0.163	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	4
2.5	Mengaplikasi kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis terutama dalam menyelesaikan masalah	0.149	93.33%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	3
2.6	Memperkuhkan kemahiran keusahawanan secara praktikal melalui latihan industri	0.130	93.33%	0.547	0.747	0.947	0.747	Terima	1
2.7	Memupuk kemahiran membina hubungan bersama industri dan pelbagai agensi lain yang menyokong perniagaan	0.174	93.33%	0.493	0.693	0.893	0.693	Terima	6

Jadual 4.10 di sebelah menunjukkan 7 item di bawah elemen kandungan dipersetujui dengan nilai peratus 93.3% pada kesemua item namun memenuhi syarat peratus persetujuan pakar. Persyaratan lain iaitu nilai *threshold (d)* dan nilai skor *Fuzzy (A)* juga turut dipatuhi oleh kesemua 7 item dalam elemen ini. Ianya menjadikan kesemua item di bawah elemen kandungan ini juga turut diterima dengan kedudukan tertinggi adalah pada 2 item iaitu item 2.2 dan item 2.6. Kemahiran kepimpinan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar sebagai kandungan kemahiran yang penting menurut kesemua pakar bukan sahaja semasa, malah sebelum dan selepas menjalani latihan industri perlu dibentuk dan diperkukuhkan.

Kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis juga adalah penting terutama dalam menghadapi atau ketika menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar Perniagaan, dan kemahiran ini berada pada kedudukan ketiga. Dikedudukan keempat, dua item penting iaitu kemahiran komunikasi berkesan dan kemahiran mengurus perniagaan serta mengurus maklumat yang masing-masing membawa nilai *threshold (d)* dan nilai skor *fuzzy (A)* yang sama iaitu 0.163 dan 0.720. Mengikut kesepakatan pakar berdasarkan kedudukan, kemahiran membina hubungan bersama industri dan pelbagai agensi adalah lebih penting bila mana item ini berada di kedudukan keenam berbanding kedudukan ketujuh iaitu kemahiran perakaunan.

#### **4.5.3 Dapatan Analisis Data bagi Elemen Bahan bantu latihan terhadap Nilai *threshold (d)*, Peratus Kesepakatan Pakar, Nilai Skor *Fuzzy (A)* serta Kedudukan Item**

Jadual 4.11 di sebelah adalah dapatan analisis data bagi elemen bahan bantu latihan kajian yang mengandungi 3 item mengikut kesepakatan dan persetujuan 15 orang pakar.

#### Jadual 4.11

Item bagi Elemen Bahan bantu latihan Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah

Bil	Item	Nilai <i>Threshold</i> ( <i>d</i> )	Peratus Persetujuan Pakar	m <sub>1</sub>	m <sub>2</sub>	m <sub>3</sub>	Skor <i>Fuzzy</i> ( <i>A</i> )	Persetujuan Pakar	Kedudukan
3.1	Panduan tugas yang mengandungi format asas rancangan perniagaan seperti latar belakang, rancangan organisasi, rancangan pemasaran, rancangan kewangan dan lain-lain maklumat berkaitan perniagaan yang dirancang oleh pelajar.	0.179	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	2
3.2	Keperluan fasiliti yang lengkap dengan teknologi untuk dibawa oleh pelajar seperti kamera, perakam suara atau telefon bimbit	0.171	93.33%	0.507	0.707	0.907	0.707	Terima	3
3.3	Surat kebenaran atau surat pemakluman dari pihak sekolah untuk dibawa oleh pelajar semasa menghadiri latihan industri.	0.038	100.00%	0.587	0.787	0.987	0.787	Terima	1

Berdasarkan jadual 4.11 di sebelah, 3 item di bawah elemen kandungan juga diterima dengan kesepakatan pakar melebihi 75%, nilai *threshold (d)* yang kurang dari 0.2 serta nilai skor *fuzzy* yang melebihi 0.5 dan kesemuanya memenuhi syarat teknik *fuzzy delphi*. Item 3.3 iaitu persuratan rasmi berupa surat kebenaran atau surat pemakluman daripada pihak sekolah untuk dibawa oleh pelajar menjadi item paling dipersetujui oleh kesemua pakar dan item ini berada di kedudukan pertama. Kedudukan kedua adalah item 3.1 dengan kesemua pakar bersetuju, jika pelajar keluar menjalani latihan industri, mereka perlu dibekalkan dengan panduan tugas yang berformat asas yang mengandungi maklumat-maklumat rancangan perniagaan, sebagai rujukan kutipan maklumat oleh pelajar semasa di industri.

Item 3.2 berada pada kedudukan terakhir daripada semua yang hanya ada 3 item sahaja di elemen bahan bantu latihan dengan nilai *threshold (d)* 0.171, nilai peratus kesepakatan pakar 93.3% dan nilai skor *fuzzy (A)* adalah 0.707 adalah fasiliti berteknologi yang lengkap yang diperlukan oleh pelajar seperti kamera, perakam suara atau telefon bimbit. Ini menunjukkan, terdapat keperluan terhadap bahan bantu latihan dalam reka bentuk kajian ini, yang boleh dipertimbangkan keperluannya untuk pelajar sama ada sebelum, semasa atau selepas menjalani latihan industri. Data seterusnya adalah analisis data bagi elemen keempat iaitu strategi.

#### **4.5.4 Dapatan Analisis Data bagi Elemen Strategi terhadap Nilai *threshold (d)*, Peratus Kesepakatan Pakar, Nilai Skor *Fuzzy (A)* serta Kedudukan Item**

Jadual 4.12 di sebelah adalah dapatan analisis data bagi reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas bagi elemen bahan bantu latihan kajian yang mengandungi 6 item mengikut kesepakatan dan persetujuan 15 orang pakar.



#### Jadual 4.12

Item bagi Elemen Strategi Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah

Bil	Item	Nilai <i>Threshold</i> <i>d</i>	Peratus Persetujuan Pakar	$m_1$	$m_2$	$m_3$	Skor <i>Fuzzy</i> <i>(A)</i>	Persetujuan Pakar	Kedudukan
4.1	Pembelajaran berasaskan sendiri yang membolehkan pelajar meneroka langkah-langkah dan prosedur merancang perniagaan	0.196	93.33%	0.493	0.693	0.893	0.693	Terima	5
4.2	Pembelajaran kolaboratif sama ada melalui mentor atau berpasangan bersama rakan	0.136	100.00%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
4.3	Pembelajaran Berasaskan Projek dilaksanakan dengan membekalkan pelajar pada suatu idea rancangan perniagaan dan pelajar diminta mengumpul maklumat berkenaan perniagaan tersebut	0.098	100.00%	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	1
4.4	Pembelajaran Berasaskan Masalah dilaksanakan dengan membekalkan pelajar pada suatu masalah dalam perniagaan dan pelajar diminta mendapatkan solusi bagi menyelesaikan masalah perniagaan tersebut	0.163	93.33%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
4.5	Menghadiri Latihan Industri secara bersemuka / fizikal ke industri.	0.149	93.33%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
4.6	Menyertai Latihan Industri secara atas talian iaitu penerokaan dan mencari maklumat perniagaan bersama industri secara atas talian	0.149	93.33%	0.453	0.653	0.853	0.653	Terima	6

Berdasarkan jadual 4.12 di sebelah, terdapat 6 item yang disenaraikan dalam item strategi bagi reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan bagi pelajar-pelajar sekolah menengah. Berdasarkan analisis data tersebut, dapat dilihat kesemua 6 item adalah diterima dengan memenuhi ketiga-tiga syarat *triangular fuzzy number* dan syarat *fuzzy evaluation process*. Strategi 4.3 dan 4.2 iaitu pembelajaran berasaskan projek dan strategi pembelajaran kolaboratif sama ada secara berpasangan atau bersama mentor telah mendapat 100% persetujuan pakar, manakala 4 item lain pula mendapat 93.33%. Seiring dengan itu juga, iaitu berada di kedudukan yang sama iaitu kedudukan kedua adalah strategi pembelajaran berasaskan masalah yang berhasrat mencungkil strategi pelajar mendapatkan solusi terbaik dalam menyelesaikan masalah, dan strategi menyertai latihan industri secara bersemuka atau fizikal menjadi pilihan dalam kalangan 15 orang pakar di kedudukan yang sama iaitu kedudukan kedua.

Strategi yang berada pada kedudukan kelima dan keenam bagi strategi reka bentuk kajian ini adalah pembelajaran berasaskan sendiri, yang mana pelajar boleh meneroka langkah dan prosedur perancangan perniagaan secara individu dan strategi menyertai latihan secara atas talian dengan tujuan yang sama. Kedua-dua item ini mempunyai nilai skor *fuzzy* (A) yang berbeza iaitu 0.693 dan 0.653. Data di jadual seterusnya adalah analisis bagi elemen terakhir iaitu penilaian.

#### **4.5.5 Dapatan Analisis Data bagi Elemen Penilaian terhadap Nilai *threshold* (d), Peratus Kesepakatan Pakar, Nilai Skor *Fuzzy* (A) serta Kedudukan Item**

Jadual 4.13 di sebelah adalah dapatan analisis data bagi elemen penilaian kajian yang mengandungi 4 item mengikut kesepakatan dan persetujuan 15 orang pakar.

### Jadual 4.13

Item bagi Elemen Penilaian Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah

Bil	Item	Nilai <i>Threshold</i> <i>d</i>	Peratus Persetujuan Pakar	$m_1$	$m_2$	$m_3$	Skor <i>Fuzzy</i> <i>(A)</i>	Persetujuan Pakar	Kedudukan
5.1	Pentaksiran berasaskan pelaporan portfolio atau e-portfolio rancangan perniagaan pelajar termasuk penulisan reflektif sendiri selepas menjalani latihan industri	0.163	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	3
5.2	Pemerhatian guru bermula dari sesi taklimat program sehingga ke sesi pembentangan pelaporan hasil rancangan perniagaan pelajar	0.038	100.00%	0.587	0.787	0.987	0.787	Terima	1
5.3	Pelaporan dan maklum balas dari pihak industri atau majikan terhadap perkembangan dan prestasi pelajar dari mula sehingga akhir program latihan industri	0.098	100.00%	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	2
5.4	Standard rujukan pelaksanaan program latihan industri dan standard penilaian pelajar bagi rujukan guru dan rujukan industri	0.179	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	3

Pada jadual 4.13 yang ditunjukkan di sebelah, item yang terhasil pada elemen penilaian mempunyai 4 item kesemuanya. Kesemua item adalah diterima mengikut kesepakatan pakar dan kesemua data item juga memenuhi syarat *triangular fuzzy number* dan syarat *fuzzy evaluation process*. Berdasarkan jadual tersebut, dengan nilai *threshold (d)* 0.038, nilai peratus kesepakatan pakar 100.0%, dan nilai skor *fuzzy (A)* adalah 0.787, item bernombor 5.2 iaitu “Pemerhatian guru bermula daripada sesi taklimat program sehingga ke sesi pembentangan pelaporan hasil rancangan perniagaan pelajar” mendapat kedudukan teratas diantara 4 item kesemuanya. Item 5.3 iaitu “Pelaporan dan maklum balas dari pihak industri atau majikan terhadap perkembangan dan prestasi pelajar dari mula sehingga akhir program latihan industri” berada pada kedudukan kedua, yang mengikut pendapat pakar perlu adanya maklum balas pihak industri bagi tujuan penambahbaikan program.

Berkongsi kedudukan yang sama dengan nilai peratus persetujuan pakar dan nilai skor *fuzzy (A)* yang diperoleh adalah sama iaitu 93.33% dan 0.720 adalah item 5.1 dan 5.4. Item ini membawa tema dokumentasi yang perlu ada semasa program latihan industri ini dijalankan iaitu “Pentaksiran berasaskan pelaporan portfolio atau e-portfolio rancangan perniagaan pelajar termasuk penulisan reflektif sendiri selepas menjalani latihan industri” dan keperluan terhadap “Standard rujukan pelaksanaan program latihan industri dan standard penilaian pelajar bagi rujukan guru dan rujukan industri”. Nilai *threshold (d)* bagi kedua-dua item ini masing-masing 0.163 dan 0.179.

Kesimpulannya, kesemua 26 item pada bahagian B dalam instrumen soal selidik kajian dengan lima elemen penting telah diterima dengan kesepakatan pakar. Kesemua cadangan dan idea yang dikongsikan telah dicatat dan ditranskripikan.

Cadangan-cadangan tersebut juga telah disusun dengan analisis tematik yang menggabungkan cadangan dan idea yang selari termasuk dapatan awal pada dokumen rujukan dan bahan bacaan namun kajian-kajian lepas turut diambil perhatian.

Instrumen soal selidik kajian ini telah dapat dihasilkan juga telah ditadbir bersama 15 orang pakar terpilih dengan kaedah temu bual yang sama. Setiap dari mereka turut mencadangkan penambahbaikan. Tuntasnya, jadual 4.14 berikut menunjukkan keseluruhan dapatan analisis data yang mana kesemua 26 item kajian pada instrumen soal selidik adalah diterima dan mendapat kesepakatan pakar.

**Jadual 4.14**

*Dapatan Analisis Keseluruhan Data bagi 26 item Instrumen Soal Selidik Kajian*

Bil	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Fuzzy Evaluation Process			Skor Fuzzy (A)	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
		Nilai Threshold, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3			
1	B1.1	0.098	100.0%	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	1
2	B1.2	0.163	93.3%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
3	B1.3	0.163	93.3%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
4	B1.4	0.163	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	5
5	B1.5	0.171	93.33%	0.480	0.680	0.880	0.680	Terima	6
6	B1.6	0.136	100.00%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
7	B2.1	0.163	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	4
8	B2.2	0.141	93.33%	0.547	0.747	0.947	0.747	Terima	1
9	B2.3	0.163	93.33%	0.467	0.667	0.867	0.667	Terima	7
10	B2.4	0.163	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	4
11	B2.5	0.149	93.33%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	3
12	B2.6	0.130	93.33%	0.547	0.747	0.947	0.747	Terima	1
13	B2.7	0.174	93.33%	0.493	0.693	0.893	0.693	Terima	6
14	B3.1	0.179	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	2
15	B3.2	0.171	93.33%	0.507	0.707	0.907	0.707	Terima	3
16	B3.3	0.038	100.00%	0.587	0.787	0.987	0.787	Terima	1
17	B4.1	0.196	93.33%	0.493	0.693	0.893	0.693	Terima	5
18	B4.2	0.136	100.00%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
19	B4.3	0.098	100.00%	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	1
20	B4.4	0.163	93.33%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
21	B4.5	0.149	93.33%	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	2
22	B4.6	0.149	93.33%	0.453	0.653	0.853	0.653	Terima	6
23	B5.1	0.163	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	3
24	B5.2	0.038	100.00%	0.587	0.787	0.987	0.787	Terima	1
25	B5.3	0.098	100.00%	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	2
26	B5.4	0.179	93.33%	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	3

#### **4.6 Rumusan**

Berdasarkan analisis data yang ditunjukkan, dapat dirumuskan bahawa prosedur pelaksanaan analisis data adalah berkesinambungan daripada pelaksanaan yang dirancangan daripada bab 3 iaitu metodologi kajian. Pematuhan terhadap prosedur telah membawa pengkaji kepada perjalanan lancar proses bersama 15 orang pakar rujuk dan disusuli dengan prosedur menganalisis data yang menampakkan dapatan bahawa terdapat 26 item bagi 5 elemen yang telah diterima keseluruhannya atas kesepakatan pakar yang terpilih. Bab seterusnya iaitu bab 5 pula, akan berfokus kepada perbincangan, implikasi dan cadangan berdasarkan analisis data pada bab ini.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan rumusan dan kesimpulan kajian. Subtopik-subtopik dalam bab ini seterusnya akan membincangkan implikasi kajian terhadap pihak yang terlibat, dan seterusnya akan turut membincangkan cadangan khasnya cadangan penambahbaikan yang dikongsi oleh pakar bagi setiap elemen dan item serta berkaitan cadangan keseluruhan kajian.

#### **5.2 Rumusan Hasil Kajian**

Reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan bagi pelajar yang memilih mata pelajaran elektif ikhtisas Perniagaan, adalah suatu reka bentuk kajian yang bermatlamat untuk mencadangkan suatu kaedah pengukuhan dan pelengkap kepada asas pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari secara teori oleh pelajar bersama guru dan rakan di dalam bilik darjah. Impak pada pelaksanaannya bukan sahaja berfokus kepada murid, tetapi juga turut memberikan impak dan membantu pelbagai pihak termasuk guru, pentadbiran sekolah, peringkat pengurusan seperti PPD dan JPN malah turut berhasrat dapat merialisasikan objektif dan matlamat serta misi dan visi yang terkandung dalam DSKP mata pelajaran Perniagaan ini serta misi dan visi BPK, KPM.

Kajian ini telah mengaplikasi kaedah kesepakatan pakar setelah analisis tematik terhadap kajian-kajian lepas dan semakan dokumen dilakukan. Pembinaan instrumen kajian bersama 3 orang pakar rujuk membawa kepada analisis tematik kali kedua

dilakukan bagi menyusun item-item terbaik dalam instrumen kajian. 26 item dipilih untuk disenaraikan dalam instrumen kajian mengikut 5 elemen utama Model Taba iaitu objektif, kandungan, strategi dan bahan bantu latihan serta turut mengambil kira kepentingan teori lain seperti Model Kurikulum Berasaskan Industri dan Model Perantisan Kognitif. Berdasarkan semakan dan perbincangan bersama penyelia pembimbing, akhirnya instrumen kajian dapat disusun dan kemudian ditadbir bagi tujuan pengisian bersama 15 orang pakar dengan kaedah temu bual separa berstruktur. Analisis data seterusnya telah dilaksanakan mengikut kaedah yang telah dibincangkan dalam bab 4 kajian ini. Oleh yang demikian, berikut dibincangkan dapatan kajian yang menunjukkan terdapat kesepakatan pakar yang telah dicapai bagi 26 item yang terlibat dalam instrumen soal selidik kajian reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas. Kesemua item diterima dan ini menunjukkan terdapat suatu rangka kerja program latihan industri yang boleh dibincangkan bagi tujuan alternatif program yang boleh membawa keberhasilan pada pelajar.

### **5.3 Perbincangan Dapatan Kajian**

Dalam bahagian ini, lima dapatan perbincangan yang dihuraikan dalam subtopik berikut adalah berdasarkan kesepakatan pakar yang dipersetujui dan berfokus kepada rumusan ringkas persoalan kajian iaitu apakah objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian bagi reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas mengikut persetujuan pakar. Berdasarkan persoalan kajian tersebut, berikut dibincangkan dapatan bagi kelima-lima elemen tersebut yang akan dihuraikan secara berurutan.



### 5.3.1 Perbincangan Objektif Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar Sekolah Menengah Atas

Berdasarkan data kesepakatan pakar, bagi objektif reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan sekolah menengah ini, majoriti pakar memilih *Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman murid dalam bidang asas dan konsep perniagaan* sebagai item yang terpenting dalam kajian ini. Selari dengan dapatan ini, Idrus et al. (2010) yang menyatakan bahawa program latihan industri adalah sangat penting kepada pelajar untuk menerapkan pengetahuan dan teori yang mereka pelajari dalam bilik darjah atau bilik kuliah. Pengkaji amat bersetuju, pengetahuan adalah faktor utama pembentukan ilmu yang dipelajari oleh pelajar, dan tanpa pengetahuan, ianya tidak akan memandu kefahaman pelajar terhadap kemahiran yang dipelajari, dan tidak akan berlaku keberhasilan serta impak terhadap minda dan sahsiah pelajar. Pendapat ini juga turut diketengahkan oleh Blesia et al. (2021) yang menyatakan melalui latihan industri, akan berlaku impak pada set minda pelajar terhadap kefahaman dan kemahiran dalam bidang keusahawanan selain dapat meningkatkan keyakinan diri dalam pembentukan minda dan azam keusahawanan tersebut.

3 item yang berada di kedudukan kedua adalah *Menunjukkan kemahiran komunikasi lisan yang berkesan selepas menjalani latihan industri dan semasa pembentangan rancangan perniagaan, Mengembangkan minat murid dalam bidang perniagaan melalui penerokaan industri perniagaan dan Membangun idea keusahawanan dalam kalangan murid untuk memulakan perniagaan setelah penerokaan di latihan industri.*

3 tema penting dalam item-item di kedudukan kedua ini adalah berkaitan kemahiran komunikasi lisan, minat terhadap bidang perniagaan dan idea keusahawanan sebagai objektif penting yang dapat dibangunkan, menunjukkan pentingnya tema ini wujud dalam objektif reka bentuk kajian ini. Ianya juga seiring dengan dapatan kajian

daripada Nawang et al. (2016) yang berjaya melaksanakan Program Tunas Niaga di sebuah sekolah menengah di negeri Terengganu. Program tersebut telah membantu meningkatkan bukan sahaja pengetahuan pelajar terhadap keusahawanan, tetapi juga minat dan kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan malah penglibatan pelajar dengan perbincangan (komunikasi lisan) berterusan bersama guru pembimbing serta bersama agensi luar yang menceburi bidang perniagaan. Pengkaji amat bersetuju dengan dapatan ini, kerana dengan adanya perbincangan berterusan ini telah menyokong kuat idea pelajar terhadap bidang yang diceburinya, malah pengkaji amat bersetuju dengan komunikasi lisan yang lancar, membentuk keyakinan diri pelajar yang lebih tinggi berkat pengetahuan dan kefahaman mereka. Seperti penemuan dari Blesia et al. (2021) latihan industri membawa impak pada set minda pelajar serta keyakinan diri malah pembentukan minda dan azam keusahawanan turut berlaku.

Item di kedudukan yang kelima dalam elemen objektif ini melalui kesepakatan pakar adalah item 1.4 iaitu *Membangun dan membina kesediaan murid memulakan perancangan perniagaan*. Dengan adanya program secara latihan di industri, pelajar diharap dapat bersedia dengan perancangan perniagaan yang bernas dan futuristik serta boleh berdaya saing bukan sahaja di peringkat nasional, malah diperingkat antarabangsa. Item ini selari dengan dapatan kajian daripada Al Haddad et al. (2020) yang berfokus bagaimana pengetahuan yang dibawa seiring dengan latihan telah memberikan impak positif kepada pelajar kerana dapat belajar dan mengaplikasi pengetahuan dalam situasi dan persekitaran sebenar. Dan pada pendapat pengkaji, impak pada latihan tersebut, pelajar dapat mengenalpasti sumber, keyakinan diri, kemahiran dan pengetahuan keusahawanan dipertingkatkan serta mampu mencurah idea dan kreativiti berdasarkan pengalaman yang dilalui.

Item yang turut diterima melalui kesepakatan pakar dan walaupun berada di kedudukan terakhir adalah item 1.5 iaitu, *Membina kemahiran menganalisis perubahan dan cabaran perniagaan secara kreatif dan kritis*. Ketika hadir menjalani program latihan industri ini, pelajar turut terdedah dengan bimbingan oleh mentor di industri termasuk mempelajari bagaimana mengendalikan masalah-masalah berkaitan perniagaan. Dengan itu, objektif reka bentuk program latihan industri ini menyenaraikan kemahiran menganalisis perubahan dan cabaran perniagaan secara kreatif dan kritis sebagai objektif kajian dan dapatan kajian daripada Rodzalan et al. (2020) latihan industri akan menjadi faktor kepada peningkatan kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah adalah berlaku lebih baik melalui penghasilan dan semakan tugas pelajar dengan pengaplikasian kemahiran kognitif.

Berdasarkan perbincangan terhadap dapatan pada item objektif bagi reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan sekolah menengah ini dapat dilihat bahawa perkara penting yang berfokus kepada objektif terhadap reka bentuk ini mengambil berat tema-tema penting seperti pengetahuan, kefahaman, idea keusahawanan, kesediaan murid, kemahiran komunikasi serta kemahiran menganalisis perubahan dan cabaran terhadap perancangan perniagaan adalah amat penting. Pengkaji amat bersetuju bahawa elemen objektif yang terkandung ini akan menjadi hala tuju yang turut diutamakan dan hala tuju yang akan menjadikan matlamat yang disasarkan dalam sesuatu perancangan iaitu program latihan industri. Hala tuju berdasarkan item yang digariskan dan dipilih serta dipersetujui dalam kalangan pakar ini juga dapat mencapai matlamatnya secara menyeluruh selain berfokus kepada sasarannya.

### 5.3.2 Perbincangan Kandungan Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar Sekolah Menengah Atas

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan melihat item kandungan bagi reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan mengikut kesepakatan pakar. Item bernombor 2.6 dan 2.2 iaitu *Memperkukuhkan kemahiran keusahawanan secara praktikal melalui latihan industri* dan *Membentuk kemahiran kepimpinan dalam diri pelajar secara individu atau secara berpasukan* berada pada kedudukan yang paling dipersetujui oleh pakar iaitu kedudukan pertama. Membentuk dan memperkukuhkan dua kemahiran ini adalah item yang tertinggi dipersetujui dalam kalangan pakar dalam elemen kandungan. Pengkaji turut berpendapat dan bersetuju bahawa kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan sememangnya berkait rapat dalam bidang perniagaan yang ditunjangi oleh niat pelajar itu sendiri. Kesepaduan kedua-dua perkara ini membantu melancarkan langkah-langkah terbaik dalam perancangan perniagaan. Menurut Ibrahim et al. (2015), kemahiran keusahawanan melalui pendidikan keusahawanan disokong kuat oleh niat keusahawanan. Pengetahuan terhadap keusahawanan ini disokong oleh 4 faktor iaitu pengenalpastian peluang perniagaan, penilaian peluang perniagaan, rangkaian dan komunikasi. Faktor-faktor ini turut mempunyai kepentingannya dalam diri seorang usahawan melalui kepimpinannya.

4 faktor pengetahuan keusahawanan yang dibawakan oleh Ibrahim et al. (2015) juga turut signifikan dengan item kandungan yang berada pada kedudukan ketiga, dan dua item di kedudukan keempat iaitu *Mengaplikasi kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis terutama dalam menyelesaikan masalah* dan *Membentuk kemahiran komunikasi berkesan sebelum, semasa dan selepas menjalani latihan industri* serta *Mengembangkan potensi mengurus perniagaan dan mengurus maklumat perniagaan*

*secara lebih sistematik.* Dalam proses mengenalpasti dan menilai peluang perniagaan, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis amat diperlukan, apatah lagi dengan peluang perniagaan yang semakin mencabar pada masa kini dan masa hadapan. Manakala dalam membina rangkaian perniagaan, kemahiran komunikasi amat dititikberatkan kerana aspek perundingan selain berkongsi pengalaman dan peluang sesama agensi dan pihak lain yang terlibat. Dengan itu, langkah dan usaha serta keupayaan mengurus perniagaan dalam kalangan pelajar dapat dipertingkatkan khasnya dengan cara yang lebih sistematik dengan peluang menyertai latihan industri seperti ini.

Dikedudukan keenam dan ketujuh berdasarkan kesepakatan pakar, adalah item 2.7 dan item 2.3 iaitu *Memupuk kemahiran membina hubungan bersama industri dan pelbagai agensi lain yang menyokong perniagaan* dan *Mengaplikasi kemahiran perakaunan dalam perancangan idea perniagaan yang dipelajari di dalam bilik darjah dan di lokasi industri.* Selari dengan dapatan ini, Mahmood et al. (2021) melalui pembuktian hubungan yang positif dan signifikan antara kurikulum keusahawanan dan prestasi perniagaan dengan mencadangkan kurikulum berbentuk dua hala seperti jaringan dengan industri untuk melatih pelajar dan mededahkan program keusahawanan dengan peluang di situasi sebenar dan hal ini adalah bertepatan dengan kemahiran membina hubungan bersama industri dan pelbagai agensi. Kajian tersebut juga membawa cadangan agar diadakan lawatan pelajar ke syarikat keusahawanan, yang mana boleh mendedahkan juga pada pelajar berkaitan kaedah perakaunan dan idea perniagaan syarikat tersebut.

Perbincangan pada elemen kandungan yang berfokus kepada kemahiran penting dalam reka bentuk program latihan industri kajian ini. Pengkaji amat percaya, dapatan yang menunjukkan kepentingan dan keperluan tujuh kemahiran tersebut, harus disenaraikan dalam pengisian program latihan industri ini. Penguasaan terhadap kemahiran-kemahiran seperti kemahiran keusahawanan, kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kemahiran mengurus perniagaan dan mengurus maklumat, kemahiran berkomunikasi, kemahiran membina hubungan serta kemahiran perakaunan dalam perancangan idea perniagaan adalah satu lagi panduan yang boleh diketengahkan dan difokuskan dalam kajian ini.

Dapatan ini juga seiring dengan kandungan kemahiran yang digariskan dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah dan dalam masa yang sama lima daripada tujuh kemahiran tersebut juga tersenarai dalam elemen-elemen kelestarian institusi TVET di Malaysia seperti yang diketengahkan oleh Alias et al. (2018), Rajah Perbandingan Konsep Kemahiran TVET hasil rujukan daripada UNESCO menurut Marope et al. (2015), *OECD Skills Strategy* (King, 2012), *World Bank World Development Report* (2013) dan *National Vocational Training Council* (Malaysia) pada tahun 1999. Ianya menunjukkan, kemahiran yang disenaraikan ini juga turut relevan diperingkat pengajian sekolah menengah, institusi pengajian dalam bidang TVET dalam negara Malaysia, malah turut dibicangkan diperingkat global.

### **5.3.3 Perbincangan Bahan bantu latihan Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar Sekolah Menengah Atas**

Berdasarkan analisis data kajian ini, bagi elemen bahan bantu latihan, dapatan menunjukkan ketiga-tiga item yang tersenarai adalah diterima dengan kesepakatan

dan persetujuan pakar. Item-item tersebut mengikut kedudukan adalah *Surat kebenaran atau surat pemakluman daripada pihak sekolah untuk dibawa oleh pelajar semasa menghadiri latihan industri, Panduan tugas yang mengandungi format asas rancangan perniagaan seperti latar belakang, rancangan organisasi, rancangan pemasaran, rancangan kewangan dan lain-lain maklumat yang berkaitan perniagaan yang dirancang oleh pelajar dan Keperluan fasiliti yang lengkap dengan teknologi untuk dibawa oleh pelajar seperti kamera, perakam suara atau telefon bimbit.* Pengkaji amat bersetuju dengan dapatan terhadap aspek kebenaran rasmi, panduan program dan keperluan pelajar diambil berat sebagai sokongan program pada pelajar seperti yang turut dicadangkan oleh 3 pakar rujuk. Dapatan ini juga seiring dengan saranan kajian oleh Zainun et al. (2020) dengan menyatakan sokongan menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak (pentadbir dan guru) dan faktor keperluan pelajar seperti peralatan, bahan, ruang pada pelajar sebelum, semasa dan selepas menjalani sesi praktikal pelajar OKU di program PIMA perlu diambil perhatian.

Dapatan pada tiga item dalam elemen bahan bantu latihan ini turut disokong oleh kajian lepas oleh Radzi dan Ghani (2021) yang mendapati dalam pelaksanaan program *School Enterprise* di Kolej Vokasional, yang mana program ini berjaya menyenaraikan 5 elemen dengan setiap elemen terkandung beberapa item penting sebagai panduan pelaksanaan program. 5 elemen tersebut adalah kefahaman program, kesediaan pelajar dan kesediaan organisasi sekolah dan penyediaan modul. Dapatan ini adalah selari dengan item 3.2 dan 3.2 bertema fasiliti dan persuratan rasmi daripada pihak sekolah untuk kemudahan pelajar semasa melaksanakan program latihan industri dan pengkaji turut bersetuju dengan dapatan data yang mana kesemua pakar

menerima baik item-item ini bagi memastikan pelajar diberikan panduan khas rujukan, malah turut melibatkan panduan untuk sekolah dan industri.

Perbincangan terhadap bahan bantu latihan ini mendapati ianya berfokus kepada bagaimana peranan yang boleh dimainkan oleh guru mata pelajaran dan sekolah khususnya dalam membantu pelajar berada dekat dengan industri dengan lebih mudah berkat daripada sumbangan idea daripada pakar rujuk. Pakar Rujuk sangat menitikberatkan agar hubungan yang wujud antara sekolah dan industri adalah lebih erat, malah guru sebaiknya lebih cenderung untuk melihat bidang perniagaan yang mana lebih diminati oleh pelajar sebelum mengadakan rundingan bersama industri, selain pelbagai faktor lain yang mungkin mempengaruhi contohnya faktor keselamatan pelajar, dan bagaimana peranan yang boleh dimainkan oleh pihak sekolah khususnya guru mata pelajaran bersama industri. Pengkaji berpendapat, dapatan data ini menunjukkan bahawa setiap idea yang dikemukakan oleh pakar rujuk dari pelbagai pihak seperti guru-guru (pelaksana), pegawai di peringkat JPN dan KPM (pengurusan) dan pensyarah IPT Awam (penyelidik) dapat melengkapkan lagi kandungan keperluan utama yang perlu dititikberatkan dalam sesebuah perancangan latihan industri untuk pelajar di sekolah menengah.

#### **5.3.4 Perbincangan Strategi Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar Sekolah Menengah Atas**

Terdapat 6 item yang terkandung dalam elemen strategi reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan sekolah menengah, dan kesemua item ini diterima dengan kesepakatan pakar. 2 item yang menerima peratus kesepakatan pakar tertinggi iaitu 100% adalah item 4.3 dan 4.2. Item 4.3 adalah *Pembelajaran Berasaskan Projek dilaksanakan dengan membekalkan pelajar pada suatu idea rancangan perniagaan*



dan pelajar diminta mengumpul maklumat berkenaan perniagaan tersebut, manakala item 4.2 pula adalah *Pembelajaran kolaboratif sama ada melalui mentor atau berpasangan bersama rakan*. Pengkaji bersetuju dengan dapatan ini kerana dengan adanya pembelajaran berasaskan projek yang disokong dengan strategi kolaboratif di lokasi praktikal adalah salah satu kaedah pelaksanaan latihan industri yang boleh diaplikasi, dan kaedah ini akan membantu pelajar menjalani latihan praktikal dengan lebih bermakna, kerana projek dapat dibincangkan bersama rakan serta guru di sekolah selain turut dibantu dengan bimbingan majikan di industri.

Keberkesanan dua strategi ini dibuktikan melalui kajian oleh Rus et al. (2020) mendapati bahawa modul TVETagogy yang mengaplikasi kaedah Pembelajaran berasaskan masalah berorientasikan projek menunjukkan pelajar dapat menimba ilmu baharu berserta pengalaman baharu dengan lebih mudah memahami topik, kefahaman terhadap kemudahan dan mencipta pembelajaran yang lebih menyeronokkan kerana wujudnya kolaboratif dalam kalangan pelajar dengan pembelajaran yang berfokus mendedahkan pelajar kepada situasi sebenar.

Dikedudukan yang sama dengan strategi pembelajaran kolaboratif adalah item 4.5. Item ini menunjukkan kesemua 15 orang pakar bersetuju jika pelajar *Menghadiri Latihan Industri secara bersemuka / fizikal ke industri*. Bersesuaian dengan kajian yang dibawakan oleh Rus et al. (2020), kehadiran pelajar dalam situasi pembelajaran secara fizikal dengan pembelajaran berasaskan projek ini telah membantu pelajar mengaplikasi kemahiran mereka dengan lebih baik kerana wujudnya pengaplikasian “*Work-based training*” dalam program pembelajaran mereka. Impak kajian menunjukkan pelajar lebih bermotivasi dan berpuas hati dengan implimentasi strategi

projek pembelajaran yang dilaksanakan selain pelajar dapat menambahbaik kemahiran komunikasi dan kemahiran teknikal antara rakan dalam pasukan mereka.

Item 4.4 juga adalah item yang berada pada kedudukan kedua iaitu *Pembelajaran berasaskan masalah dilaksanakan dengan membekalkan pelajar pada suatu masalah dalam perniagaan dan pelajar diminta mendapatkan solusi bagi menyelesaikan masalah perniagaan tersebut*. Dikedudukan kelima pula adalah item bernombor 4.1 iaitu strategi *Pembelajaran berasaskan sendiri yang membolehkan pelajar meneroka langkah-langkah dan prosedur merancang perniagaan*. Dan dikedudukan terakhir iaitu keenam namun tetap diterima atas kesepakatan pakar adalah item 4.6 iaitu *Menyertai latihan industri secara atas talian iaitu penerokaan dan mencari maklumat perniagaan bersama industri secara atas talian*.

Pengkaji berpendapat, jika dilihat pada tema item pada 4.4 dan 4.1 dan digabungkan dengan item 4.6, ianya boleh menjadi salah satu cadangan kaedah pelaksanaan program latihan industri. Program latihan industri dengan strategi pembelajaran berasaskan masalah dengan penerokaan sendiri yang turut boleh dijalankan secara atas talian yang mana pelajar bebas meneroka latihan dan pembelajaran mereka. Kaedah ini adalah sama seperti kajian yang dijalankan oleh Januszewski dan Grzeszczak (2021), yang pada ketika itu mengalami kesukaran semasa Pandemik Covid-19 berlaku, dan situasi ini mendorong kaedah amali secara e-learning dilakukan. Kajian menunjukkan e-latihan yang dilaksanakan mampu memberikan pendedahan dan peluang kepada pelajar menyelesaikan projek kajian kes (masalah) mereka, khasnya mengumpulkan maklumat berkaitan simulasi perniagaan dengan aplikasi berasaskan komputer selain dapat memberi sokongan pada pembelajaran

kendiri dan mencapai prestasi yang baik dalam kalangan pelajar. Kesesuaian sesuatu kaedah pelaksanaan bukan sahaja bergantung kepada keperluan pelajar, tetapi turut memandang situasi semasa yang berlaku.

Perbincangan item-item pada elemen strategi ini menunjukkan keseluruhan 6 item yang diterima dengan kesepakatan pakar membuktikan, terdapat pelbagai strategi yang boleh digunakan dan diaplikasi dalam usaha mendedahkan pelajar pada satu situasi yang lebih realistik terhadap bidang perniagaan. Strategi berasaskan projek dan secara kolaboratif adalah strategi yang paling diterima tinggi oleh pakar, malah turut sesuai digabungkan, diikuti dengan strategi berasaskan masalah dengan strategi menjalani latihan secara bersemuka. Pembelajaran secara sendiri juga dianggap sesuai selain alternatif pelaksanaan latihan industri secara atas talian juga diperoleh bagi sesetengah sekolah atau pelajar yang lebih cenderung dengan strategi ini bukan sahaja memandang pada situasi Pandemik yang pernah berlaku sebelum ini, tetapi juga pada bidang perniagaan yang dipilih.

### **5.3.5 Perbincangan Penilaian Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar Sekolah Menengah Atas**

Elemen penilaian bagi reka bentuk program latihan ini, terdapat 4 item yang disenaraikan mengikut dapatan di sesi temu bual bersama 3 pakar rujuk. Berdasarkan analisis data, kesemua item dipersetujui oleh pakar dan diterima. Dikedudukan tertinggi dengan 100% kesepakatan pakar adalah item 5.2 dan item 5.3. Item 5.2 adalah *Pemerhatian guru bermula dari sesi taklimat program sehingga ke sesi pembentangan pelaporan hasil rancangan perniagaan pelajar*. Pengkaji berpendapat, data ini menunjukkan kesepakatan pakar masih berpihak kepada peranan guru dalam pelaksanaan yang terbaik bagi program latihan industri bagi pelajar Perniagaan di

sekolah menengah sekaligus memperlihatkan peranan utama guru sebagai mentor dan fasilitator utama amat dipersetujui oleh kelima belas orang pakar rujuk dan begitu juga pengkaji. Pengkaji bersetuju dengan dapatan ini, kerana guru adalah mentor yang pertama yang dapat menunjukkan minat mereka terhadap bidang keusahwanan kepada pelajar dan ianya akan mendorong pelajar mempunyai ciri keusahwanan semasa mempelajari kemahiran dalam kurikulum perniagaan ini. Ianya turut disahkan oleh Mageswaran dan Othman (2022) yang mendapati pelajar akan terdorong mempunyai ciri keusahwanan yang tinggi disebabkan guru mereka yang mempunyai minat yang tinggi terhadap perniagaan.

Selain itu, Abdul Rahman dan Buang (2019) dalam kajiannya turut mendapati bahawa gaya pengajaran fasilitator dalam kalangan guru adalah gaya yang paling diminati oleh pelajar kerana interaksi aktif dua hala menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan khususnya kepada pelajar. Ini menunjukkan peranan guru sebagai fasilitator melayakkan mereka sebagai mentor yang utama kerana mereka adalah individu yang paling hampir bersama pelajar dalam program latihan industri ini, malah sesuai sebagai pemerhati utama yang akan terlibat aktif dari mula program sehingga akhir program. Hal ini juga disokong oleh Model Kurikulum Berasaskan Industri yang menekankan tentang peranan penting guru sebagai fasilitator dan peranan sebagai pemerhati dan dapatan ini seterusnya menunjukkan penilaian guru lebih berkesan kerana guru sendiri dapat melihat bukan sahaja hasil pelajar, tetapi perubahan keseluruhan pelajar termasuk diri pelajar daripada aspek penglibatan, komunikasi dan personaliti pelajar.

Item 5.3 berada dikedudukan kedua penerimaan persetujuan pakar yang mana item ini adalah *Pelaporan dan maklum balas dari pihak industri atau majikan terhadap perkembangan dan prestasi pelajar dari mula sehingga akhir program latihan industri*. Item ini menunjukkan, dalam kalangan pakar turut bersetuju, selain penilaian daripada guru, pihak kedua yang perlu dipertimbangkan penilaiannya adalah mendengar juga maklum balas daripada majikan dan industri tempat pelajar menjalani latihannya. Menurut Amin et al. (2020) dalam kajian mereka turut menyatakan, proses penilaian akan datang daripada pihak industri bagi mengenalpasti keberkesanan latihan industri, dan dalam masa yang sama, kajian mereka turut mengambil berat pandangan pelajar yang melalui proses latihan industri dengan strategi pembelajaran berasaskan pengalaman.

Kaedah oleh Amin et al. (2020) yang mengambil sudut pandang pelajar adalah satu cara melihat bagaimana respon pelajar terhadap ruang dan peluang kepada mereka menjalani latihan industri dan cara ini bersesuaian dengan item 5.1 yang berada di kedudukan ketiga iaitu *Pentaksiran berasaskan pelaporan portfolio atau e-portfolio rancangan perniagaan pelajar termasuk penulisan sendiri selepas menjalani latihan industri*. Bukan sahaja melihat pada kepentingan guru di sekolah, majikan di industri, tetapi juga reka bentuk kajian ini melalui elemen penilaian, yang melihat bagaimana maklum balas pelajar bukan sahaja pada keberhasilan penulिसannya, tetapi juga luahan dapatan terhadap aspek lain dapatan daripada diri pelajar sendiri. Kepelbagaian kaedah penilaian program khasnya kepada pelaksana serta agensi yang bekerjasama iaitu industri dan majikan, termasuk juga penilaian pelajar secara sendiri, akan dapat membantu memastikan program latihan secara praktikal ini dapat sentiasa

ditambahbaik dan berfokus mengikut kehendak pelanggannya iaitu pelajar secara keseluruhannya.

Item terakhir dikedudukan yang sama dengan item 5.1 iaitu kedudukan ketiga adalah item 5.4 iaitu *Standard rujukan pelaksanaan program latihan industri dan standard penilaian pelajar bagi rujukan guru dan rujukan industri*. Walaupun berada dikedudukan terakhir persetujuan pakar, rujukan pelaksanaan program latihan industri juga dipersetujui oleh kesemua 15 orang pakar. Pengkaji turut berpendapat, penerimaan ini semestinya bagi memastikan adanya satu sumber rujukan yang sama dan menjadi panduan di semua pihak bukan sahaja guru dan pelajar, malah sekolah dan industri. Rujukan pelaksanaan, rujukan penilaian, rujukan terhadap panduan menjalani latihan industri bagi pelajar serta bagaimana sekolah boleh mengendalikan dengan lebih teratur dan berfokus pada matlamat dan objektif, adalah perkara-perkara penting dalam standard rujukan pelaksanaan ini. Ini bagi mengelakkan kekeliruan semua pihak yang terlibat seperti menurut Hamdan dan Rahman (2020), terdapat isu-isu seperti berkaitan jabatan, tempat kerja/organisasi dan isu peribadi yang telah menyebabkan kekaburan maklumat semasa aktiviti latihan industri berjalan dan kajiannya mencadangkan agar diwujudkan garis panduan bagi rujukan pelajar, organisasi mahupun jabatan untuk menjawab kekaburan tersebut.

Secara umumnya, elemen Penilaian dengan persetujuan pakar pada 4 item yang diringkaskan iaitu penilaian daripada aspek pemerhatian guru, penilaian daripada sudut pandang industri atau majikan, penilaian terhadap hasil perkongsian pelajar termasuk penilaian sendiri pelajar serta adanya standard rujukan bagi pihak-pihak terlibat, maka pengkaji amat bersetuju dengan dapat ini yang memandangi pelbagai

sudut penilaian yang akan berlaku termasuk pelbagai aspek yang dilihat lebih seimbang dan menyeluruh kepada pihak guru, industri dan majikan termasuk penilaian pelajar.

Dapatan subtopik perbincangan kajian ini menunjukkan kepelbagaian idea yang dimasukkan dalam instrumen soal selidik *fuzzy delphi* kajian ini hasil daripada sesi temu bual yang telah dijalankan bersama 15 orang pakar dan kesepakatan dicapai terhadap kesemua item bagi lima elemen. Dengan itu, cadangan *output* reka bentuk program yang boleh dicadangkan seperti pada subtajuk berikut. Secara tuntasnya, pelaporan ini telah menunjukkan dan pengkaji telah membuktikan, kajian ini boleh menjadi dasar dan panduan yang juga turut menyumbang satu reka bentuk program latihan industri untuk pelajar Perniagaan di sekolah menengah. Intipati penting yang terkandung dalam Model Taba (1962) telah diaplikasi pada kajian ini demi membantu mencapai matlamat dan objektif KSSM MPEI Perniagaan bahkan selari dengan visi dan misi kurikulum Malaysia.

#### **5.4 Output Model Reka Bentuk Program Latihan Industri Perniagaan**

Berdasarkan dapatan dari analisis data dengan merujuk rumusan hasil kajian dan perbincangan dapatan kajian, adalah bersesuaian jika *output* reka bentuk kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Dengan merujuk pada 5 elemen utama iaitu Objektif, Kandungan, Bahan Bantu Latihan, Strategi dan Penilaian, berikut adalah rajah 5.1 di sebelah adalah rajah yang menunjukkan cadangan output Reka Bentuk Model bagi kajian ini yang mencadangkan Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan untuk pelajar di Sekolah Menengah Atas yang boleh diketengahkan dan dijadikan rujukan dalam mencadangkan program ini.

## Rajah 5.1

Cadangan *Output* Model Reka Bentuk Program Latihan Industri Perniagaan Sekolah Menengah



Berdasarkan rajah 5.1 di atas, cadangan output reka bentuk latihan industri bagi pelajar Perniagaan di sekolah menengah boleh dijalankan dengan berfokus kepada kesemua item-item yang disenaraikan dalam elemen objektif, kandungan, bahan bantu latihan dan penilaian. Kesemua item di empat elemen tersebut perlu disampaikan dan ditaklimatkan kepada pelajar khususnya, dan akan memperlihatkan peranan penting yang dimainkan oleh guru dan majikan di industri yang membantu keberhasilan pencapaian pada elemen objektif dan kandungan reka bentuk latihan industri ini. Manakala elemen bahan bantu latihan pula akan menjadi rujukan utama sepanjang latihan industri berjalan kepada kesemua pihak sama ada di sekolah atau di industri serta secara tidak langsung akan dirujuk juga oleh pihak lain seperti PPD dan JPN.




Bagi elemen strategi pelaksanaan latihan industri perniagaan ini, sekolah dicadangkan atau diberikan kuasa untuk memilih mod strategi latihan industri mengikut kesesuaian pelbagai perkara seperti lokasi sekolah, kondisi ekonomi dan keluarga pelajar, kesediaan industri dan perkara-perkara ini turut dibincangkan dan diputuskan bersama seluruh warga pendidik di sekolah khususnya guru-guru mata pelajaran perniagaan dan ahli majlis tertinggi pengurusan sekolah. Hal ini adalah penting bagi memastikan latihan industri dijalankan dengan mengikut acuan dan kehendak pelajar serta bersesuaian dengan pelbagai aspek lain di sekeliling yang mempengaruhi pembelajaran pelajar khususnya di luar bilik darjah. Strategi yang dipilih perlulah bertepatan dan rasional dilaksanakan dan sekolah turut boleh memilih kehadiran industri-industri ke sekolah untuk bersemuka dengan pelajar sekaligus membimbing pelajar mengikut satu tempoh masa tertentu.

Daripada elemen penilaian pula, penyediaan e-portfolio atau portfolio pelajar serta pemerhatian guru akan berjalan seiring khususnya ketika pelajar selesai menjalani latihan industri dan menyiapkan tugas serta aktiviti pembentangan dengan bimbingan guru di dalam bilik darjah. Kesemua jumlah markah daripada ketiga-tiga item dalam elemen penilaian akan dijumlahkan untuk melihat keberhasilan pelajar setelah menjalani latihan industri. Ianya juga turut membantu guru dalam penilaian Kertas 3 SPM Perniagaan, tugas merancang idea perniagaan. Keberhasilan penting dalam output reka bentuk program latihan industri bagi mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah ini diharap dapat mengukuhkan lagi kemahiran asas perniagaan pelajar yang turut belajar berdasarkan pengalaman bersama industri seperti menurut Nor et al. (2020) melihat impak dari latihan industri telah membawa peningkatan kemahiran dan hasil tugas pelajar.

Sehubungan dengan cadangan terhadap model reka bentuk kajian ini, maka rajah 5.2 di sebelah pula adalah contoh salah satu strategi yang boleh diaplikasi dengan memilih strategi pembelajaran berasaskan projek. Pemilihan strategi berasaskan projek dibuat oleh pengkaji adalah kerana, strategi ini adalah strategi terbaik dan dipilih oleh majoriti panel pakar dalam kajian ini. Maka dengan itu, ianya dijadikan salah satu contoh dalam Model Program Latihan Industri Perniagaan.

### Rajah 5.2

Contoh Model Program Latihan Industri Perniagaan berasaskan Projek



Rajah 5.2 di atas menunjukkan dengan ringkas aspek-aspek yang terkandung dalam beserta kehendak program latihan perniagaan yang berasaskan projek dan menjadi panduan mudah dalam pelaksanaannya. Fokus utama model berasaskan projek ini turut disokong oleh pembelajaran pelajar berasaskan pengalaman hadir ke industri agar dapat meningkatkan kemahiran asas perniagaan mereka seperti menurut Rodzalan et

al. (2020) iaitu dengan pengalaman yang diperoleh daripada latihan industri, adalah dipercayai bahawa akan berlaku peningkatan kemahiran dalam kalangan pelajar yang menyertainya. Pengkaji turut berpendapat, impak yang diterima oleh pelajar, bukan sahaja pada peningkatan kemahiran, malah proses berfikir dalam pelbagai aspek seperti inovasi, penyelesaian masalah, kreativiti dan idea yang lebih futuristik turut boleh berlaku terhadap pembangunan kompetensi pelajar secara menyeluruh. Ianya disokong oleh Ferreras et al. (2021) mendapati kesan dan implikasi praktikal mempengaruhi pembangunan kompetensi pelajar khususnya kompetensi keusahawan pelajar.

Salah satu penemuan yang amat penting dalam kajian ini adalah, intipati yang terkandung dalam objektif dan matlamat KSSM MPEI Perniagaan ini adalah, dapatan kajian yang diperoleh terhadap elemen pertama dan utama iaitu elemen objektif program latihan industri kajian ini. Keselarian ini menunjukkan sasaran yang dihasratkan dalam misi dan visi kurikulum oleh BPK, KPM juga secara tidak langsung mampu dicapai berkat impak keberhasilan program latihan industri yang dijalankan. Malah dengan adanya program latihan industri secara praktikal ini juga, ianya diharap mampu menjadi satu alternatif malah boleh menjadi pelengkap yang dapat melahirkan pelajar sebagai individu yang merupakan bakal usahawan yang mempunyai asas kemahiran keusahawanan yang kukuh. Mereka juga kelak berpotensi memenuhi keperluan negara dan aspirasi negara dalam melahirkan golongan usahawan yang berjaya. Program ini juga akhirnya dapat menunjukkan kurikulum sekolah yang dilaksanakan adalah sebuah kurikulum yang berkualiti tinggi kerana pelaksanaan teori dan praktikal berlaku secara beriringan.

## **5.5 Implikasi Kajian**

Berikutnya adalah perbincangan mengenai implikasi kajian. Implikasi terhadap kajian yang akan dibincangkan meliputi beberapa perkara iaitu implikasi terhadap metodologi, implikasi terhadap teori kajian dan implikasi terhadap mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah.

### **5.5.1 Implikasi terhadap metodologi**

Seperti yang dibincangkan dalam bab 3 kajian ini, metodologi kajian ini mengaplikasi teknik *Fuzzy Delphi* yang lebih mudah dikenali dengan pendekatan persetujuan atau konsensus dalam kalangan pakar. Jamaludin et al. (2019) menyatakan pakar-pakar yang dipilih adalah individu yang terlibat secara profesional dalam mata pelajaran, dan fokus kajian ini adalah untuk membangunkan reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan yang merangkumi 5 elemen iaitu objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian. Pakar-pakar seramai 15 orang terlibat dengan langkah pertama adalah semakan dokumen dan kajian lepas, disusuli dengan temu bual separa berstruktur bersama 3 pakar rujuk. Setelah temu bual itu dilaksanakan, kandungan transkrip disahkan, dan terhasil instrumen kajian yang mengandungi 26 item hasil analisis tematik daripada idea yang dikemukakan dan dibincangkan bersama 3 pakar rujuk tersebut.

Instrumen soal selidik kajian yang menggunakan kaedah pemilihan skor menggunakan skala likert 5 mata. Ia kemudiannya ditadbir bersama 15 orang pakar dengan kaedah temu bual separa berstruktur termasuk kebebasan untuk kesemua pakar mengemukakan cadangan penambahbaikan. Pakar-pakar yang terlibat daripada bidang yang berkaitan dengan kajian dan menepati prosedur pemilihan pakar. Setelah

itu, analisis data dijalankan dan mendapati semua 26 item daripada 5 elemen diterima 100% berdasarkan kesepakatan pakar. Perbincangan dan dapatan data dilaporkan dengan huraian mengikut kedudukan bagi setiap item dengan hujah daripada penyelidikan lalu yang menyokong dapatan kajian.

Kaedah *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method* ini dapat membantu mencapai objektif kajian iaitu untuk menentukan apakah objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian bagi reka bentuk program latihan industri mata pelajaran perniagaan untuk pelajar sekolah menengah atas. Menurut Khairul et al. (2019), kaedah ini secara tidak langsung dapat membantu menyelesaikan masalah dan menjadi satu alat pengukur dengan cara yang lebih efektif atas penglibatan pakar terpilih kaedah analisis data yang lebih sistematik dengan memastikan setiap dapatan data mematuhi persyaratan yang ditetapkan.

### **5.5.2 Implikasi terhadap teori kajian**

Model yang terlibat dalam kajian ini adalah yang pertama Model Taba (1962) yang turut diaplikasi oleh kajian-kajian lepas dan salah satunya adalah oleh Jamil (2016) yang membangunkan sebuah model dengan elemen yang sama seperti kajian ini iaitu objektif, kandungan, bahan bantu, strategi dan penilaian. Dapatan kajiannya menunjukkan, model yang dihasilkan adalah diterima baik dan berupaya menjadi panduan kepada tenaga pengajar kejuruteraan dan memudahkan lagi proses rujukan dan panduan menjalani latihan yang melibatkan kemahiran generik dan nilai.

Bersesuaian dengan dapatan tersebut, matlamat yang dibawakan dalam kajian ini adalah untuk mencadangkan sebuah reka bentuk program latihan industri yang

bertunjangkan Model Taba (1962) dapat memberi manfaat berdasarkan alternatif dan pelengkap kepada asas pengetahuan dan kemahiran pelajar yang dipelajari secara teori (kurikulum) di dalam bilik darjah, dengan cadangan amalan praktikal berbentuk latihan industri yang membantu melengkapkan teori yang dipelajari. Ianya juga sesuai seperti yang disarankan oleh Jessup (1968), “kurikulum berasaskan industri perlu menekankan pembangunan yang seimbang antara elemen ‘mental’ dan ‘manual’. Elemen ‘mental’ adalah pembangunan pengetahuan dalam bidang asas, manakala elemen ‘manual’ adalah kemahiran teknikal yang relevan kepada bidang pekerjaan yang ingin dilatih. Saranan ini adalah selari dengan reka bentuk program latihan industri kajian ini.

Dapatan kajian ini menunjukkan, berdasarkan 5 elemen yang terkandung 26 item kesemuanya dalam bahagian B instrumen soal selidik, didasari elemennya oleh Model Taba (1962) yang diperkenalkan oleh Hilda Taba, telah membantu meyakinkan pengkaji bahawa item-item yang dicadangkan dan disenaraikan dalam instrumen kajian ini adalah mengikut keperluan dan kehendak kurikulum Perniagaan. Rangkuman idea-idea tersebut sahaja bukan sahaja bertepatan yang boleh menjadi pelengkap pada kurikulum, tetapi juga bertepatan dengan reka bentuk kajian yang bermatlamat besar untuk keperluan masa kini demi masa depan pelajar-pelajar Perniagaan di sekolah menengah.

Model Kurikulum berasaskan Industri turut terlibat dalam kajian ini. Ianya membincangkan bagaimana peranan guru sebagai pembimbing dalam PdP, proses penerapan pengetahuan yang lebih meluas, penerapan kemahiran interpersonal, teknologi dan sistem serta maklumat dalam PdP di bilik darjah serta adanya penilaian

terhadap kompetensi pelajar. Model kurikulum ini telah membantu pengkaji menyusun dengan lebih sistematik kandungan program latihan industri mengikut 5 elemen berdasarkan intipati dan kehendak penting yang dibawakan oleh model seperti aspek objektif (pengetahuan) dan strategi yang boleh membantu pelajar menyesuaikan diri dengan industri selain memandangkan perkara-perkara penting yang terlibat dengan teknologi yang boleh didedahkan kepada pelajar di industri bersesuaian dengan peredaran modenisasi semasa mereka menjalaninya kelak.

Mentelaah dan merungkai kurikulum mata pelajaran Perniagaan ini telah membawa pengkaji kepada penemuan bahawa terdapat perkara yang tidak berlaku di dalam bilik darjah iaitu berkaitan dengan pendedahan kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan industri, pendedahan terhadap kemajuan dan kepesatan teknologi modenisasi dalam bidang perniagaan dan turut tidak berlaku penilaian pada pelajar terhadap tahap keboleherjaan yang merujuk kepada nilai niat dan minat keusahawanan, walaupun kurikulum yang digariskan adalah berfokus kepada pengukuhan kemahiran asas keboleherjaan. Isu ini juga turut menyumbang kepada kesukaran penerapan elemen STEM seperti yang dihasratkan dalam kurikulum ini walaupun kurikulum rutin yang kini berlaku. Komunikasi terhad lebih mendorong kesukaran pelajar menzahirkan idea terbaik dalam merancang perniagaan di Kertas 3 SPM Perniagaan mereka.

Rentetan daripada kenyataan permasalahan diperenggan atas, reka bentuk kajian ini adalah satu usaha membangunkan pelengkap kurikulum untuk membawa pelajar untuk merasai apa yang tidak boleh berlaku didalam bilik darjah iaitu latihan industri. Pelajar akan terdedah dengan kemajuan dan kepesatan teknologi perniagaan dan arus modenisasi sekaligus tahap keboleherjaan pelajar sebagai rintis usahawan dalam

perniagaan akan mula diasah dengan hasrat mereka mempunyai asas perniagaan dan keusahawanan yang mampu mendepani cabaran-cabaran dan berminda futuristik seperti yang disarankan oleh Said et al. (2017), penemuan dapatan kajiannya menunjukkan bahawa pembangunan kurikulum perlu mempertimbangkan konteks dengan mentakrifkan latihan industri sebagai persekitaran daripada perspektif teori.

Model ketiga adalah Model Perantisan Kognitif. Matsuo dan Tsukube (2020) menyatakan idea asas perantisan kognitif adalah gabungan antara perantisan tradisional dan teori kognitif moden yang membolehkan proses pemikiran yang kompleks menjadi jelas. Perantisan adalah satu situasi dimana seorang individu yang pakar dan berkemahiran tinggi, secara rela berkongsi idea dan kemahirannya kepada pelajar atau pelatihnya, dan kaedah ini amat berkesan kerana dalam pembelajaran, tunjuk ajar pakar dalam situasi formal adalah lebih berkesan. Dalam konteks kajian ini, pakar yang paling dekat dengan pelajar adalah guru di sekolah dan majikan di industri. Bimbingan perantisan di dalam bilik darjah dan di lokasi industri membantu pelajar menguasai kemahiran perniagaan secara teori dan diaplikasi secara praktikal di industri.

Menurut Michael Gessler (2009) ada menyatakan, pendekatan perantisan kognitif dilaksanakan hasil daripada rintihan pihak sekolah yang mendapati pelajar di sekolah kurang didedahkan dengan persekitaran kerja sebenar. Maka dengan itu, sesuai dengan dapatan kajian iaitu kepelbagaian strategi yang boleh dilaksanakan seperti pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan kolaboratif ataupun kaedah pembelajaran berasaskan masalah yang diterima atas kesepakatan pakar dalam kajian ini boleh dijadikan pilihan pelaksanaan dalam amalan latihan industri bagi pelajar



Perniagaan di sekolah menengah. Secara rumusannya, implikasi kajian terhadap Model yang terlibat dalam kajian ini adalah: -

#### Model Taba (1962)

- i) Implikasi berupa manfaat yang melengkapkan teori dan praktikal melalui program latihan industri
- ii) Implikasi terhadap 5 elemen pada model telah memandu item-item terbaik dan bersesuaian dalam cadangan reka bentuk program latihan industri bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah atas.

#### Model Kurikulum Berasaskan Industri

- i) Telah berjaya menjadi panduan penting bagi memastikan matlamat program bersesuaian dengan kandungan kurikulum Perniagaan khususnya pada elemen objektif, kandungan, strategi dan penilaian.
- ii) Telah membawa pengkaji merangka kerja program latihan industri berasaskan perkara yang tidak berlaku di sekolah seperti aktiviti yang membantu pelajar menyesuaikan diri dengan industri, terdedah dengan kepesatan teknologi moden dan penilaian awal pada aspek kebolehkerjaan pelajar.

#### Model Perantisan Kognitif

- i) Membawa manfaat besar terhadap peranan guru sebagai fasilitator utama kepada pelajar dan majikan di lokasi sebagai mentor dan pembimbing
- ii) Membantu meyakinkan pengkaji bahawa model ini dapat mendorong pemikiran kognitif pelajar yang belajar bukan sahaja di dalam malah di luar bilik darjah

### **5.5.3 Implikasi terhadap Pendidikan Perniagaan di sekolah menengah**

Umum mengetahui, bagi mata pelajaran elektif ikhtisas ini, iaitu mata pelajaran Perniagaan untuk pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 di sekolah menengah, belum pernah melaksanakan sebarang program seperti latihan industri secara formal. Cadangan terhadap reka bentuk program latihan industri ini adalah suatu matlamat yang ingin membantu melengkapkan gabungan antara penguasaan teori dan amalan praktikal kepada pelajar. Intipati lengkap dengan 5 elemen terhadap objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian mampu menjadi panduan bagi langkah pertama dalam usaha membawa program ini ketengah untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.

Objektif yang disenaraikan dan setiap item pada 5 elemen diterima keseluruhannya oleh pakar membawa jelas pada pengkaji, peri pentingnya tema-tema seperti pengetahuan dan kefahaman pelajar, minat dan idea pelajar, kesediaan pelajar, kemahiran menganalisis dan kemahiran berkomunikasi yang perlu dikuasai oleh pelajar Perniagaan. Item dalam kandungan pula adalah item dengan kemahiran yang turut selari dengan kemahiran yang disenaraikan dalam DSKP MPEI Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah dan kesepakatan tertinggi pakar adalah dengan program latihan industri ini, pelajar dapat memperkukuhkan kemahiran keusahawanan. Strategi tertinggi pilihan dan persetujuan pakar adalah pembelajaran berasaskan projek dengan bahan bantu utama iaitu surat kebenaran daripada pihak sekolah dan pemakluman kepada industri, manakala pilihan terbaik penilaian adalah menghormati guru sebagai pemerhati dan penilai utama dalam program yang dibawakan oleh kajian ini.

Berdasarkan dapatan keseluruhan kajian, suatu rujukan yang boleh dipertimbangkan adalah melalui dapatan analisis data kajian ini mahupun item-item yang tersenarai pada 5 elemen utama dalam instrumen soal selidik, jika program ini dilaksanakan di peringkat sekolah menengah. Mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah boleh dilihat sebagai sebuah mata pelajaran yang mempunyai satu keperluan rasional untuk ditambahbaik, dan kajian ini telah membawa dapatan maksud jelas. Terdapat keperluan bagi melengkapkan kurikulum berupa teori dengan pelaksanaan program berbentuk praktikal, iaitu latihan industri untuk pelajar. Bukan sahaja dapat membantu pelajar menyusun idea terbaik dalam perancangan perniagaan di Kertas 3 SPM mata pelajaran Perniagaan, tetapi juga mampu membuka minda pelajar, tentang luasnya ilmu perniagaan yang boleh diterokai dan dipelajari di peringkat seterusnya kerana mereka telah mempunyai asas yang kukuh di sekolah menengah, jika latihan industri ini dapat dilaksanakan.

## **5.6 Cadangan Kajian Lanjutan**

Kajian ini adalah sebuah reka bentuk kajian yang mencadangkan program latihan industri bagi pelajar sekolah menengah yang memilih mata pelajaran Perniagaan. Daripada pengumpulan dan analisis data, terdapat juga cadangan penambahbaikan yang boleh diambil perhatian khasnya untuk cadangan kajian lanjut oleh pengkaji dan cadangan penambahbaikan ini adalah dari pakar rujuk yang terlibat dalam kajian ini.

Cadangan pertama adalah dalam usaha melanjutkan kajian ini ke peringkat seterusnya, pengkaji disyorkan agar mendapatkan lebih banyak maklumat tambahan seperti aspek pengaruh keluarga terhadap bidang perniagaan dalam kalangan pelajar, khasnya bagi pelajar yang bukan datang daripada latar belakang keluarga yang menceburi bidang

perniagaan. Syor ini adalah kerana, latar belakang keluarga pelajar tidak didedahkan dengan persekitaran perniagaan dan kemungkinan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar ini. Selain itu, aspek motivasi pelajar itu sendiri, khususnya yang terpaksa melengkapkan pengambilan bilangan mata pelajaran di tingkatan 5, mata pelajaran perniagaan bukanlah suatu mata pelajaran yang benar-benar diminati, maka keinginan untuk mencapai sesuatu objektif dalam hidup mungkin tidak akan berfokus untuk menjadi seorang usahawan. Faktor lain seperti persekitaran perniagaan yang meruncing atau faktor persaingan, kos, selain faktor keadaan ekonomi masa kini akan menyebabkan kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan menjadi kurang.

Cadangan kedua yang menarik untuk melihat keberkesanan pada pelaksanaan program latihan industri adalah berfokus kepada elemen objektif. Cadangan yang diberikan oleh panel pakar adalah program latihan industri ini perlu berfokus kepada idea perancangan perniagaan sahaja dan bukan memulakan perniagaan. Atas sebab, pelajar yang terlibat adalah mereka yang baru mempelajari ilmu asas kepada Perniagaan, maka pengkaji dicadangkan memasukkan objektif tambahan seperti penulisan pelaporan rancangan perniagaan daripada pelajar selain boleh menambahbaik fokus kemahiran komunikasi kepada komunikasi perniagaan seperti perundingan dan kemahiran memujuk.

Cadangan ketiga yang disyorkan adalah merujuk kepada elemen kandungan. Dalam elemen ini, turut dicadangkan agar pengkaji menggariskan kandungan pelaksanaan berkaitan latihan industri selain mengelakkan kemahiran yang sama maksud atau selari. Cadangan juga diberikan agar kemahiran pengaplikasian terhadap teknologi berlaku. Cadangan keempat yang melihat kepada keperluan pelbagai semasa pelajar

pula adalah berfokus kepada elemen bahan bantu latihan. Bahan adalah lebih sesuai daripada bahan yang mampu dimiliki oleh semua pelajar khususnya pelajar daripada golongan B40 dan alternatif bahan bantu melalui sokongan daripada majikan di industri. Selain itu, ketika menjalani latihan, guru juga boleh dicadangkan agar dapat membekalkan pelajar dengan perisian kewangan bagi memudahkan pelajar memahami perkaitan antara bahan (material) dan nilai atau kos. Kepentingan terhadap perlunya surat tawaran daripada industri dan surat kebenaran daripada ibu bapa juga turut perlu diambil perhatian.

Cadangan kelima yang diperlukan bagi tujuan penerokaan lebih adalah merujuk kepada elemen strategi. Diusulkan oleh pakar agar dimasukkan juga strategi pembelajaran berasaskan pengalaman dan kaedah pembelajaran melalui penglibatan contohnya melalui kedutaan dan perantisan. Terdapat juga cadangan agar lebih baik program ini dijalankan pada hujung minggu agar tidak mengganggu PdP di sekolah. Berkenaan dengan sekolah-sekolah yang berada di pedalaman pula, program latihan industri ini turut dicadangkan agar dapat dengan kehadiran industri terpilih ke sekolah dan sekolah memilih industri yang benar-benar berpengalaman secara profesional untuk membuat perkongsian di sekolah. Terdapat juga cadangan agar industri yang dipilih menyertai program pula dicadangkan adalah dalam kalangan industri yang terkini dan relevan untuk perniagaan moden.

Cadangan keenam pada elemen penilaian adalah seperti mengadakan kesepadanan antara penilaian, objektif dan strategi. Ianya bagi memastikan, korelasi berlaku terhadap kandungan ketiga-tiga perkara ini jika latihan industri sebenar dilaksanakan selain memastikan rasionalisasi terhadap susunan sesebuah program. Terdapat juga

cadangan-cadangan lain secara program latihan industri ini digeneralisasikan secara meluas dengan memastikan umur pelajar di sekolah menengah atas sesuai melakukan aktiviti latihan industri, kebebasan pelajar diberi untuk memilih sendiri bidang perniagaan yang mereka minati dan memilih perniagaan tersebut untuk membantu mereka dalam latihan industri dengan bimbingan guru. Kesemua cadangan-cadangan ini, relevan untuk diambil perhatian, terhadap kajian lanjut yang ingin dijalankan.

## **5.7 Kesimpulan**

Reka bentuk program latihan industri bagi mata pelajaran perniagaan di sekolah menengah yang dibawakan dalam kajian ini telah berjaya membangunkan sebuah reka bentuk latihan industri berdasarkan instrumen yang menjawab objektif kajian iaitu untuk menentukan objektif, kandungan, bahan bantu latihan, strategi dan penilaian bagi reka bentuknya. Ianya disempurnakan dengan kesepakatan pakar dan menggariskan 26 item penting dan diterima, daripada 5 elemen tersebut. Keperluan reka bentuk ini jelas mencakupi kehendak-kehendak dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan malah disokong dengan 3 Model kajian iaitu Model Taba, Model Kurikulum Berasaskan Industri dan Model Perantisan Kognitif. Sorotan kajian-kajian lepas, dan rujukan dokumentasi berupa bahan bacaan ilmiah, jelas menunjukkan keberhasilan dan impak peningkatan prestasi wujud dengan adanya program seperti latihan industri.

Ruang, peluang dan pendedahan kepada dunia perniagaan yang semakin mencabar adalah perkara penting tentang hak pelajar untuk mengetahuinya. Teori dan praktikal atau 'mental' dan 'manual', tidak boleh dipisahkan, agar asas kemahiran keusahawanan yang dipelajari melalui kurikulum perniagaan dapat diperkukuhkan

dengan adanya program latihan industri. Penemuan yang paling ketara terhadap keperluan reka bentuk program latihan industri ini adalah kesemua item yang disenaraikan diterima 100% oleh pakar kerana kandungan yang digariskan adalah kandungan yang menepati kehendak kurikulum, misi, visi dan objektif mata pelajaran ini. Ianya juga adalah item-item penting yang dibina oleh pakar rujuk yang profesional dan berpengalaman dalam bidang Perniagaan dan kurikulum, serta ditadbir bersama pakar-pakar dalam bidang Perniagaan, Keusahawanan, Latihan Industri dan bidang TVET yang terdiri daripada tenaga pengajar, pensyarah, pegawai diperingkat pengurusan dari peringkat sekolah, jabatan dan institusi pengajian tinggi.

## RUJUKAN

- Abdul Muqsih, A. (2018). *Pembangunan model ENi berasaskan aktiviti inkuiri bagi program latihan kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia/Abdul Muqsih Ahmad* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Abdul Rahman Mahmud, (2021). *Membina Soal Selidik Langkah Demi Langkah*. Selangor
- Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle: The Delphi method and its application to social policy and public health*. Jessica Kingsley Publishers.
- Alberta Education. (2012). *Curriculum development processes from knowledge to action*. Retrieved from [http://www.education.alberta.ca/media/6809242/d\\_chapter1.pdf](http://www.education.alberta.ca/media/6809242/d_chapter1.pdf)
- Al Haddad, S., O'Neal, T., Batarseh, I., & Martoncik, A. (2021). Enabling academic entrepreneurship: the I-Corps experience. *Education+ Training*, 63(7/8), 1027-1042.
- Alias. N., Dewitt, D., & Jamaludin, K.A., (2018). *Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional Malaysia*. Universiti Malaya.
- Amin, N. F., Latif, A. A., Arsat, M., Suhairon, N., Jumaat, N. F., & Ismail, M. E. (2020). The implementation of the internship as a coursework in teaching and learning vocational education. *Journal of Technical Education and Training*, 12(1).
- Arifin, N. F., Rahman, R. S. A. R. A., & Othman, N. (2020). Tahap personaliti Big Six dan hubungannya dengan kecenderungan keusahawanan digital dalam kalangan pelajar kolej komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1 (SI)), 101-110.
- Arshad, I. H., Alias, N. R., Chik, N. K., Hamidon, H., Hamid, H. A., Razlan, N.M., ... & Ismail, M. N. (2017). Kit latihan industri yang komprehensif: Meningkatkan penyediaan laporan latihan industri di kalangan pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial Kontemporari*, 2(1), 37-37.
- Ayub, E., Nor, S., Mohamad, A., Wei, G. W., & Luaran, J. E. (2020). *Strategi Reka Bentuk Pembelajaran Rangka kerja untuk transformasi kandungan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi*. 10(12). <https://doi.org/10.18178/ijiet.2020.10.12.1474>
- Baharuddin, A. (2014). *Amalan penyeliaan pensyarah pembimbing terhadap pelaksanaan latihan industri di Politeknik Sultan Haji Ahamad Shah Kuantan, Pahang* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Perniagaan Tingkatan Empat*. Kementerian Pendidikan Malaysia.



- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). Kurikulum Standard Sekolah Menengah Perniagaan Tingkatan Lima. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bakar, R. (2020). Kajian Persepsi Terhadap Kursus Keusahawanan (DPB 2012) Di Kalangan Graduan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. *Journal on Technical and Vocational Education*, 5(2), 39-51.
- Bakar, M. J., Harun, R. J., K. Y. N. C. (2013). (2011). Persepsi Pelajar Perniagaan dan Perakaunan mengenai Program Internship Industri. *Jurnal Pendidikan dan Penyelidikan Vokasional* Vol. 1, No. 3, Ms. 72-79, Jun 2011, 53(9), 1689-1699
- Berliner, D. C. (2004a). Expert teachers: Their characteristics, development and accomplishments. *Bulletin of Science, Technology and Society*, 24(3), 200-212.
- Berliner, D.C. (2004b). Describing the Behaviour and Documenting the Accomplishments of Experts Teachers. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 24(3), 200-212
- bin Darusalam, G., & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Binder, J. F., Baguley, T., Crook, C., & Miller, F. (2015). The academic value of internships: Benefits across disciplines and student backgrounds. *Contemporary Educational Psychology*, 41, 73–82
- Blesia, J. U., Iek, M., Ratang, W., & Hutajulu, H. (2021). Developing an entrepreneurship model to increase students' entrepreneurial skills: An action research project in a higher education institution in Indonesia. *Systemic Practice and Action Research*, 34(1), 53-70.
- Bratianu, C., Hadad, S., & Bejinaru, R. (2020). Anjakan paradigma dalam pendidikan perniagaan: Pendekatan berasaskan kecekapan. *Kelestarian (Switzerland)*, 12(4). <https://doi.org/10.3390/su12041348>
- Bratianu, C., Stanescu, D. F., & Mocanu, R. (2021). Meneroka kesan pengurusan pengetahuan terhadap pendidikan perniagaan. *Kelestarian (Switzerland)*, 13(4), 1–16. <https://doi.org/10.3390/su13042313>
- Castaneda, D. I., & Cuellar, S. (2021). Knowledge sharing in business education. *Sustainability*, 13(7), 3657.
- Chen, T. L., & Shen, C. C. (2012). Today's intern, tomorrow's practitioner? - The influence of internship programmes on students' career development in the Hospitality Industry. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 11(1), 29–40.
- Chen, T.-L., Shen, C.-C., & Gosling, M. (2018). Does employability increase with internship satisfaction? Enhanced employability and internship satisfaction in a hospitality program. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 22(April), 88–99.

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Clarke, M. (2018). Rethinking graduate employability: The role of capital, individual attributes and context. *Studies in higher education*, 43(11), 1923-1937. <https://doi.org/10.1080/03075079.2017.1294152>
- Collins, A., Joseph, D., & Bielaczyc, K., (2004) "Design research: Theoretical and methodological issues" dlm. *The Journal of the Learning Sciences*, 13(1), hlm.15-42.
- Collins, A., Brown, J. S., & Holum, A. (1991). Cognitive apprenticeship: Making thinking visible. *American educator*, 15(3), 6-11.
- D'abate, C. P., Youndt, M. A., & Wenzel, K. E. (2009). Making the most of an internship: An empirical study of internship satisfaction. *Academy of Management Learning & Education*, 8(4), 527-539.
- Dennen, V. P., & Burner, K. J. (2008). The cognitive apprenticeship model in educational practice. *Handbook of research on communication and educational technology*, 3, 425-439.
- Education, A. (2012). Curriculum redesign. *Alberta Education web-site*. <http://education.alberta.ca/department/ipr/curriculum/standards.aspx> (accessed October 24, 2012).
- Ericsson, K. A., Krampe, R. T., & Tesch-Römer, C. (1993). The role of deliberate practice in the acquisition of expert performance. *Psychological review*, 100(3), 363.
- Fan, M. F., Alias, N., & DeWitt, D. (2020). Research And Trends In The Studies Of Entrepreneurship Education: A Review Of Selected Journals. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(4), 12-20.
- Frolova, Y., Alwaely, S. A., & Nikishina, O. (2021). Knowledge Management in Entrepreneurship Education as the Basis for Creative Business Development. *Sustainability*, 13(3), 1167.
- Ferreras-Garcia, R., Sales-Zaguirre, J., & Serradell-López, E. (2021). Developing entrepreneurial competencies in higher education: a structural model approach. *Education+ Training*.
- Gessler, M. (2009). Situated learning and cognitive apprenticeship. *International Handbook of Education for the Changing World of Work: Bridging Academic and Vocational Learning*, 1611-1625.

- Gujrati, R., Lawan, L. A., Jain, E., & Tyagi, V. (2019). Entrepreneurial Intention of Undergraduates in Nigeria: The Role of Subjective Norm. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8(2), 6220-6226.
- Hamdan, I. N., & Rahman, S. A. (2020). Identifying issues and challenges in industrial training among Psychology undergraduates. *Language Teaching and Educational Research*, 3(1), 1-15.
- Hardie, B., Highfield, C., & Lee, K. (2020). Entrepreneurship education today for students' unknown futures. *Journal of Pedagogical Research*, 4(3), 401-417.
- Harry Jones, & Brian Twiss. (1978). *Predictive Technologies for Planning Decisions (February Issue)*.
- Hibbard, L., Leonard, R. & Pai, A. (2015, November 2015). Curriculum Design for Equity and Excellence, presented at Advancing Social Justice from Classroom to Community, New York University. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/305280544>.
- Ibrahim, W. N. A., Bakar, A., Asimiran, S., Mohamed, S., & Zakaria, N. S. (2015). Impact of Entrepreneurship Education on the Entrepreneurial Intentions of Students in Technical and Vocational Education and Training Institutions (TVET) in Malaysia. *International Education Studies*, 8(12), 141-156.
- Idrus, H., Noor, A. M., Salleh, R., & Hashim, H. M. (2010, December). An exploratory study on interns' communicative abilities: The industrial internship experience. In *2010 2nd International Congress on Engineering Education* (pp. 1-6). IEEE
- Irdyanti Mat Nashir, Ramlee Mustapha & Abdullah Yusoff. (2015a) "Delphi Technique: Enhancing research in technical and vocational education" in *Journal of Technical Education and Training*, 7(2), 12-23, 2015a
- Irdyanti Mat Nashir, Ramlee Mustapha & Abdullah Yusoff. Membangunkan instrumen kepimpinan dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional: Penggunaan teknik Delphi terubah suai. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis*, 11(1), 41-47, 2015b
- Ishengoma, E., & Vaaland, T. I. V. (2016). Can university-industry linkages stimulate students employability? *Education + Training*, 58, 18-44.
- Jamaludin, K. A., Alias, N., DeWitt, D., & Razzaq, A. R. (2019). Framework for technical communication skills content development for students in Malaysian vocational colleges: A fuzzy delphi study. *Journal of Technical Education and Training*, 11(4).
- Jamil, M.R.M., (2016), *Pembangunan Model Kurikulum Latihan SkiVes bagi Program Pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan Kerja* (Doctoral dissertation, University of Malaya)

- Jamil, M. R. M., Siraj, S., Yusof, F., Noh, N. M., Hussin, Z., & Sapar, A. A. (2015). Penggunaan Teknik Delphi Fuzzy kepada Keperluan Elemental Keusahawanan Bagi Pensyarah Kejuruteraan Politeknik Malaysia. *International Journal of Perniagaan dan Teknousahawanan*, 5(1), 135–150.
- Jamil, M.R.M., & Noh, N.M., (2021), *Kepelbagaian metodologi dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan*. Qaisar Prestige Resources.
- Januszewski, A., & Grzeszczak, M. (2021). Internship of Accounting Students in the Form of E-Learning: Insights from Poland. *Education Sciences*, 11(8), 447.
- Jessup, G. 1968. *Outcomes: NVQs and the Emerging Model of Education and Training*. London: The Falmer Press
- Jones, H., & Twiss, B. C. (1978). *Forecasting technology for planning decision*. London, UK: Macmillan Press Ltd.
- Kalaivany Mageswaran & Norasmah Othman. (2022). Minat Guru Perniagaan dan Ciri Keusahawanan Murid Jurusan Perniagaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001606. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1606>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2016. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pengajian Tinggi (2010). Dasar Latihan Industri. Kementerian Pendidikan Malaysia. [http://bpn.mypolycc.edu.my/bahan/BIPDDasar%20LI%20IPT%20\(1\).pdf](http://bpn.mypolycc.edu.my/bahan/BIPDDasar%20LI%20IPT%20(1).pdf)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Kerangka Kurikulum Mata Pelajaran (Perniagaan), Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 2 Tahun 2017: Format Instrumen Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI). Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Mulai 2018. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan

- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundations of behavioral research* (3<sup>rd</sup> ed.). Fort Worth, TX: Holt, Rinehart & Winston.
- Khairul A. J., Norlidah A., Dorothy D., Abdul R. A. R. (2019). Framework for Technical Communication Skills Content Development for Students in Malaysian Vocational Colleges: A Fuzzy Delphi Study. *Journal of Technical Education and Training*. Vol. 11 No. 4 (2019) 36-44  
<http://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/jtet>
- Khan, S. A., Sharma, P. P., & Thoudam, P. (2019). Role of attitude and entrepreneurship education towards entrepreneurial orientation among business students of Bhutan. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8.
- Konting, M.M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konting, M.M. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Laamemets, U. & Ruubel, K.K. (2013). The Taba-Tyler Rationalies. *Journal of the American Associates for the Advancement of Curriculum Studies*, 9, 1-12
- Latif, N. A. A., Zulkifli, C. N., Desa, M., Berahim, R. R. R., & Nor, N. K. M. (2021). Pelaksanaan Program Latihan Berasaskan Teknologi kepada Belia Berprestasi Rendah Akademik dalam Meningkatkan Kualiti Hidup. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 189-200.
- Mageswaran, K. and Othman, N. (2022) “Minat Guru Perniagaan dan Ciri Keusahawanan Murid Jurusan Perniagaan”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), p. e001606. doi: 10.47405/mjssh.v7i5.1606.
- Mahmood, R., Zahari, A. S. M., Ibrahim, N., Jaafar, N. F. H. N., & Yaacob, N. M. (2021). The Impact of Entrepreneur Education on Business Performance. *Asian Journal of University Education*, 16 (4), 171-180.
- Makhbul, Z. M., Yussof, I., dan Awang, A.H. (2015). Antara realiti dan harapan – Kajian empirikal persepsi majikan terhadap prestasi graduan tempatan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11 issue 10 (27 - 36)
- Majoni, C. (2017). Curriculum overload and its impact on teacher effectiveness in primary schools. *European journal of education studies*. Marshal, C., & Rossman, G. B. 1989. *Designing Qualitative Research*. Newbury Park, California: Sage Publication
- Matsuo, M., & Tsukube, T. (2020). Ulasan mengenai perantisan kognitif dalam penyelidikan pendidikan: Permohonan untuk pendidikan pengurusan. *Jurnal Antarabangsa Pendidikan Pengurusan*, 18(3), 100417.

- Meenaloshini, S., Boosroh, M. H., & Yusoff, M. Z. (2005). Industrial Training: An Analysis on the Implementation of Industrial Training for Mechanical Engineering Students in UNITEN, 365–368.
- Minghat, A.R., & Yasin, R.M. (2010). A Sustainable framework for technical and vocational education in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 9, pp. 1233-1237
- Mohammad Shafi, M., Neyestani, M. R., Jafari, S. E. M., & Taghvaei, V. (2021). The Quality Improvement Indicators of the Curriculum at the Technical and Vocational Higher Education. *International Journal of Instruction*, 14(1), 65-84. <https://doi.org/10.29333/iji.2021.1415a>
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh, & Ahmad Ariffin Sapar. (2017). *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan*. Bangi, Selangor: Minda Intelek Agency
- Nawang, W. M. Z. W., Saat, N. H., Ahmad, S., & Mamat, I. (2016). Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 87-98.
- Noor, N. B. H. M., & Shahir, N. B. M. (2010). Penerapan Kemahiran Generik Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (PTK) Tahun Empat Di UTM Semasa Latihan Industri. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*
- Nor, P. N. S. M. M., & Ismail, S. (2015). Effect of Industrial Training on Academic Performance: Evidence from Malaysia. *Journal of Technical Education and Training*, 7(2).
- Ocampo, L., Ebisa, J. A., Ombe, J., & Geen Escoto, M. (2018). Sustainable ecotourism indicators with fuzzy Delphi method: A Philippine perspective. *Ecological Indicators*, 93, 874–888. <https://doi.org/10.1016/j.ecolind.2018.05.060>
- Omar, B., Alias, N., & Zulnaidi, H. (2020). Fuzzy Delphi Approach Determining Element in Competence Development Among Vocational College Business Graduates. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 1(1) 2020
- Omar, N. H., & Othman, N. (2021). Sikap Keusahawanan dan Pencapaian Prestasi Subjek Perniagaan Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 252-264.
- Oriol, M. D., Tumulty, G., & Snyder, K. (2010). Cognitive apprenticeship as a framework for teaching online. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*, 6(1), 210-217.
- Ornstein, A.C. & Hunkins, F.P. (2017). *Curriculum, Principles And Issues*. Seventh Edition. Boston: Allyn and Bacon

- Othman Talib. 2018. *SPSS Analisis Data Kuantitatif untuk Penyelidik Muda*. MPWS Rich Publication.
- Peng, K. A., Noor, M. A. M., & Latip, N. A. M. (2020). Pengaruh Kecerdasan Pelbagai terhadap Pencapaian Akademik Pelajar bagi Subjek Pengajian Perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak. (Influence of Multiple Intelligences Toward Students' Academic Performance for the Subject Business Studies in Larut Matang & Selama, Perak.). *Akademika*, 90(S3).
- Price, K., & Ronnie, L. (2021). Contextual factors influencing entrepreneurship education at a South African University of Technology. *The Southern African Journal of Entrepreneurship and Small Business Management*, 13(1), 11.
- Radzi, N. M., & Ghani, M. F. A. (2021). The Design Of Effective School Enterprise Programme For Vocational Colleges In Malaysia: An Application Of Fuzzy Delphi Method. *MOJEM: Malaysian Online Journal of Educational Management*, 9(4), 73-96.
- Rahman, N. A., & Buang, N. A. (2019). Hubungan Gaya Pengajaran Guru Dengan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan, *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4(31), 248-259.  
<http://DOI: 10.35631/IJEPC.4310021>
- Rajan, K., & Othman, N. H. (2022). Pengetahuan dan Kemahiran Teknologi Maklumat serta Komunikasi Guru Terhadap Prestasi Subjek Perniagaan Murid Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 204-215.
- Renganathan, S., Karim, Z. A. B. A., & Li, C. S. (2012). Students' perception of industrial internship programme. *Education + Training*. 54(2/3), 180-191.  
<http://doi: 10.1108/00400911211210288>
- Rodzalan, S. A., Noor, N. M., Arif, L. M., & Saat, M. M. (2020). Factors Influencing the Improvement of Students' Critical Thinking and Problem-Solving Skill: An Industrial Training Intervention. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 15(22), 134-145.
- Römgens, I., Scoupe, R., & Beusaert, S. (2020). Unraveling the concept of employability, bringing together research on employability in higher education and the workplace. *Studies in Higher Education*, 45(12), 2588-2603.
- Rus, R. C., Husain, M. A. M., Hanapi, Z., & Mamat, A. B. (2020). TVETagogy: Teaching and Facilitating Framework (PDPC) for Technical and Vocational Education and Training (TVET). *Int. J. Acad. Res. Bus. Soc. Sci*, 10(3).

- Said, S. M., Elley, R. A. Z., Shamsudin, S., & Manan, A. A. (2017). Cognitive apprenticeship elements in industrial training context: English language curriculum planning perspectives. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 12(7), 1785–1789. <https://doi.org/10.3923/jeasci.2017.1785.1789>
- Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, & Rozaini Muhamad Rozkee. (2021). *Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan: Vol. Volume 2*. Universiti Pendidikan Sultan Idris .
- Samiksha Neroorkar & P. Gopinath (2020) Impact of Industrial Training Institutes (ITIs) on the employability of graduates—a study of government ITIs in Mumbai, *Journal of Vocational Education & Training*, 72:1, 2346, <http://DOI: 10.1080/13636820.2019.1575895>
- Segers, M., & Dochy, F. (2001). New assessment forms in problem-based learning: the value-added of the students' perspective. *Studies in higher education*, 26(3), 327-343.
- Seikkula-Leino, J., Salomaa, M., Jónsdóttir, S. R., McCallum, E., & Israel, H. (2021). EU policies driving entrepreneurial competences—Reflections from the case of EntreComp. *Sustainability*, 13(15), 8178.
- Shamsuzzoha, A., Toshev, R., Vu Tuan, V., Kankaanpaa, T., & Helo, P. (2021). Digital factory–virtual reality environments for industrial training and maintenance. *Interactive learning environments*, 29(8), 1339-1362.
- Sulaiman Ngah Razali. (2000). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Stabback, P. (2016). What Makes a Quality Curriculum? In-Progress Reflection No. 2 on "Current and Critical Issues in Curriculum and Learning". *UNESCO International Bureau of Education*.
- Taba, H. (1962). *Curriculum Development. Theory and Practice*. New York: Harcourt, Brace and World.
- Tabbron, G., & Yang, J. (1997). The Interaction Between Technical and Vocational Education and Training (TVET) And Economic Development in Advanced Countries. *International Journal Educational Development*. 3(17). pp 323-334.
- Tan, W. K., & Umemoto, M. (2021). International Industrial Internship: A Case Study from a Japanese Engineering University Perspective. *Education Sciences*, 11(4), 156.
- Teixeira, S. J., Casteleiro, C. M. L., Rodrigues, R. G., & Guerra, M. D. (2018). Entrepreneurial intentions and entrepreneurship in European countries. *International Journal of Innovation Science*.
- Tisdale, K. (2001). Dissention and distress in a cognitive apprenticeship in reading. *Literacy Research and Instruction*, 41(1), 51-82.



- Woolley, N. N., & Jarvis, Y. (2007). Situated cognition and cognitive apprenticeship: A model for teaching and learning clinical skills in a technologically rich and authentic learning environment. *Nurse education today*, 27(1), 73-79.
- Wellington, J. (1993). *The work related curriculum: Challenging the vocational imperatives*. London, UK: Kogan Page Limited.
- Yorke, M. (2006) Employability in Higher Education: What It Is-What It Is Not: Learning & Employability Series 1. The Higher Education Academy, York. [http://www.heacademy.ac.uk/assets/documents/tla/employability/id116\\_employability\\_in\\_higher\\_education\\_336.pdf](http://www.heacademy.ac.uk/assets/documents/tla/employability/id116_employability_in_higher_education_336.pdf)
- Yusof, N., & Fauzi, S. N. F. M. (2013). Students' Performance in Practical Training: Academicians Evaluation. *Procedia -Social and Behavioral Sciences*, 93, 1275–1280.
- Zainun, Z., Razalli, A. R., Kamis, A., & Hock, K. E. (2020). The implementation of industrial training for students with a disability: the role of adaptability in enhancing their workplace well-being. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 12(7), 221-235.
- Zopiatis, A., & Constanti, P. (2012). Managing hospitality internship practices: A conceptual framework. *Journal of Hospitality and Tourism Education*, 24(1), 44–51.
- Zulfiqar, S., Al-reshidi, H. A., Al Moteri, M. A., Feroz, H. M. B., Yahya, N., & Al-Rahmi, W. M. (2021). Understanding and predicting students' entrepreneurial intention through business simulation games: A perspective of COVID-19. *Sustainability*, 13(4), 1838.